



## DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS

### PENGGAL PERTAMA

### MESYUARAT KEDUA

---

**SHAH ALAM, 02 JULAI 2013 [ SELASA ]**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

### **YANG HADIR**

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim  
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim D.P.M.S.  
(Sungai Pinang)

Y.B. Tuan Iskandar bin Abdul Samad (Chempaka)

Y.B. Puan Rodziah binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Sallehen bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Puan Dr. Halimah binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/l Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)

Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)  
**(Timbalan Speaker Dewan Negeri)**

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/I Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Amirudin bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Tuan Zaidy bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Mohd Shafie bin Ngah (Bangi)

Y.B. Tuan Lee Chin Cheh (Kajang)

Y.B. Tuan Hasnul bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Teluk Datuk)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin bin Lias  
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin bin Setro  
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Tuan Sulaiman bin Abdul Razak  
S.M.S., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Datuk Rosni binti Sohar  
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.B. Tuan Jakiran bin Jacomah  
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B. Puan Halimaton Saadiah binti Bohan  
A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Kamarol Zaki bin Haji Abdul Malik P.J.K.  
(Sungai Air Tawar)

Y.B. Tuan Budiman bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Mat Nadzari bin Ahmad Dahlan (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrum bin Mohd Sharif (Dengkil)

## **TIDAK HADIR**

Y.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Tuan Abdul Shukur bin Haji Idrus  
K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)  
**(Cuti sakit)**

Y.B. Datuk Haji Johan bin Abd Aziz  
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)  
**(menunaikan Umrah)**

## **TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Noordin bin Sulaiman, DPMS., SIS.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

## **PEGAWAI BERTUGAS**

Encik Suliman bin Abd Rahman, A.M.S., P.P.T.  
**Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)**

Puan Noor Asdiana binti Abd Kadir  
**Ketua Penolong Setiausaha**

Puan Mazian binti Manan  
**Penolong Setiausaha**

Puan Noor Diana binti Razali  
**Penolong Setiausaha**

Encik Zawawi bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha**

Puan Siti Salbiah binti Masri  
**Penolong Pegawai Tadbir**

Puan Siti Salina binti Muftar  
**Setiausaha Pejabat**

Encik Ismail bin Habib  
**Bentara**

Encik Shazrin bin Dzahari  
Encik izal Izlan bin Misnor  
**Penolong Bentara**

Puan Noor Syazwani binti Abd Hamid  
Puan Hajah Noridah binti Abdullah  
**Pelapor Perbahasan**

**(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat )**

**SETIAUSAHA DEWAN** : *Bismillahir rahmanir rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan urusan mesyuarat bagi Mesyuarat Kedua Persidangan Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor Yang Ketiga Belas dimulakan dengan bacaan doa.

**I. DOA**

**SETIAUSAHA DEWAN** : Aturan Mesyuarat seterusnya pertanyaan-pertanyaan soalan.

**II. PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**TUAN SPEAKER** : Meru.

**Y.B. ABD RANI BIN OSMAN** : Terima kasih Tuan Speaker, Soalan No. 19.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN  
(MERU)**

**TAJUK** : **KES DENGGI**

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah kes demam denggi yang dilaporkan pada tahun 2011 dan 2012? Sila berikan taburan kes menurut daerah.
- b) Apakah langkah-langkah untuk mengurangkan jumlah kes-kes demam denggi ini?

**TUAN SPEAKER** : Sementa.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI** : Tuan Speaker terima kasih pada Meru kerana memberi soalan iaitu berapakah jumlah kes demam denggi yang dilaporkan pada tahun 2011 dan 2012. Jumlah kes demam denggi di Selangor pada tahun 2011 adalah sebanyak 7769 kes yang dilaporkan manakala pada tahun 2012 adalah sebanyak 9113 kes. Peningkatan adalah sebanyak 17% dilaporkan. Taburan kes mengikut daerah adalah seperti berikut:

Daerah Klang paling tinggi pada tahun 2012 iaitu sebanyak 2,291 meningkat dari tahun 2011 iaitu 1,366. Diikuti dengan Daerah Petaling iaitu sebanyak 2554 meningkat daripada tahun 2011 sebanyak 2074 yang ketiga adalah Daerah Hulu Langat iaitu sebanyak 2242 meningkat daripada tahun 2012 sebanyak 1,995. Daerah-daerah lain adalah Gombak 970. Diikuti dengan Hulu Selangor 261.

Kuala Selangor 272 . Sepang 214. Kuala Langat 189 dan Sabak Bernam 120. Jumlah keseluruhan ialah 9113.

Untuk Soalan 2 untuk mengurangkan jumlah kes-kes demam denggi. Langkah yang diambil oleh Jabatan Kesihatan Negeri Selangor untuk mengawal kejadian demam denggi ini ialah :

- i. Penekanan kepada masyarakat tentang pencegahan jangkitan denggi melalui konsep ‘Kebersihan Setiap Hari, Setiap Masa dan Di Mana Jua (*Everyday Cleanliness, Everytime, Everywhere*). Ini memerlukan kerjasama daripada Pihak Berkuasa Tempatan untuk memastikan aktiviti pembersihan dan kutipan sampah pukal dilaksanakan secara teratur dan berjadual.
- ii. Penubuhan skuad denggi dan pasukan COMBI (*Communication For Behavioral Impact*) di kalangan persatuan penduduk, agensi kerajaan, agensi swasta dan penubuhan bukan kerajaan untuk mempertingkatkan penglibatan masyarakat tempatan dalam aktiviti pencegahan dan kawalan denggi seperti gotong-royong, pemeriksaan rumah untuk tempat pembiakan nyamuk Aedes dan pembuangan sampah secara teratur.
- iii. Mesyuarat Mingguan Jawatankuasa Wabak Denggi Daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah, diadakan di semua daerah yang mengalami wabak denggi. Tujuan utama mesyuarat ini ialah untuk meningkat koordinasi pelbagai agensi kerajaan/ bukan kerajaan/ NGO dan persatuan penduduk untuk mengatasi faktor risiko pembiakan nyamuk Aedes di lokaliti wabak denggi.
- iv. Menjalankan langkah-langkah kawalan denggi seperti semburan kabus dan larvisiding, dengan pantas bila kes denggi dilaporkan oleh klinik/ hospital kerajaan dan swasta.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat, masa untuk menjawab sudah habis.

**Y.B. PUAN GAN PEI MEI** : Soalan Tambahan Puan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Ya Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI MEI** : Rawang ingin bertanya apakah sebenarnya punca wabak denggi ini. Memandangkan di lokaliti-lokaliti tertentu setiap tahun akan berulang dan juga mencatatkan kes yang tinggi.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI** : Terima kasih Rawang. Puan Speaker masalah-masalah yang menyebabkan wabak denggi ini adalah antaranya ialah longkang-longkang tersumbat yang tidak diselenggarakan dengan baik.

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE** : Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Balakong.

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE** : Terima kasih Puan Speaker. Saya nak bertanya punca-punca menyebabkan denggi adalah sampah pukal dan kami terutamanya dari Balakong nampak. Kebanyakan yang menyumbangkan dan yang menjadi masalah bagi warga-warga asing dan akan ambil bagi menyelesaikan masalah.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI** : Terima kasih Balakong. Untuk mengatasi masalah ini kita daripada Pejabat Kesihatan Negeri Selangor mengarahkan kepada PBT untuk bersama-sama melaksanakan program-program pembersihan gotong-royong dan untuk di kawasan warga asing kita akan bersama-sama Pihak PBT dan juga Pihak Imigresen untuk bersama-sama melihat masalah ini dan mungkin beberapa perkara yang kita akan adakan bersama yang sedang dalam cadangan. Terima kasih.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Puan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Bagi menjayakan program membanteras denggi sokongan dan kerjasama ADN di peringkat kawasan perlu tetapi kami kekurangan maklumat. Adakah pihak kerajaan akan menyenaraikan kes-kes denggi menurun bahagian ADN. DN kawasan.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI** : Puan Speaker terima kasih kepada Hulu Kelang. Tentang kes-kes denggi yang mana-mana pihak ADN yang tidak dapat maklumat sebenarnya di Pihak PBT sentiasa mempunyai maklumat-maklumat tersebut yang mana setiap bulan, Jabatan Kesihatan akan memberi maklumat kepada Pihak PBT dan sekiranya Pihak ADN memerlukan maklumat tersebut boleh mendapatkannya daripada Jabatan Kesihatan di PBT masing-masing. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Soalan seterusnya Sg. Air Tawar.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HJ. ABDUL MALIK** : Terima kasih Puan Speaker. Soalan No. 20.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK  
(SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK : KAFA MENENGAH**

20. Manifesto PRU-13 Pakatan mahu membina sebuah KAFA Menengah di Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah konsep operasi KAFA sedia ada berbanding KAFA Menengah?
- b) Di manakah kawasan akan dibina KAFA ini?

**Y.B. TUAN SALLEHEN B. MUKHYI** : Terima kasih kepada Puan Speaker dan terima kasih kepada Sg. Air Tawar. Soalan Sg. Air Tawar mohon penjelasan berkaitan dengan konsep operasi KAFA sedia ada berbanding dengan KAFA Menengah. Untuk perhatian Sg. Air Tawar bagi KAFA bermula dengan pelajar berumur 7 hingga 12 tahun. Manakala KAFA Menengah bermula dari 13 hingga 16 tahun. Kemudian bagi KAFA Rendah murid adalah dari Sekolah Kebangsaan dan KAFA Menengah murid daripada Sekolah Menengah Kebangsaan yang berhampiran. Kemudian bagi KAFA Rendah perlaksanaan sekolah ialah 5 hari seminggu. Manakala bagi KAFA Menengah perlaksanaan Sekolah Menengah 3 hari 1 minggu dan KAFA Rendah dari segi kurikulumnya Al-Quran, Fardu Ain dan Bahasa Arab. KAFA Menengah kurikulumnya adalah Al-Quran dan Fardu Ain. KAFA Rendah operasi berjalan di bangunan sendiri di Masjid dan di surau. KAFA Menengah operasinya berjalan di Sekolah Rendah Agama, Masjid dan Surau. KAFA Menengah juga akan menampung pelajar yang gagal masuk ke Sekolah Agama Menengah.

Bagi soalan kedua di manakah kawasan akan dibina KAFA ini? Pada dasarnya kerajaan negeri belum lagi mendirikan sebuah Sekolah Menengah yang khusus berkaitan KAFA ini. Namun untuk 2014 KAFA menengah ini sedang dan diusahakan untuk beroperasi di Sekolah-sekolah Rendah berikut:-

- i. SRA Bukit Sentosa Fasa 1, Hulu Selangor
- ii. SRA Bandar Tasik Puteri, Gombak
- iii. SRA Saujana Utama, Kuala Selangor
- iv. SRA Jalan Kebun, Klang
- v. SRA Bandar Bukit Puchong, Sepang
- vi. SRA Medan Harun, Petaling
- vii. SRA Kampung Medan, Kuala Langat
- viii. SRA Pandan Indah, Hulu Langat

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HJ. ABDUL MALIK** : Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Sg. Air Tawar.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HJ. ABDUL MALIK** : Puan Speaker, adakah bekas Yayasan Selangor di Bagan Terap berkaitan dengan projek ini. Terima kasih.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI** : Untuk Sekolah Menengah Agama Bagan Terap ianya akan di draf persetujuui untuk Maahad Tahfiz Integrasi yang sekarang ini sebenarnya pelajar-pelajarnya telah ada dan buat sementara ini berada ILDAS

berkursus dalam program ini menunggu sehingga siap segala kemudahan dan penstrukturran dan kemudian nanti bila siap dipindahkan.

**TUAN SPEAKER** : Kota Anggerik:

**Y.B. TUAN DR. YAABOB BIN SAPARI** : Puan Speaker, soalan tambahan saya. Adakah pelajar-pelajar Menengah yang menduduki KAFA Menengah ini akan ambil subjek Al-Azhari seperti juga Sekolah Agama Menengah sekarang ini dan tingkatan 4 mengambil SMA.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI** : Bagi KAFA ini kita menggariskan KAFA bagi subjek untuk Sekolah Menengah ini kurikulumnya adalah Al-Quran dan Fardu Ain. Jadi peringkat KAFA ini lah peringkat asas. Jadi kita belum bercadang untuk memasukkan subjek Al-Azhari untuk penguasaan kepada KAFA di peringkat Menengah kerana ianya satu tahap yang tinggi. Namun kita melihat kiranya pencapaian pelajar ini mampu untuk ke arah itu maka Kerajaan Negeri bersedia untuk melaksanakannya.

**TUAN SPEAKER** : Sg. Pelek.

**Y.B. PUAN LAI NYUK LAN** : Terima kasih Puan Speaker, soalan ke No. 21.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**

**Y.B. PUAN LAI NYUK LAN  
(SUNGAI PELEK)**

**TAJUK: ISU BANJIR KILAT**

21. Bertanya Kepada Y.A.B. Dato Menteri Besar :

- a) Bagaimanakah Kerajaan Negeri Selangor menangani isu banjir kilat di kawasan Kg. Giching, Lembah Paya dan Kg. Labu Lanjut?

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Puan Speaker, bagi menjawab soalan daripada Sg. Pelik berkaitan isu khusus banjir kilat di kawasan Kg. Ginching, Lembah Paya dan juga Kampung Labu Lanjut. Kerajaan Negeri mempunyai beberapa tindakan yang kita fikirkan untuk menangani beberapa masalah ini dan kita mempunyai tindakan jangka masa pendek dan juga tindakan jangka masa panjang. Antara tindakan jangka masa pendek adalah perlaksanaan kerja-kerja mendalamkan dan melebarkan Sungai Ginchang, membentuk semula benteng sungai serta membaiki pintu air, pintu kawalan air atau pun *flap gate* di laluan Sungai Ginchang dengan menggunakan peruntukan dan anggaran kos sebanyak lebih kurang satu RM1 juta. Bagi tindakan jangka masa panjang adalah disyorkan agar kerja-kerja menaik taraf perlu dilaksanakan terhadap Sungai Ginchang, Jijan yang mana aliran tersebut akan bersambung dengan Sungai Cincang dan juga Sungai Labu. Skop kerja yang terlibat adalah termasuk kepada kerja-kerja pelebaran dan pendalaman sungai, pengukuhan tebing dan benteng atau pendinding penahanan banjir atau pun *flood wall*, menaik taraf jambatan atau pun lintasan, menaik taraf pintu kawalan air serta pembinaan rumah pam dan anggaran kos

adalah sejumlah RM47 juta termasuk pengambilan balik tanah, pengalihan utiliti serta kerja ukur serta siasatan tanah. Kekangan semasa adalah berkaitan dengan hak milik tanah yang mana kawasan ini melibatkan banyak kawasan hak milik. Projek pembinaan boleh dilaksanakan sekiranya dengan segera, sekiranya masalah pengambilan balik tanah itu selesai nanti. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Kajang.

**Y.B. TUAN LEE CHIN CHEH** : Terima kasih Puan Speaker. Soalan No. 22.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LEE CHIN CHEH  
(KAJANG)**

**TAJUK: RUMAH MAMPU MILIK**

22. Bertanya Kepada Y.A.B. Dato Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah rumah mampu milik telah dibina oleh Kerajaan Negeri Selangor atau melalui agensi-agensinya dalam setiap tahun sejak 2008 sehingga 2012?
- b) Berapakah jumlah rumah mampu milik akan dibina dan dicadang dibina oleh kerajaan negeri Selangor atau agensi-agensinya mengikut kawasan pentadbiran setiap PBT dalam tahun 2013 sehingga 2015?
- c) Apakah syarat-syarat kelayakan dalam permohonan rumah mampu milik?

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : Terima kasih Puan Speaker dan terima kasih Kajang. Untuk menjawab soalan tersebut kerajaan Negeri melalui syarikat anaknya atau pun anak syarikatnya iaitu PKNS telah membina 1,422 unit rumah mampu milik di Bukit Botak, Selayang atau pun sekarang ini namanya akan ditukar. Yang kedua yang telah dibina adalah di Seksyen 3, Bandar Baru Bangi sebanyak 124 unit. Untuk rumah-rumah mampu milik yang akan dibina seterusnya, yang pertama adalah fasa 1, 2010 hingga 2013 di mana pembinaannya akan dimulakan di kawasan MBSA atau pun Majlis Bandaraya Shah Alam. Di Seksyen U12 sebanyak 104 unit, ini telah dilancarkan pecah tanah telah dilakukan. Yang kedua adalah di MBSA juga di Sutera Damansara, Sg, Buloh sebanyak 236 unit juga telah dilancarkan pecah tanah telah dijalankan. Di Majlis Perbandaran Selayang, MPS ada dua, iaitu di Kampung Temenggung 418 unit dan juga Seksyen 5, Kota Puteri 198 unit. Kedua-duanya tengah menunggu kebenaran merancang yang seterusnya adalah di Majlis Perbandaran Klang iaitu Jalan Mat Sidin, iaitu 210 unit. Majlis Daerah Hulu Selangor MDHS Di Antara Gapi 129 unit, yang ini juga telah di pecah tanah dan telah juga dilancarkan dan seterusnya adalah di Majlis Daerah Sabak Bernam iaitu pusat Rehat dan Rawat Ladang Air Manis, yang ini juga telah dilancarkan dan di pecah tanah. Keseluruhannya bagi fasa 1 adalah 1,775 unit dan seterusnya iaitu pada fasa kedua di antara 2014 hingga 2021 di kawasan MBSA di U10, 600 unit, MBSA juga Seksyen U12, 850 unit. Majlis

Perbandaran Selayang di Kota Puteri 1,064 unit. Di Majlis Perbandaran Sepang MPSP, Selangor Sains Park 2, 840, dan seterusnya di Majlis Daerah Hulu Selangor Antara Gapi 1,227 unit. Dan Bernam Jaya 5,000, Keseluruhannya untuk fasa ke dua adalah 9,581 unit. Tentang syarat-syarat mereka yang dibolehkan membeli rumah mampu milik adalah:-

1. Warga Negara Malaysia.
2. Berumur 18 tahun ke atas.
3. Pendapatan isi rumah di antara 2,500.00 hingga 5,000.00 ringgit sebulan.
4. Belum memiliki sebarang jenis rumah di Negeri Selangor. Pemohon yang telah memiliki rumah kos rendah selama lima tahun ke atas boleh memohon rumah mampu milik sebagai rumah kedua tetapi tertakluk kepada syarat had kelayakan pendapatan pemohon.
5. Pembelian rumah adalah untuk didiami dan bukan untuk disewa. Dan
6. Hartanah ini hanya boleh dipindah milik setelah lima tahun dengan kebenaran pihak berkuasa negeri.

Terima kasih.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA :** Taman Medan ingin tahu bagaimana maklumat berkaitan dengan rumah mampu milik yang masih belum dijual, boleh didapati, itu yang pertamanya. Yang kedua, adakah Pejabat DUN boleh mengedarkan borang-borang permohonan itu bagi memudahkan orang awam mendapatkan borang tersebut.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** Jualan rumah mampu milik kita kawal, kerana kita tidak mahu berlaku mereka yang membelinya untuk mendapatkan keuntungan semata-mata. ia adalah melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor di mana senarainya ada di situ, dan di situ juga ada borang yang berharga RM 5 satu dan pihak DN boleh mendapatkan atau pun pihak Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian boleh mendapat borang tersebut daripada Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor dan kita juga akan menurunkan borang-borang itu seperti mana borang untuk rumah kos rendah di Pejabat Daerah dan PBT, ianya juga akan diturunkan selepas ini ke PBT dan juga kepada Pejabat Daerah. Terima kasih.

**Y.B. TUAN RAJIV A/I RISHYKARAN :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/I RISHYKARAN** : Terima kasih Puan Speaker. Ah! Y.B., Yang Berhormat Cempaka. Saya perhatikan senarai projek-projek ini terdapat di pinggiran Bandar. Bagaimana pula dengan pembangunan semula di kawasan bandar seperti di Petaling Jaya. Adakah rancangan untuk rumah mampu milik akan dilaksanakan di pertengahan bandar.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : Ada beberapa cadangan yang sekarang ini dalam kajian untuk kawasan-kawasan bandar untuk kita bangunkan rumah mampu milik tetapi mungkin harganya bukanlah di antara RM80,000 hingga RM150,000 tetapi kita akan caj lebih tinggi tetapi masih lagi mampu dimiliki. Tetapi ini masih dalam kajian. Kalau kita lihat kepada manifesto Pilihan raya Umum Yang Ke 13 Pakatan Rakyat Selangor di mana akan diwujudkan satu adan yang baru untuk membina rumah mampu milik dan badan yang baru ini akan melihat akan pembangunan tersebut. Badan yang baru ini adalah seperti *Housing Development Board* di Singapura. Terima kasih.

**Y.B. TUAN LEE CHIN CHEH** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Kajang.

**Y.B. TUAN LEE CHIN CHEH** : Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menetapkan syarat pembangunan di peringkat PBT supaya rumah mampu milik ini boleh dibuat dan dibina di kawasan strategik terutama sekali berdekatan dengan laluan dan stesen LRT, MRT.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : Memang sekarang ini ada satu peraturan di mana apabila sesbuah pembangunan itu dibenarkan lebih daripada 10 ekar maka diwajibkan pemaju membina rumah kos rendah, sederhana rendah dan sederhana sebanyak 20%, 20% dan 10% undang-undang ini atau peraturan ini dinamakan sebagai 20, 20, 10. Kalau kurang daripada 10 ekar maka perlu ada perbincangan berapa peratuskah rumah mampu milik yang wajib dibina oleh pemaju. Memang ada peraturan tersebut.

**Y.B. PUAN TEW WAY KENG** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Dusun Tua.

**Y.B. TUAN ROZALY BIN HASSAN** : Terima kasih Puan Speaker. Soalan saya No. 4.

**TUAN SPEAKER** : Dusun Tua, soalan nombor?

**Y.B. TUAN ROZALY BIN HASSAN** : No. 3, 23.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN**  
**(DUSUN TUA)**

**TAJUK: JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI**

23. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila nyatakan keberkesanan peruntukan yang disalurkan oleh kerajaan negeri ke Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri di dalam memastikan kebajikan rakyat yang memerlukan adalah terjaga dan terpelihara.

**Y.B. PUAN ROZIAH BINTI ISMAIL** : Terima kasih Puan Speaker. Saya menjawab kepada soalan Sungai Pelek. Minta maaf Dusun Tua. Jabatan Kebajikan Masyarakat Selangor menggunakan dua pendekatan dalam memelihara kebajikan rakyat yang memerlukan, yang ia patut dibela dan melalui beberapa bantuan. Pertama bantuan terus dalam bentuk bantuan bulanan di mana kita memberi bantuan sepanjang setahun maksimum tetapi dalam bentuk bulanan. Dan yang kedua, bantuan bencana iaitu semasa berlakunya sesuatu bencana. Begitu juga kerajaan di bawah dasar *iwork-fare* atau pun dasar kerajaan baru dasar daripada kebajikan kepada dasar berpendapatan atau berdikari kerajaan juga telah mensasarkan beberapa projek atau pun program untuk membantu mereka yang menerima kebajikan ini akhirnya dapat dikeluarkan daripada kemiskinan atau pun daripada golongan yang memberi bantuan. Jadi, keberkesanan adalah diukur melalui bagi mereka yang datang tampil ke depan untuk berjumpa dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk memerlukan bantuan kita ukur sama ada mereka ini layak diterima diberi bantuan atau tidak. Maknanya kalau layak kita akan terus bagi bantuan. Yang keduanya ukuran itu dibuat kepada bagi mereka yang memerlukan tetapi tidak sama dengan syarat yang ditentukan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat peringkat persekutuan, iaitu bantuan hanya boleh diberikan kepada mereka yang berpendapatan RM700.00 atau pun paras garis kemiskinan RM720.00 ke bawah itu kerajaan Selangor telah pun membuat satu pendekatan di mana mereka yang di bawah RM1,500 juga kita bantu melalui bantuan-bantuan am. Contohnya bantuan am ini ianya tidak termasuk dalam lapan kategori bantuan yang telah pun disediakan oleh persekutuan yang ambil pendekatan hanya RM720.00 ke bawah sahaja. Dan bagi kita, bagi melihat bahawa keberkesanan ini berlaku daripada mereka datang memerlukan kebajikan daripada kerajaan kita masukkan mereka dalam sistem *iwork-fare* atau pun bekalan data yang terkini dan kita buat program *matching* atau pun gabungan dengan skim-skim kerajaan yang sedia ada seperti zakat, skimSel, Skim Mimbar dan sebagainya. Dan daripada ini sebenarnya daripada 10,360 orang penerima kita tengok pada tahun lepas, 3% daripada mereka ini telah pun dikeluarkan daripada penerima bulanan iaitu sebanyak 598 orang. Sekian, Puan Speaker.

**Y.B. TUAN ROZALY BIN HASSAN** : Soalan tambahan Puan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Lembah Jaya.

**Y.B. TUAN KHAZIM BIN ABDUL AZIZ** : Terima kasih Puan Speaker. Saya nak Tanya, ah! Saya nak tahu lah dalam bantuan JKM ini berapa peratus duit daripada Kerajaan Negeri dan berapa peratus pula duit dari Kerajaan Persekutuan.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL** : Saya ingin bagi, hanya ada data daripada jabatan untuk bantuan am ya. Bantuan am, contohnya kalau seseorang itu yang layak kita dapatti beliau layak dibantu secara bulanan RM100.00, jadi kerajaan persekutuan akan menambah sebanyak 33%. Maknya kalau RM100.00 pada kerajaan Selangor, kita telah menentukan itulah bantuannya, jadi keseluruhan mereka akan mendapat sebanyak RM 135.00. Tetapi malangnya bantuan ini akan diberhentikan oleh persekutuan pada bulan Jun 2013 ini. Jadi keseluruhannya adalah ditanggung oleh kerajaan negeri Selangor. Ya. Sekian.

**Y.B. TUAN ROZALY BIN HASSAN** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Tanjung Sepat.

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD. HASLIN BIN HAJI HASSAN** : Yang Berhormat, saya ingin tahu berapakah jumlah penerima daripada JKM ini, mengikut kategori masing-masing.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL** : Terima kasih Tanjung Sepat, untuk menamakan itu, kalau ikut jumlah kategori kesan keseluruhan saya perlu keluar notis untuk menjawab soalan itu dan saya akan hantar kepada Tanjung Sepat, tetapi untuk sedikit gambaran bantuan am yang ada secara mengikut pecahan daerah, keseluruhan penerima yang diluluskan sebanyak 972 orang tetapi yang telah pun kita tamatkan maknanya mereka ini telah selesai masalah bantuan yang mereka perlukan selama bulanan itu sebanyak 606 orang. Sekian, terima kasih.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Dusun Tua.

**Y.B. TUAN ROZALY BIN HASSAN** : Terima kasih, Puan Speaker. Ada pemohon-pemohon mengadu kepada kita, percaya atau tidak kita dalam dewan ini apabila mereka pergi ke jabatan JKM ini kakitangan JKM ini meletakan syarat iaitu hendak mengisi borang itu dia tanya condong kepada siapa. Dan ini satu sikap yang saya rasa cukup tidak bagus kepada kakitangan tersebut dan apakah kalau betul benda ini tindakan yang perlu kita kenakan kepada mereka ini.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL** : Terima kasih Dusun Tua. Saya ingin mengambil perhatian bahawa di bawah pemberian bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat sebenarnya ini adalah senarai bersama antara Persekutuan dan Negeri Selangor, negeri minta maaf. Jadi, dengan itu ada jenis bantuan yang sebenarnya datang peruntukan itu daripada persekutuan dan ada daripadanya Negeri. Jadi jika berlakunya konflik yang tidak profesionalnya di dalam jabatan itu sendiri kemungkinan

ianya ada, saya tidak tolak. Ya, saya tidak tolak sebab memandangkan perkara ini beberapa kali kita telah utarakan dalam mesyuarat dan khas yang kita laksanakan dalam standco juga kita sentiasa mengingatkan supaya setiap pegawai perlu mengambil pendekatan profesional tidak mengambil kira manakah datangnya individu tersebut, daripada parti-parti politik mana-mana pun, tetapi asas pemberian itu adalah kepada mereka yang memerlukan. Tetapi apa yang telah dibincangkan, jika ada perlakuan yang begini oleh pegawai-pegawai kerajaan tersebut kita mohon supaya nama itu diambil dan dibuat satu laporan bertulis supaya kita boleh ambil tindakan selanjutnya. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Jeram, tidak hadir. Kuala Kubu Baharu.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG** : Terima kasih, Puan Speaker. Soalan No. 25.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(KUALA KUBU BAHRU)**

**TAJUK : PUSAT DIALISIS RAKYAT**

25. Bertanya kepada Y.A.B. Dato Menteri Besar:

- a) Senaraikan Pusat Dialisis Rakyat (PDR) yang telah diwujudkan oleh Kerajaan Negeri sejak 2008.
- b) Nyatakan jumlah pesakit yang telah mendapat manfaat melalui PDR.
- c) Adakah Kerajaan negeri bercadang mewujudkan PDR di DUN Kuala Kubu Baru? Jika tidak, nyatakan sebab?

**Y.B. PUAN DR DAROYAH BT ALWI** : Terima kasih Puan Speaker. Adalah setakat ini kerajaan negeri Selangor telah memiliki 5 Pusat Dialisis Rakyat ataupun (PDR). Sejumlah 3 daripadanya telah beroperasi sepenuhnya, 1 baru memulakan perkhidmatan dan 1 lagi masih menunggu kelulusan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia.

Sehingga kini seramai 73 orang telah menikmati kemudahan yang disediakan ini. Pecahannya adalah seperti berikut, 27 orang menerima perkhidmatan di PDR Ampang, dan 2 orang di PDR Lembah Keramat, 18 orang di PDR Taman Medan dan 26 orang di PDR Sementa.

Kerajaan Negeri Selangor berhasrat untuk mewujudkan Pusat Dialisis Rakyat di setiap kawasan Dewan Negeri Selangor. Namun, ia bergantung kepada kelulusan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Untuk makluman, Pusat Dialisis Rakyat yang terletak di Lembah Keramat (DUN Hulu Kelang) baru sahaja memulakan operasinya

sementara di Jalan Kebun (DN Sri Muda) masih menunggu kelulusan KKM setelah kerja-kerja ubahsuai dibuat mengikut keperluan lebih 2 tahun yang lalu.

**TUAN SPEAKER** : Batu Caves.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Soalan No. 26.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI  
(BATU CAVES)**

**TAJUK: REFORMASI SISTEM DATA TANAH**

26. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri besar:

- a) Bagaimakah rakyat dapat manfaat dari projek tersebut?
- b) Berapa kos yang telah digunakan untuk membina sistem tersebut?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : *Bismillahir rahmanir rahim.* Puan Speaker, YB Batu Caves membangkitkan isu mengenai sistem data tanah. Saya ingin menyatakan sekarang, kita telah membuat dan untuk digunakan oleh orang ramai iaitu *system data base line bank* yang pada masa sekarang mengandungi sebanyak 1,913,924 dokumen yang berjumlah lebih 17,000,000 helaian yang kita bentuk dalam *digital e-majors*. Oleh sebab itu tidak ada fail yang mungkin hilang.

Apakah kos-kos yang dihasilkan daripada kerja tersebut? Satu. disebut *digitalization* iaitu untuk memasukkan gambar ke dalam komputer. Jumlah kosnya adalah RM3.5 juta. Sterusnya, *size paperation* RM45,000, *management of boxes* atau kotak untuk disimpan sebanyak RM25,000, dan *line bank library system* iaitu *software* sebanyak RM474,000. Jadi jumlah kos yang sedang digunakan sehingga kini adalah sebanyak RM4,078,642.

**TUAN SPEAKER** : Tanjung Sepat.

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Puan Speaker soalan No. 27

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN  
(TANJONG SEPAT)**

**TAJUK: PENYELENGGARAAN JALA, PARIT, LONGKANG DAN RUMPUT TEPI JALAN BAGI JALAN-JALAN JKR DAN JALAN-JALAN LUAR BANDAR**

27. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Mohon penjelasan Y.A.B. Dato' Menteri Besar, sejauh manakah peranan kerajaan Selangor melaksanakan dan melakukan pemantauan terhadap aspek penyelenggaraan jalan, parit, longkang dan rumput tepi jalan bagi jalan-jalan JKR da jalan-jalan luar bandar?

**Y.B. TUAN DR AMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Puan Speaker. Penyelenggaraan jalan dibahagikan kepada dua Konsesi di mana Jalan Persekutuan adalah di bawah Syarikat Konsesi Roadcare Sdn. Bhd. Dan Jalan Negeri di bawah Syarikat Konsesi KPS HCM Sdn. Bhd. Jalan pula dibahagikan pada beberapa kategori iaitu Jalan Protokol, Jalan Utama, Jalan Sekunder dan Jalan Minor di mana kategori jalan ini memainkan peranan di dalam jadual penyelenggaraan. Panjang keseluruhan Jalan Negeri oleh konsesi KPS HCM mengikut kategorinya adalah seperti berikut:

Bil	Kategori Jalan	Panjang (KM)
1	Jalan Protokol	156.84
2	Jalan Utama	829.04
3	Jalan Sekunder	1975.0
4	Jalan Minor	974.33
	<b>JUMLAH</b>	<b>3935.21</b>

Untuk semua kategori jalan ini pihak konsesi menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan mengikut jadual yang telah ditetapkan dan dipersetujui seperti di dalam kontrak penyelenggaraan jangka panjang. Jadual penyelenggaraan adalah seperti berikut:

Bil	Penyelenggaraan	Butiran
1	Potholes	<ul style="list-style-type: none"> <li>Lubang diperlakukan jalan, berukuran tidak kurang 200 mm garis pusat dan tidak kurang 25 mm dalam.</li> <li>Ditampal dalam tempoh 24 jam</li> </ul>
2	Keretakan jalan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Garisan retak lebih daripada 2 mm lebar dan 1 m panjang</li> </ul>
3	Bahu jalan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Melibatkan kerja mengred semula, memadat dan membentuk tanah atau batu kerikil mengikut ketetapan '<i>standard specification for road works</i>' JKR/SPJ/1998</li> <li>Mengurangkan aras antara permukaan jalan dan bahu jalan seeloknya permukaan jalan 10 mm lebih tinggi dari bahu jalan.</li> </ul>
4	Potong rumput	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memastikan bahu jalan sentiasa bersih, kemas dan rumput tidak mempunyai ketinggian melebihi 150</li> </ul>

		<p>mm.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Rumput harus dipotong dari ketinggian 50 mm dari aras tanah.</li> <li>• Jadual penyelenggaraan rumput</li> </ul> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Bil</th><th>Kategori Jalan</th><th>Tempoh</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td><td>Jalan Protokol</td><td>12 kali setahun</td></tr> <tr> <td>2</td><td>Jalan Utama</td><td>8 kali setahun</td></tr> <tr> <td>3</td><td>Jalan Sekunder</td><td>6 kali setahun</td></tr> <tr> <td>4</td><td>Jalan Minor</td><td>3 kali setahun</td></tr> <tr> <td></td><td></td><td></td></tr> </tbody> </table>	Bil	Kategori Jalan	Tempoh	1	Jalan Protokol	12 kali setahun	2	Jalan Utama	8 kali setahun	3	Jalan Sekunder	6 kali setahun	4	Jalan Minor	3 kali setahun			
Bil	Kategori Jalan	Tempoh																		
1	Jalan Protokol	12 kali setahun																		
2	Jalan Utama	8 kali setahun																		
3	Jalan Sekunder	6 kali setahun																		
4	Jalan Minor	3 kali setahun																		

5	Perabut Jalan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membersihkan ‘guard rails’, ‘barriers’, papan anda jalan, kilometer post dan lampu isyarat.</li> <li>• Jadual penyelenggaraan perabut jalan</li> </ul> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Bil</th><th>Kategori Jalan</th><th>Tempoh</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td><td>Jalan Protokol</td><td>1 kali setiap 6 bulan</td></tr> <tr> <td>2</td><td>Jalan Utama</td><td>1 kali setiap 18 bulan</td></tr> <tr> <td>3</td><td>Jalan Sekunder</td><td>1 kali setiap 18 bulan</td></tr> <tr> <td>4</td><td>Jalan Minor</td><td>1 kali setiap 24 bulan</td></tr> </tbody> </table>	Bil	Kategori Jalan	Tempoh	1	Jalan Protokol	1 kali setiap 6 bulan	2	Jalan Utama	1 kali setiap 18 bulan	3	Jalan Sekunder	1 kali setiap 18 bulan	4	Jalan Minor	1 kali setiap 24 bulan
Bil	Kategori Jalan	Tempoh															
1	Jalan Protokol	1 kali setiap 6 bulan															
2	Jalan Utama	1 kali setiap 18 bulan															
3	Jalan Sekunder	1 kali setiap 18 bulan															
4	Jalan Minor	1 kali setiap 24 bulan															
6	Longkang	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jadual penyelenggaraan longkang</li> </ul> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Bil</th> <th>Kategori Jalan</th> <th>Tempoh</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td> <td>Jalan Protokol</td> <td>1 kali setiap 6 bulan</td> </tr> <tr> <td>2</td> <td>Jalan Utama</td> <td>1 kali setiap 12 bulan</td> </tr> <tr> <td>3</td> <td>Jalan Sekunder</td> <td>1 kali setiap 2 bulan</td> </tr> <tr> <td>4</td> <td>Jalan Minor</td> <td>1 kali setiap 18 bulan</td> </tr> </tbody> </table>	Bil	Kategori Jalan	Tempoh	1	Jalan Protokol	1 kali setiap 6 bulan	2	Jalan Utama	1 kali setiap 12 bulan	3	Jalan Sekunder	1 kali setiap 2 bulan	4	Jalan Minor	1 kali setiap 18 bulan
Bil	Kategori Jalan	Tempoh															
1	Jalan Protokol	1 kali setiap 6 bulan															
2	Jalan Utama	1 kali setiap 12 bulan															
3	Jalan Sekunder	1 kali setiap 2 bulan															
4	Jalan Minor	1 kali setiap 18 bulan															

Aspek Pemantauan:

Selepas pihak Konsesi selesai menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan, konsesi tersebut diminta menghantar laporan bergambar kerja-kerja yang telah dilaksanakan. Selain itu pihak JKR Daerah akan diminta untuk menjalankan siasatan adakah kerja-kerja tersebut benar-benar telah dilakukan sebelum sebarang pembayaran dibuat.

Selain itu aduan-aduan dari orang awam juga diambil kira dan siasatan dan tindakan lanjut diambil ke atas pihak konsesi untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan tersebut.

**Y.B. PUAN GAN PEI MEI** : Soalan Tambahan Puan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI MEI** : Rawang ingin bertanya sekiranya aduan telah dibuat tetapi tindakan segera tidak diambil, apakah tindakan atau pun sebarang denda yang dikenakan terhadap Syarikat Konsesi ini.

**Y.B. TUAN DR AMAD YUNUS BIN HAIRI** : Sekiranya ada ketidakpatuhan dari segi sasaran yang kita kenakan itu daripada aduan itu kita akan serahkan kepada JKR untuk mengambil tindakan sehingga mungkin pembayaran itu tidak dilakukan jika tidak memenuhi syarat-syarat kriteria kerja yang kita berikan kepada mereka.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN:** Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Kinrara.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN** : Puan Speaker Kinrara ingin nak tanya bolehkah jalan-jalan dan lampu JKR diserah kepada PBT. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR AMAD YUNUS BIN HAIRI** : Setakat ini kita ada perjanjian dengan Syarikat Konsesi selama 7 tahun ini dan akan berakhir pada tahun 2015 dan saya kira bukan mudah untuk kita selesaikan begitu dan kita serahkan kepada pihak PBT.

**Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN:** Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Morib.

**Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN:** Terima kasih Puan Speaker. Saya ingin bertanya adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk menambah bajet untuk penyelenggaraan terutamanya pemotongan rumput kerana saya melihat selang masa terutamanya untuk Jalan Skunder dan Jalan Monor adalah terlalu lama sehingga menyebabkan rumput terlalu tinggi dan begitu juga dari segi penyelenggaraan jalan.

**Y.B. TUAN DR AMAD YUNUS BIN HAIRI** : Kita memahami tentang keperluan tersebut walau bagaimanapun kita mahu melihat *value of money* dengan peruntukan yang ada adakah sebenarnya kita dapat menyelenggarakan dengan lebih baik yang

penting akhirnya khidmat yang kita berikan dengan kewangan yang kita ada itu akan memenuhi memuaskan kepada pelanggan iaitu rakyat sendiri. Walau bagaimanapun ada kajian yang kita sedang lakukan sama ada mungkin ada keperluannya tambah kekerapan daripada segi penyelenggaraan bergantung kepada bajet yang kita ada. Terima kasih.

**Y.B. TUAN SHAHRUDIN BIN MOHD SHARIF:** Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Soalan seterusnya, Dengkil.

**Y.B. TUAN SHAHRUDIN BIN MOHD SHARIF:** Terima kasih Puan Speaker. Soalan saya bernombor 28.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**

**Y.B. TUAN WONG KOON MUN  
(KU8ALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK: HUTANG TALAM**

28 DN Kinrara pada 8hb Ogos 2012 melalui media internet menyatakan bahawa transaksi Kerajaan Negeri membayar RM4.2 juta untuk mengambil alih 60% saham Ulu Yam Golf and Country Club Sdn. Bhd merupakan tindakan memulangkan dana pelaburan kepada Talam.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah transaksi ini merupakan tindakan Kerajaan Negeri untuk mengutip hutang dari Talam atau memulangkan dana pelaburan kepada Talam?
- b) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk membangunkan tanah cerun bukit di Ulu Yam?

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Terima kasih kepada Dengkil. Puan Speaker dan ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Berdasarkan kepada analisis yang dibuat oleh Lembaga Perumahan Hartanah Selangor punca menyebabkan masalah pemotongan air di Vienna Villa, yang pertama, adalah paip air dalaman tanah mengalami kebocoran dikebanyakkan kawasan pangaspuri tersebut. Peratus bayaran yang kedua, peratus pembayaran caj dan bil air penduduk sangat rendah iaitu sekitar 50% sahaja. Atas dasar keprihatinan ke atas 3,670 penduduk di pangaspuri tersebut, Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) pada 6.6.2013 bersetuju untuk membaik pulih paip dalaman tersebut dengan sumbangan sebanyak RM300,000. Selain itu Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd ataupun SYABAS tidak dibenarkan untuk membuat pemotongan bekalan air berdasarkan tunggakan bil air meter pukal sehingga kerja-kerja baik pulih paip dalaman berkenaan selesai dilakukan. Walau bagaimanapun badan pengurusan bersama JMB bersama penduduk pangaspuri Vienna Villa masih bertanggungjawab untuk membayar bil

semasa. Manakala untuk mendapatkan komitmen daripada pemilik yang mempunyai tunggakan caj dan air, JMB Vienna Villa juga diminta mengemukakan senarai nama-nama pemilik terbabit kepada Pesuruhjaya Bangunan Majlis Perbandaran Sepang supaya notis kesalahan dapat dikeluarkan kepada mereka. Mana-mana pemilik yang masih ingkar untuk mematuhi notis tersebut prosiding bagi tindakan pendakwaan ke mahkamah akan diambil oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor selanjutnya.

Soalan kedua, Kerajaan Negeri akan membuat kajian terlebih dahulu dan mengenal pasti punca berlakunya tunggakan air, bil air yang tinggi dikawasan-kawasan yang berkaitan supaya langkah penyelesaian yang diambil dapat menangani isu ini secara komprehensif. Kerajaan Negeri telah pun mewajibkan pangsapuri melaksanakan migrasi meter air pukal kepada meter air individu supaya setiap individu akan bertanggungjawab ke atas bil air masing-masing dan tindakan pemotongan bekalan air hanya dibuat ke atas mereka yang mempunyai tunggakan sahaja. Selain daripada itu Kerajaan Negeri juga telah melaksanakan pendakwaan di mahkamah ke mahkamah ke atas pemilik-pemilik yang tidak membayar caj termasuk bil air, insurans, cukai tanah dan sebagainya. Langkah ini penting kerana berdasarkan Akta Hak milik Strata 1985 hak milik tanah bagi sebuah kawasan pemajuan strata adalah hak milik semua pemilik dan mereka bertanggungjawab untuk penyelenggaraan dan menguruskan bangunan pangsapuri sendiri. Namun begitu Kerajaan Negeri telah mengambil langkah pro aktif dengan mewujudkan skim bantuan baik pulih bangunan ataupun *earring government for resident improvement aid* ataupun ceria tahun 2010 bertujuan meningkatkan taraf kualiti bangunan dan persekitaran pangsapuri kos rendah dan sederhana rendah termasuk membuat kerja-kerja baik pulih sistem paip dalaman. Sekian, terima kasih.

**Y.B. TUAN SHAHRUDIN BIN MOHD SHARIF :** Soalan Tambahan, Puan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Dengkil.

**Y.B. TUAN SHAHRUDIN BIN MOHD SHARIF :** Terima kasih Yang Berhormat Cempaka atas jawapan tadi. Saya ingin Y.B. Chempaka ada menyebut berkenaan meter pukal. Meter pukal kita nak ubah kepada meter individu masa yang agak lama. Bolehkah kalau Kerajaan Negeri tidak memberi caj yang tinggi kepada kadar meter pukal. Kadar meter pukal di caj sehingga RM18.38 sen bukan caj kadar domestik hanya 57 sen per *meter cube*. Itu soalan yang pertama.

Keduanya, kita berharap dengan penduduk-penduduk yang mempunyai masalah dengan meter pukal ini tidak mendapat air percuma yang disediakan oleh Kerajaan Negeri. Bolehkah Kerajaan Negeri menimbangkan peruntukan air percuma ini disalurkan terus kepada *joint management body* (JMB) penduduk berkenaan mengikut bilangan rumah yang berpenghuni. Sekian, terima kasih.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** Soalan pertama tentang caj, caj itu ditetapkan oleh pihak Syabas dan kita telah beberapa kali memanggil pihak Syabas

MTES atau Majlis Tindakan Ekonomi Selangor untuk memberi penjelasan tentang perkara tersebut. Sebab pentingnya industri air di Selangor ini distrukturkan semula kalau distrukturkan semula di bawah Kerajaan Negeri maka Kerajaan Negeri boleh mengambil keputusan untuk menurunkan caj itu supaya sama seperti rumah teres atau *landed property*. Untuk yang kedua Kerajaan Negeri bagi rumah-rumah kos rendah yang ada meter pukal yang tidak ada meter individu hamplir semua telah selesai di mana kita menggalakkan imigrasi dan kalau tidak imigrasi pun kita telah melaksanakan satu program dinamakan lapor dan dapat di mana walaupun dengan meter individu mereka dapat air percuma, sebelum ini ada kupon air. Tetapi untuk rumah kos sederhana dan kos sederhana rendah dan kos-kos lain kita dengan agresifnya kita telah melancarkan suatu kempen daripada penggalian lepas lagi supaya imigrasi dapat dijalankan dengan segera. Ada satu Jawatankuasa Khas di peringkat Lembaga Perumahan dan Hartanah Negeri Selangor di mana kita panggil sebagai Jawatankuasa Permai, ada Klinik Permai namun maknanya semua akan pergi ke Jawatankuasa ini dan kita akan selesaikan. Ianya ada seperti *One Stop Centre* untuk memastikan bahawa imigrasi dapat dilakukan dengan segera tapi itu sebab kalau kita nak turun harga air di peringkat di rumah-rumah pangsa dan juga di Kondominium perlunya ianya diuruskan oleh Kerajaan sendiri bukan untuk pihak-pihak ketiga. Terima kasih.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG :** Soalan Tambahan Puan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Teratai.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG :** Boleh saya tanya, adakah Kerajaan bersedia untuk membekalkan meter air individual supaya kerja-kerja penyelarasan boleh dilakukan iaitu apabila daripada meter pukal ditukarkan kepada meter individu saya difahamkan penduduk kena beli meter air individu sendiri Terima kasih.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** Sekarang ini kos untuk membeli atau menukar adalah sebanyak RM130. Ada dua kos yang pertama sekiranya meter pukal mereka kepada meter individu. Meter individu yang baru kosnya adalah hanya RM130 tetapi kalau ada kos-kos teknikal yang lain seperti sistem itu tidak mematuhi syarat mungkin kos itu lebih tinggi tapi untuk RM130 kalau penduduk bayar RM130 dan mereka mendapat RM11 lebih sebulan keuntungan, penjimatan air percuma bermaknanya daripada kurang daripada setahun mereka telah dapat covered balik izin akan kos untuk membeli atau menukar kepada meter individu. Setakat ini tidak ada keputusan daripada Kerajaan Negeri untuk membeli subsidi untuk tukar meter individu, meter pukal kepada meter individu. Terima kasih.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG :** Soalan Tambahan Puan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Kinrara..

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Puan Speaker, soalan no. 29. Puan Speaker, Kinrara ingin mengetahui sama ada Kerajaan Negeri masih lagi mahu mulakan kaedah tapak pelupusan sampah bagi menyelenggarakan atau pun mengendalikan sampah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SZE HAN  
(KINRARA)**

**TAJUK: PENGENDALIAN SAMPAH**

29. Bertanya Kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Sila nyatakan berapa tahun lagi negeri masih akan menggunakan kaedah tapak pelupusan sampah.
- b) Apakah rancangan negeri selepas kapasiti tapak pelupusan sampah tidak cukup untuk menampung sampah yang semakin tambah?
- c) Sila nyatakan apakah rancangan negeri untuk mengamalkan konsep baru untuk pengelolaan sampah domestik seperti pembahagian sampah berdasarkan jenisnya?

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Kerajaan Negeri tidak merancang untuk membuka kawasan tapak pelupusan sampah baru kerana faktor tanah terhad. Dalam pada itu Kerajaan Negeri sedang mengkaji dan meneroka teknologi baru sebagai alternatif untuk mengurangkan bergantungan kepada tapak pelupusan sampah. Setakat ini jangka hayat tapak pelupusan sampah sedia ada adalah seperti berikut:-

Tapak pelupusan-pelupusan sanitari Jeram Kuala Selangor yang mempunyai kapasiti 2,700 tan sehari mula beroperasi pada tahun 2007 jangka hayatnya sehingga Disember 2016. Tapak pelupusan sanitari Tanjung Dua belas Kuala Langat 400 setan sehari tahun beroperasi 2010 dan jangka hayatnya dijangka 2050. *Transfer sanitation* Seksyen 21 Shah Alam 1,200 tan sehari beroperasi 2007 konsesi selama 25 tahun. Tapak pelupusan sisa lengai Dengkil 200 tan sehari tahun beroperasi 2004 konsesi selama 20 tahun. Tapak pelupusan sisa lengai Kuang 120 tan sehari operasi 2007 konsesi selama 20 tahun. Tapak pelupusan sisa lengai Sungai Kertas 20 tan sehari operasi 2011 konsesi selama 10 tahun. Tapak pelupusan secara terbuka Bukit Beruntung 100 hingga 120 tan sehari operasi 2007 sehingga 2018. Tapak pelupusan secara terbuka Sungai Cabai 80 – 100 tan sehari operasi 2011 sehingga 2018. Tapak pelupusan secara terbuka Panchang Bedena 60 tan sehari satu bermula operasi 1984 sehingga tahun 2023.

Kerajaan Negeri sedang melihat dan mengkaji secara terperinci mengenai sistem terkini pelupusan untuk dibangunkan. Memandangkan kos pembangunan yang terlalu tinggi bagi sistem berteknologi tinggi seperti logik *incinerator* dan seumpamanya Kerajaan Negeri telah melihat opsyen-opsyen kaedah pelupusan lain seperti loji MRF serta namun begitu keperluan tapak pelupusan sanitari amat penting kerana kaedah ini masih memerlukan pembuangan terakhir diproses. Kerajaan Negeri juga melihat bahawa tapak pelupusan sedia ada mungkin akan diperluaskan bagi menampung kadar

penghasilan sisa pepejal yang semakin meningkat. Kerajaan Negeri sentiasa memandang serius bagi memastikan pembuangan sampah berkurangan dan dapat mewujudkan alam sekitar yang bersih dan hijau dengan ini Kerajaan Negeri telah melakukan pelbagai program antaranya ialah Kempen Kitar Semula bagi memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai kepentingan menjaga alam sekitar program 3R *Reuse*, *Reduce* dan *Recycle* juga diperkenalkan kepada semua pihak di semua peringkat punca bagi mengurangkan pembuangan sisa pepejal dalam program hari tanpa beg plastik yang dilaksanakan pada setiap Jumaat bagi bangunan-bangunan Kerajaan dan pada setiap hari Sabtu dilaksanakan di seluruh pasar raya-pasar raya di negeri Selangor.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Ah Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Terima kasih Puan Speaker, memandangkan teknologi-teknologi baru seperti *incinerator* mengambil masa yang lama untuk dibangunkan bilakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membuat keputusan teknologi mana yang akan dipilih dan akan mula membuat pembangunan tersebut. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Terima kasih setakat ini Kerajaan Negeri memberikan amanah kepada Worldwide Holdings Berhad untuk melihat dan mengkaji apakah pilihan-pilihan yang terbaik yang kita boleh lakukan dan saya kira dalam masa yang terdekat akan dibincangkan di peringkat Kerajaan Negeri untuk memutuskan apakah kaedah yang terbaik akan kita lakukan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Soalan Tambahan

**TUAN SPEAKER :** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih Puan Speaker. Saya ingin bertanya berkenaan dengan pusat pelupusan sampah secara terbuka Panchang Bedena di mana tarikh luput 2023 seperti apa yang diberitahu oleh EXCO dari Sijangkang di mana baru-baru ini banyak aduan telah diterima mengenai sampah seolah-olah hampir capai tahap kritikal di uruskan di kawasan hidup. Apa perancangan untuk tapak pelupusan sampah tersebut kerana dia sudah hampir penuh di situ. Sekian, terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Saya akan lihat semula sebab kita lihat pada hari ini walaupun kita menyediakan tapak-tapak pelupusan sebagai contoh ada juga lagi mereka-mereka yang melupuskan tidak siapa-siapa ini bukan di tempat yang kita sediakan. Saya kira bagi Panchang Bedena walaupun daripada segi pemerhatian jangka hayatnya adalah sehingga 2023 kita akan melihat semula sama ada, ada keperluannya untuk kita lihat tempat yang lain atau pun bagaimana kedudukan pada hari ini. Saya kira takkan respons. Terima kasih.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG :** Soalan tambahan Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI :** Rawang ingin bertanya sebab menurut Ketua Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, pengasingan sampah isi rumah diwajibkan mungkin diwajibkan pada tahun ini juga. Jadi sejauh manakah persiapan Kerajaan Negeri ke arah ini dan sejauh manakah kerjasama antara Kerajaan Negeri dengan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal untuk kita yang pertama aspek kurangkan kos pengurusan sampah di setiap PBT yang kedua kita menyediakan satu suasana kehidupan yang lebih mesra alam sekitar.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Terima kasih saya kira ini antara perkara yang sangat penting bagaimana kita dapat mengurangkan daripada keluaran sampah-sampah yang akan kita lupuskan dan di peringkat Kerajaan Negeri kita akan kaji bagaimana kita boleh bekerjasama dan di peringkat persekutuan untuk melihat perkara ini yang sudah tentulah akhirnya akan memberikan satu impak yang bagus terutama kepada masyarakat rakyat dan juga penting kepada alam sekitar terutamanya apabila kita melihat tapak pelupusan-pelupusan tanah kita dengan keadaan tanah yang terhad perkara ini adalah menjadi satu perkara yang *priority* sifatnya dan kita akan kaji dalam masa yang mungkin dalam masa terdekat.

**TUAN SPEAKER :** Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Terima kasih Puan Speaker soalan 30.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA  
(TAMAN MEDAN)**

**TAJUK: IBU TUNGGAL**

30. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar.

- a) Apakah status pelaksanaan Bantuan Sokongan Keluarga untuk biayai nafkah anak bagi pasangan Islam yang bercerai?
- b) Apakah status 2019 orang ibu tunggal yang menyaman kerajaan negeri tetapi ditolak oleh mahkamah?

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Terima kasih Taman Medan. Tuan Speaker ingin saya jawab tentang isu yang dibangkitkan tentang status pelaksanaan bantuan sokongan keluarga. Ingin saya beritahu kepada Dewan bahawa bahagian sokongan keluarga Jabatan Kehakiman Syariah Selangor telah meluluskan seramai 56 orang penerima pendahuluan nafkah yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM186,650 yang mana sumber kewangan pembayaran pendahuluan nafkah tersebut adalah

daripada Dana Akaun Amanah Seksyen bahagian sokongan keluarga Jabatan Kehakiman Syariah Selangor yang disumbangkan dan juga oleh Zakat Selangor. Pada masa ini bahagian sokongan keluarga masih membuat bayaran pendahuluan bulanan mengikut perintah Mahkamah kepada 32 orang ibu tunggal yang sedang dalam proses untuk penguatkuasaan perintah nafkah yang telah dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah. Sedikit pengetahuan bahawa pendahuluan nafkah yang dibayar oleh bahagian sokongan keluarga ini bukanlah satu bantuan mutlak, ianya merupakan satu bantuan nafkah yang akan dikutip semula oleh bahagian sokongan keluarga daripada pihak bekas suami atau pun bapa yang telah ingkar melaksanakan perintah Mahkamah Syariah dan penguatkuasaan yang ditentukan. Dengan kata lain pembayaran nafkah oleh badan sokongan keluarga atau pun singkatan BSK ini bukanlah untuk matlamat untuk mengambil alih tanggungjawab bekas suami tetapi atau pun bekas bapa, bukan bapa-bapa dalam melaksanakan tanggungjawab agama dan undang-undang. Ah itu soalan tentang soalan pertama yang diajukan oleh Taman Medan. Tentang isu yang dibangkitkan apakah status 2,019 orang ibu tunggal yang telah menyaman kerajaan negeri. Ingin saya memaklumkan kepada Tuan Speaker dan Dewan bahawa pada 13 Mei 2013 yang lalu Mahkamah rayuan telah membatalkan kes saman Mutini binti Kasman dan 2,019 ibu tunggal yang lain terhadap kerajaan negeri Selangor. Mutini dan 2,019 ibu tunggal tersebut telah diberi oleh Mahkamah jangka masa sehingga 12 Jun 2013 jika ingin membuat rayuan tetapi sehingga semalam atau pun sehingga tempoh yang telah ditetapkan tidak ada fail, fail rayuan Mahkamah dirayu di Mahkamah rayuan jadi hingga ini tiada notis maksudnya kes ini selesai dan tutup. Terima kasih.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL LATIB** : Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI** : Apakah pandangan Yang Berhormat EXCO usaha kerajaan Kelantan untuk memberi insentif kepada mana-mana lelaki yang mengambil ibu tunggal sebagai isteri.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL** : Dalam Dewan ini tak payah minta pandangan jadi saya takkan jawab soalan.

**TUAN SPEAKER** : Paya Jaras.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN** : Terima kasih Puan Speaker, bertanya kepada Yang Berhormat EXCO berhubung dengan bantuan sokongan keluarga yang pertamanya tahukah kerajaan negeri bahawa ada golongan kanak-kanak OKU yang terlantar yang telah dinafikan hak bersekolah di Negara ini. Soalannya apakah negeri Selangor ada perancangan untuk membina satu sistem untuk membolehkan anak-anak istimewa ini untuk dapat bersekolah dengan percuma. Itu pertama yang soalan kedua berhubung juga dengan sokongan bantuan ini adakah kerajaan berhasrat untuk mewujudkan skim istimewa memasyarakatkan MES untuk golongan OKU khusus selain daripada SUMUE. Terima kasih,

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Terima kasih Paya Jaras tentang soalan pertama apakah golongan OKU ini adakah skim bantuan. Saya tak mahu nanti Ahli-ahli Dewan confused ya atau pun dengan izin keliru bahawa bahagian sokongan ini adalah khusus satu program kepada pembiayaan nafkah anak-anak bagi pasangan Islam yang bercerai oleh bahagian sokongan keluarga yang diletak di bawah Mahkamah Syariah Negeri Selangor. Jadi untuk perancangan OKU ini saya rasa tidak relevan soalan itu dengan soalan saya Insya-Allah saya akan jawab jika ada soalan berkaitan dengan OKU.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB :** Soalan tambahan

**TUAN SPEAKER :** Taman Templer.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB :** Adakah negeri mempunyai pangkalan data berpusat senarai Ibu Tunggal Selangor dan berapakah jumlah nya dan bagaimanakah atau pun bagaimanakah negeri mengurus memastikan setiap daripada Ibu Tunggal ini menikmati tawaran-tawaran kerajaan negeri. Terima kasih.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Terima kasih, Taman Templer. Berkaitan dengan pangkalan data berpusat ini, Alhamdulillah, kita telah pun, kerajaan Selangor telah pun mempunyai pangkalan data berpusat. Ada dua pangkalan data berpusat, satu, berkaitan dengan isu-isu berkaitan dengan kebijakan yang kita namakan ‘i-workfare’. Yang satu lagi khusus untuk ibu tunggal yang mana kita panggil situ, pangkalan data ‘e-portal’ ataupun ‘ibu.gov.selangor’, yang mana kita menggabungkan keseluruhan ibu tunggal. Data-data ibu tunggal, maknya jika ada pendaftaran, kita masukkan di dalam pangkalan data ini, daripada situ kita buat screening ataupun bagaimanakah proses untuk mengesan apakah bentuk bantuan dan kita salurkan untuk bantuan yang ada. Sehingga kini, saya tidak ada maklumat tepat di tangan saya, tapi, lebih kurang 27,000 lebih wanita ataupun ibu tunggal telah pun berdaftar dalam data base pangkalan data yang di sekalikan ini.

**TUAN SPEAKER :** Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BI SUNGIB :** Puan Speaker, soalan 31.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SHAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK : RIZAB NEGERI MELEBIHI RM2.62 BILION**

31. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Bagaimana dan apakah sumber-sumber yang membolehkan rizab negeri mencatat lebih RM2.62 bilion pada akhir tahun 2012?

- b) Apakah pecahan-pecahan rizab RM62.62 bilion ini dalam bentuk tunai, bukan tunai dan lain-lain?
- c) Berapakah unjuran rizab negeri pada akhir tahun 2013?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Puan Speaker, Hulu Kelang membangkitkan tentang status rizab, di Selangor: bagaimanakah sumber-sumber yang membolehkan rizab negeri Selangor ini, bertumbuh setiap tahun? Ada tiga punca pendapatan untuk negeri, iaitu hasil cukai, hasil bukan cukai, dan terimaan bukan hasil. Perkara yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri adalah untuk menentukan peningkatan hasil cukai; iaitu menentukan pembayaran cukai-cukai itu dibuat mengikut masa dan tidak ada yang tertunggak. Kedua, hasil bukan cukai. Kerajaan Negeri membuat beberapa ketetapan supaya premium tanah dan tanah-tanah harta Kerajaan Negeri tidak lagi boleh diagihkan dengan harga yang sangat rendah tetapi harga yang bersesuaian, supaya negeri mendapat manfaat daripadanya. Jadi selain itu, sudah tentulah penerimaan. Kita juga memastikan bahawa penggunaan dana-dana itu mesti dilakukan dengan cara berhemat. Bagi makluman tentang unjuran rizab negeri, saya ingin bacakan rizab yang kita lalui sejak tahun 2008n sebanyak RM1.4 bilion dan pada 2010, sebanyak RM1.5, dan kemudian meningkat ke RM1.9 pada 2011, pada 2012 meningkat ke RM2.6; dan pada Mei 2013 meningkat lagi ke RM2.8 bilion. Saya jangkakan kalau diurus dengan teratur dan tertib, dalam masa tujuh tahun kita boleh mengumpul tambahan rizab sebanyak satu ribu juta.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Sri Muda.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI :** Terima kasih Yang Berhormat Puan Speaker. Sebentar tadi Dato' Menteri Besar menyatakan bahawa sehingga Mei 2013, rizab negeri adalah sebanyak RM2.8 bilion. Soalan saya ialah RM500 juta daripada peruntukan ini sudah pun digunakan, RM300 juta untuk membina jambatan. Apakah jumlah itu sudah ditolak ataupun jumlah itu merangkumi semua penggunaan RM500 juta yang dibentangkan tahun lepas. Terima kasih.

**YAB DATO' MENTERI BESAR :** Puan Speaker, jawapan kepada Yang Berhormat Sri Muda, adalah belum. Rizab ini dalam akaun negeri adalah dalam bentuk *cash* ataupun pelaburan. Jadi apabila kita gunakan, baru ia keluar daripada akaun tersebut. Dan untuk jambatan, ia belum digunakan lagi. Bagaimanapun, Perbendaharaan membuat beberapa program. Antara programnya, untuk menentukan dana tersebut dijaga dengan baik, kita mempunyai tabung tertentu. Jadi apabila kita ada duit lebih, kita masukkan ke dalam tabung-tabung tertentu. Antara tabung yang kita sediakan adalah tabung pembangunan yang nak kita gunakan apabila berlaku pembayaran kepada projek-projek kita.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Terima kasih Puan Speaker. Saya ingin bertanya tentang tabung pembangunan ini. Apakah dasar kerajaan ataupun adakah nilai yang dinyatakan Yang Amat Berhormat Menteri Besar itu juga termasuk bilangan wang yang terlebih bayar oleh pemaju. Di mana kerajaan perlu bayar balik nanti.

**YAB DATO' MENTERI BESAR :** Saya rasa tak ada, Puan Speaker. Ini adalah akaun net, dipanggil net, maknanya bersih. Tak ada, kita tidak menyimpan. Umpamanya, sebagai contoh, kalau akaun di PBT, Pihak Berkuasa Tempatan ada akaun-akaun pendahuluan. Dalam audit akaun negeri, tak ada apa yang dikatakan akaun pendahuluan. Oleh sebab itu, akaun yang disatukan oleh negeri disebut akaun yang disatukan. Kita hanya menerima pembayaran tetapi membayar. Maknanya tidak boleh dalam bentuk tunai. Sedangkan pembayaran dalam bentuk tunai. Tak ada pembayaran dalam bentuk pendahuluan, itu semua tak ada. Oleh sebab itu, akaun negeri, saya anggap sangat bersih tetapi terlalu konservatif. *It's a very conservative account.* Sebab itu pada tahun 2009, semasa kita nak menyelesaikan masalah TALAM, kita tidak boleh meletakkan harta hutang TALAM ke dalam akaun negeri. Sebab, akaun negeri hanya menerima. Apabila hutang tersebut dicairkan jadi cash, baru boleh masuk akaun negeri. Jadi untuk itu akaun negeri, kalau kita katakan negeri ada RM2.4 bilion, kita boleh pergi ke bank, *check* ia punya dana tersebut. Tetapi ia tak ada apa yang disebut dalam sistem tak ada janji, *is definitely cash.* Serupa juga apabila kita cakap fasal rizab negara, rizab negara, maknanya *is a cat wiser* (?).

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BI SUNGIB :** Terima kasih. Soalan saya, tambahan, adakah bajet tahunan, belanjawan tahunan mengambil kira unjuran penambahan rizab yang akan berlaku pada tahun-tahun yang akan datang.

**YAB DATO' MENTERI BESAR :** Puan Speaker, soalan Hulu Kelang, memang benar. Lagi besar rizab kita, pendapatan kita, sepatutnya lagi besar perbelanjaan kita. Saya menjangka, sepatutnya tiap-tiap tahun pertumbuhan perbelanjaan mesti meningkat sebab kita perlu meningkatkan perbelanjaan pembangunan dari semasa ke semasa. Jadi ia tidak statik, ia bertumbuh.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Tambahan.

**PUAN SPEAKER :** Permatang. Soalan 32.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Saya ingat nak tanya tambahan, tapi tak dapat. Terima kasih Speaker, soalan nombor 32.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK  
(PERMATANG)**

**TAJUK : PENYAKIT KENCING TIKUS (*LEPTOSPIROSIS*)**

32. Terdapat laporan berlaku kes penyakit kencing tikus (leptospirosis) di Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status penularan kes penyakit tersebut?
- b) Apakah langkah yang diambil oleh pihak PBT atau Jabatan Kesihatan dan keberkesanannya?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI :** Puan Speaker, soalan daripada Permatang, iaitu tentang penyakit kencing tikus. Sehingga 8/6/2013, sejumlah 1,461 notifikasi kes Leptospirosis telah dilaporkan di seluruh Selangor. Walau bagaimanapun, hanya 67 kes telah disahkan Leptospirosis. Dan daripada jumlah tersebut, 1 kematian telah disahkan disebabkan Leptospirosis (berbanding dengan 8 kematian pada tahun 2012).

Peningkatan notifikasi kes dilihat ketara bermula tahun 2010, tetapi ini adalah berikutan arahan Kementerian Kesihatan Malaysia kepada semua fasiliti kesihatan untuk melaporkan semua kes yang sah, termasuk kes yang disyaki Leptospirosis bermula pada tahun tersebut.

Setiap kes yang disahkan Leptospirosis wajib dinotifikasi dan pencarian kes lain secara aktif iaitu *Active Case Detection*, dengan izin, akan dijalankan bagi mencari faktor risiko jangkitan (seperti terdapat urungan atau tanda-tanda kehadiran tikus atau persekitaran yang kotor iaitu sampah sarap yang boleh mengundang kehadiran tikus).

Jabatan Kesihatan juga telah mengedarkan surat berkenaan wabak Leptospirosis kepada agensi-agensi lain dengan maksud memberi makluman risiko jangkitan yang dikaitkan dengan aktiviti lasak atau berkhemah di tempat rekreasi / hutan / jeram dan sebagainya.

Jabatan Kesihatan giat memberikan pendidikan kesihatan kepada kes dan juga kontak tentang jangkitan Leptospirosis dan pencegahan penyakit ini. Selain itu, Pejabat Kesihatan Daerah telah mengedarkan risalah dan juga poster ke lokaliti yang berisiko seperti sekolah-sekolah dalam memberikan pendedahan serta kesedaran berkaitan penyakit ini.

Pihak Jabatan Kesihatan juga telah mengadakan pertemuan dengan pengusaha *resort* dan pusat rekreasi bagi memaklumkan berkenaan perlunya pemasangan papan tanda amaran risiko kesihatan di *resort* masing-masing bertujuan meningkatkan kesedaran pengunjung tentang risiko jangkitan serta keperluan mendapatkan rawatan segera dalam tempoh 2 minggu dari tarikh pendedahan. Walau bagaimanapun, pendirian notis amaran bahaya Leptospirosis secara sukarela tidak mendapat sambutan baik daripada pengusaha pelancongan. Hanya di PBT Hulu Selangor secara proaktif telah menetapkan prasyarat mendirikan notis amaran ini sebelum pengusaha-pengusaha pusat pelancongan boleh memperbaharui/memperoleh lesen mereka.

Jabatan juga bercadang untuk mengadakan perbincangan serta pertemuan dengan PBT bagi membincangkan serta menyelesaikan isu yang berkaitan dengan penularan penyakit Leptospirosis serta kawalan dan pencegahan penyakit ini terutama dalam membendung infestasi tikus di lokaliti perumahan dan premis makanan.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Permatang.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Terima kasih, jawapan EXCO. Saya ada mendapat makluman bahawa antara punca menyebabkan kes ini berlaku ialah di gudang-gudang penyimpanan air-air tin, botol dan sebagainya, yang mana kencing tikus sudah berlaku sewaktu dalam tempat-tempat penyimpanan. Dan bila dibawa ke dalam tempat penyimpanan beku, dia tidak dibersihkan terlebih dahulu. Maka pengguna akan menerima kesan. Jadi soalan saya, apakah pihak PBT ataupun mana-mana agensi akan membuat lawatan pergi buat semakan ke pusat-pusat ataupun gudang-gudang penyimpanan yang besarlah. Supaya nak pastikan penyimpanan stor itu tidak ada tikus yang banyak dan sebagainya. Jadi apakah itu akan dibuat oleh pihak agensi?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI** : Puan Speaker, terima kasih Permatang. Tentang tin-tin, tin air-air minuman yang mana ada dilaporkan tentang berlakunya jangkitan daripada tempat-tempat ini. Pihak PBT, mungkin kita akan bersama-sama untuk membincangkan tentang perkara ini. Dan setakat ini, belum lagi kita membuat apa perbincangan.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI** : Tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Sri Muda.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIE** : Terima kasih Yang Berhormat Puan Speaker. Soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Sementa ialah apakah Kerajaan Negeri mempunyai hasrat untuk mengadakan *grand prix* untuk menangkap tikus? Kerana kita ada *grand prix* memancing kerana wujud seperti di Melaka umpamanya ada diadakan operasi menangkap tikus secara besar-besaran. Jadi kalau dibuat secara bulanan tidak sekali sahaja, ia mungkin tidak membantu mengurangkan

jumlah tikus. Memandangkan jumlah tikus ini sekali beranak ia mencecah berbelas-belas ekor. Jadi saya hendak tanya, adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk mengadakan program seperti itu. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI** : Puan Speaker, terima kasih Sri Muda. Tentang melaksanakan *grand prix* untuk menangkap tikus ini sebenarnya di beberapa PBT telah pun melaksanakan program-program gotong-royong dan juga adanya pemberian hadiah dalam menangkap tikus ini. Jadi seperti di Shah Alam kita boleh juga pernah melaksanakan program menangkap tikus ini dan diberi hadiah satu ekor satu ringgit. Dan juga ada beberapa PBT yang lain. Jadi, Insya-Allah Kerajaan Negeri akan bersama-sama dengan pihak PBT, kita akan merancang ke arah itu. Terima kasih.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Seri Setia.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : Yang Berhormat EXCO, saya ingin bertanya kalau kita *grand prix* tangkap tikus boleh ke kita bagi hadiah sama dengan *grand prix* macam tangkap ikan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI** : Puan Speaker, Terima kasih Seri Setia. *Grand prix* tangkap ikan sebelum ini di bawah EXCO Y.B. Dr. Yaacob Sapari. Hadiah sangat besar tetapi untuk menangkap tikus ini, kita tidak dapat.

**TUAN SPEAKER** : Soalan seterusnya, Balakong.

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE** : Terima kasih Puan Speaker. Soalan saya nombor 33.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE  
(BALAKONG)**

**TAJUK** : **SJKC SG. LONG DAN SJKC KAJANG 2**

33. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berikutan pengumuman pihak Lembaga Pengarah SJKC Sg Long dan SJKC Kajang 2 bahawa kos pembinaannya yang disalurkan oleh kerajaan pusat mungkin tidak mencukupi, apakah rancangan kerajaan untuk membantu pembinaan kedua-dua sekolah tersebut agar pembinaannya tidak terbengkalai?

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BIN ALI** : Terima kasih Puan Speaker. Terima kasih Yang Berhormat Balakong. Yang Berhormat Balakong mahu tahu berikut pengumuman pihak Lembaga Pengarah SKJC Sg Long dan SJKC Kajang 2 berkenaan

kos pembinaannya yang disalurkan oleh kerajaan pusat mungkin tidak mencukupi, apakah rancangan kerajaan untuk membantu pembinaan kedua-dua sekolah tersebut agar pembinaannya tidak terbengkalai? Kerajaan Negeri ada mempunyai satu skim bantuan sekolah, untuk Sekolah Jenis Kebangsaan Cina selain SKJT dan Sekolah Agama Rakyat, maka Lembaga Pengarah SJKC Sg Long dan SJKC Kajang 2 bolehlah memohon untuk mendapat pertimbangan, Insya-Allah di dalam Mesyuarat Agihan Peruntukan Bantuan Sekolah ini. Perlu saya ingatkan juga, Kerajaan Negeri hanya memainkan peranan sokongan bukan primer kerana urusan membina sekolah ini sebenarnya adalah urusan kerajaan pusat yang telah menerima 22% daripada KDNK sumbangan rakyat negeri Selangor. Dan kita semua maklum bahawa Bajet 2013 yang diumumkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk SJKC sebanyak RM100 Juta. Maka saya tidak nampak masalah daripada RM100 Juta bolehlah digunakan untuk kedua-dua sekolah ini. Terima kasih.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Soalan tambahan.

**PUAN SPEAKER :** Ya. Kinrara.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Kinrara ingin tanya, memandangkan Lembaga Pengarah SJKC kebanyakannya terdiri daripada MCA dan mereka selalu membuat tuduhan bahawa kerajaan negeri atau PBT yang selalu menyusahkan proses permohonan. Jadi soalan saya ialah adakah kerajaan negeri akan menubuhkan sebuah unit penerangan khas untuk membuat penjelasan kepada orang awam. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BIN ALI :** Untuk makluman Kinrara, bantuan untuk Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan Sekolah Agama Rakyat telah kita teruskan untuk 5 tahun. Jadi ianya terbuka kepada semua. Jadi ada di dalam portal kerajaan negeri Selangor. Dan juga kita mengalu-alukan, mungkin kalau Lembaga Pengarah di parti lain, PIBG, Ibu Bapa berhak mendapat bantuan daripada sekolah, kerajaan negeri Selangor. Dan ADUN di kawasan ini bolehlah membantu menerangkan apa yang ada ditawarkan oleh kerajaan Selangor.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG :** Soalan tambahan, Puan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Teratai

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG :** Terima kasih, Puan Speaker. Saya ingin bertanya adakah kerajaan negeri Selangor bersedia hanya untuk menyerahkan tanah tapak sekolah kepada kerajaan persekutuan hanya selepas Kementerian Pelajaran Malaysia memberi kepastian secara bertulis apakah mereka akan bina ditapak tersebut supaya tapak zon persekolahan tidak disalahgunakan. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BIN ALI :** Terima kasih kepada Kinrara. Eh! Teratai. Untuk makluman Teratai, kerajaan negeri Selangor semenjak 2008 telah pun mengagihkan tanah untuk tujuan sekolah-sekolah kepada kerajaan persekutuan untuk pembinaan sekolah. Dan kita memberikan iaitu dengan jaminan bahawa memang

Kementerian Pelajaran akan buat sekolah. Memang ada peruntukan. Bukan hanya memohon kemudian ditukarkan tapak yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk tujuan lain. Ya, kita mahu jaminan daripada Kementerian Pelajaran sendiri, mereka sudah ada peruntukan dan mereka akan buat sekolah. Bukan benda lain. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI** : Puan Speaker, soalan 34.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI  
(KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK : KEGAGALAN PASUKAN SUKMA NEGERI MENJUARAI KEJOHANAN SUKMA KEBANGSAAN**

34. Semenjak kebelakangan ini, pasukan Sukan Sukma Negeri Selangor gagal untuk menjadi juara dalam kejohanan Sukma Kebangsaan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar: -

- a) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Majlis Sukan Negeri bagi memastikan pasukan Sukma Negeri menjadi juara dalam pertandingan Sukma Kebangsaan di masa hadapan?
- b) Adakah semua kelab sukan negeri mempunyai gelanggang latihan dan alatan mencukupi untuk persediaan awal?
- c) Adakah bajet yang disediakan mencukupi untuk atlet negeri menjalani latihan?

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Terima kasih Puan Speaker, Kota Anggerik ingin bertanya berkaitan pasukan Sukan Malaysia Negeri Selangor yang mana gagal dalam beberapa tahun menjuarai sukan kebangsaan ini. Langkah-langkah yang diambil oleh Majlis Sukan Negeri Selangor bagi menghadapi bagi setiap kejohanan Sukan Malaysia pihak Majlis Sukan Negeri Selangor telah menyediakan program-program ke arah meningkatkan prestasi atlet untuk menjadikan juara di SUKMA. Antara langkah-langkah adalah meningkatkan lagi sesi latihan pasukan, menganjurkan program binaan yang meninggalkan impak yang positif di dalam diri atlet Selangor dan juga melantik jurulatih-jurulatih berpengalaman. Walau bagaimana pun pelbagai langkah yang diambil untuk mengejar juara, tetapi juga kekangan-kekangan yang cuba diselesaikan dalam masa yang singkat.

Antara langkah-langkah lain yang diberi perhatian oleh pihak Majlis Sukan Negeri Selangor adalah membeli peralatan baru yang lebih berteknologi terkini, mewujudkan

Program Khas iaitu satu program yang menumpukan kepada sukan-sukan yang mempertandingkan banyak pingat di SUKMA seperti kayak, mendayung dan sebagainya dan juga meneruskan latihan secara berterusan sepanjang tahun.

Berkaitan dengan gelanggang latihan, Majlis Sukan Negeri mempunyai lebih 40 persatuan sukan negeri iaitu badan sukan yang bergabung dengan Majlis Sukan Negeri Selangor. Majlis Sukan Negeri Selangor sendiri tidak mempunyai gelanggang-gelanggang atau pusat latihan sendiri. Kebanyakan gelanggang dan pusat latihan adalah di bawah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) ataupun pihak swasta yang mana kita terpaksa menyewa kepada mereka. Saya kira pusat-pusat latihan dan peralatan masih lagi tidak mencukupi yang mana menjadi tumpuan kepada Kerajaan Negeri dan Majlis Sukan Negeri Selangor untuk kita melihat keperluan-keperluan tapak atau gelanggang latihan kepada atlet-atlet atau persatuan, peralatan-peralatan yang saya kira cukup menggunakan peruntukan yang besar.

Berkaitan bajet memanglah kalau kita lihat bajet atau peruntukan daripada Kerajaan Negeri lebih kurang RM5 Juta setahun. Ini adalah bajet atau peruntukan yang kecil jika hendak dibandingkan dengan keperluan yang kita perlu untuk membangunkan atlet-atlet kita. Sebagai contoh perbelanjaan untuk sukan SUKMA sendiri, yang mana dapat dalam 20 acara dipertandingkan setiap tahun ia menelan belanja lebih sedikit dari RM 4 Juta. Dan anggaran untuk kontinjen SUKMA ia sudah mencapai lebih RM2 Juta. Sudah tentulah jumlah RM5 Juta ini adalah satu jumlah yang sangat kecil jika hendak kita bandingkan dengan negeri Terengganu yang menggunakan begitu besar saya kira. Saya dimaklumkan lebih kurang RM10 Juta setiap tahun untuk pembangunan dan menyediakan atlet SUKMA itu sendiri. Terima kasih

**TUAN SPEAKER : Soalan seterusnya, Meru.**

**Y.B. TUAN ABD RANI BIN OSMAN : Puan Speaker, soalan 35.**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. ABDUL RANI BIN OSMAN  
(MERU)**

**TAJUK : PENGURUSAN AIR**

35. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar: -

- a) Sejauh manakah perkembangan perundingan mengenai pengurusan air Selangor mendapat kerjasama dari Kerajaan Persekutuan?
- b) Apakah sebenarnya dalih-dalih dan syarat-syarat yang diletakkan oleh Kerajaan Persekutuan yang merumitkan kerjasama bagi pengurusan air di Selangor?

- c) Apakah langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang yang diambil bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan air di Negeri Selangor sekiranya ia berlaku?

**YAB DATO' MENTERI BESAR :** Puan Speaker, Meru membangkitkan isu perkembangan perundingan mengenai pengurusan air Selangor adakah mendapat kerjasama Kerajaan Persekutuan dan konsesi-konsesi? Puan Speaker, baru-baru ini saya telah membuat kenyataan akhbar bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menjawab surat saya dan bersetuju untuk proses penyusunan semula air kepada negeri Selangor dilaksanakan. Dan, oleh itu, buat masa sekarang kita telah bersama-sama menyediakan, apa yang disebut surat perjanjian pelaksanaan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dengan terma-terma yang perlu diterima. Selaras dengan itu adalah hal yang disebut Akta 655, iaitu Akta Industri Perkhidmatan Air. Jadi jawapan ringkasnya dalam masa dua (2) bulan ini kita berharap perkara ini dapat diselesaikan dan hasilnya akan memberi manfaat kepada rakyat Selangor.

Kedua, apakah langkah persediaannya? Oleh sebab kita berasa perlu untuk mengambil alih pengurusan air, maka pada pertengahan tahun 2012 kita telah menyediakan *managment team* yang kita telah latih supaya apabila kita mengambil alih syarikat-syarikat air ini. Pasukan *managment team* kita boleh terus mengendalikan pengurusan tersebut dengan tidak dirasa kelainannya oleh pengguna-pengguna. Dan *managment team* ini untuk sekarang terdiri daripada beberapa eksekutif yang kita ambil dari luar negara untuk melaksanakannya, walaupun bayaran gaji mereka agak kurang daripada gaji yang diterima oleh Pengerusi SYABAS.

**Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Gombak Setia.

**Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN :** Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar adakah Kerajaan Negeri akan mengeluarkan bantuan terhadap di mana-mana individu atau persatuan yang mengambil tindakan di atas ketidakcekapan SYABAS menguruskan air di Selangor. Terima kasih.

**YAB DATO' MENTERI BESAR :** Puan Speaker, kita sedang meneliti akan beberapa usaha pihak NGO yang bertindak dengan memberitahu konsesi-konsesi dan para pemegang konsesi air di negeri Selangor supaya bergerak dan melaksanakan tanggungjawab mereka. Kita juga difahamkan bahawa SYABAS dan Puncak Niaga telah juga memberi sumbangan kepada NGO-NGO yang menyokong mereka dalam usaha untuk menunjukkan bahawa tindakan kerajaan negeri Selangor itu tidak menguntungkan SYABAS dan juga Puncak Niaga. Oleh sebab itu, sebagai kerajaan kita mesti bersikap lebih baik daripada pergerakan ini. Bagaimanapun kita telah buat beberapa peruntukan untuk hanya memberi khidmat nasihat guaman kepada NGO-NGO yang hendak bergerak dari segi usaha mereka tetapi tidak bersama-sama mereka dalam usaha tersebut.

**TUAN SPEAKER:** Sg. Burong.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS :** Terima kasih Puan Speaker. Memandangkan persetujuan bagi penyusunan air telah pun dipersetujui, adakah kerajaan negeri akan bersetuju untuk menerima pembinaan loji Langat 2. Yang keduanya, soalannya, bagi menghadapi krisis air yang mungkin akan berlaku, Yang Berhormat Menteri Besar telah memaklumkan langkah-langkah alternatif bagi menjalankan kajian bagi mengatasi masalah itu dengan melantik pakar-pakar runding bagi kajian tersebut. Jadi, saya ingin tahu sejauh manakah kajian-kajian ini telah dihasilkan dan apakah keputusannya. Sekian, terima kasih.

**YAB DATO' MENTERI BESAR :** Puan Speaker, Yang Berhormat Sg. Burong membangkitkan isu-isu yang kita masukkan dalam perundingan. Oleh sebab pengambilan air ini termasuk perundingan Langat 2, saya buat masa ini tidak ingin menyatakan pendirian Kerajaan Negeri kerana kita mahukan penyusunan semula industri air Selangor dibuat secara keseluruhannya, bukan secara berperingkat-peringkat. Oleh sebab itulah, buat masa sekarang, kita memperlihatkan sikap penerimaan terbuka tetapi tidak dinyatakan keputusan akhir sebab ia masih dalam perundingan. Kedua, untuk maklumat Sg. Burong dan rakan-rakan Yang Berhormat sekalian, setiap hari, Jawatankuasa pemantauan penggunaan air dan Jawatankuasa ada memantau tentang jumlah air mentah untuk kegunaan rakyat Selangor. Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri dan pegawai-pegawai dari Unit Perancang Ekonomi Negeri dan pegawai-pegawai dari LUAS serta pakar-pakar ada berbincang setiap hari untuk memantau keadaan penawaran dan pengeluaran air di Selangor. Oleh sebab itu, kita dapat keadaan itu dipantau dan saya rasa negeri tidak akan kekurangan berpengetahuan dalam hal pengurusan air.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa pertanyaan telah pun tamat. Dengan ini saya menangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Sambungan usul menyembah ucapan terima kasih serta menjunjung kasih ke atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang saya buka untuk sesi perbahasan. Dengan ini, dijemput Yang Berhormat Sg. Burong untuk menyambung perbahasan.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS :** *Bismillahir rahmanir rahim* dan terima kasih Puan Speaker, kerana membenarkan saya menyambung perbahasan ini. Saya ingin terus membangkitkan isu PKNS di dewan yang mulia ini adalah untuk mengingatkan Y.A.B. Menteri Besar dan Pengurus Besar PKNS sejarah penubuhan PKNS dan dasar penyusunan semula syarikat milik kerajaan negeri Selangor pada tahun 70-an semasa Selangor di bawah kerajaan Barisan Nasional. Terdapat 4 syarikat milik kerajaan Selangor yang telah ditubuhkan dengan fokus dan matlamat seperti yang tersendiri seperti berikut. Pertama, PKNS ataupun Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor. Yang kedua, Kumpulan Perangsang Selangor, KPS, yang

kemudiannya dikenali sebagai Kumpulan Darul Ehsan Berhad atau KDEB. Ketiga ialah Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor, PKPS, dan yang keempat ialah Yayasan Selangor. PKNS ditubuhkan pada 1 Ogos 1964 dan fokus dan matlamat utama sebagai agensi utama pembangunan sosioekonomi negeri Selangor melalui pembangunan bandar-bandar baru, perumahan, perindustrian dan perniagaan. KPI korporat adalah dalam, adalah untuk pembangunan dan pertumbuhan seimbang bukan untuk memaksimumkan keuntungan tetapi membuat keuntungan munasabah untuk pelaburan semula dan membolehkan pelaksanaan skim *cross subsidization*, dengan izin. Jika harga pasaran, contohnya, jika harga pasaran sebuah rumah ialah RM100,000.00, PKNS akan menjual setakat RM80,000 tetapi tetap membuat keuntungan.

KPS ditubuhkan pada 11 Ogos 1975 tapi bermula sebagai Jabatan Pelaburan PKNS. Kemudian diletakkan sebagai anak syarikat Kumpulan Darul Ehsan Berhad yang ditubuhkan pada 3 Ogos 1985 iaitu Syarikat Pelaburan Negeri Selangor. Fokus KDEB ialah aktiviti pelaburan dalam berbagai-bagai bidang di peringkat nasional dan antarabangsa. KPI Korporat ini ialah berorientasikan keuntungan maksimum untuk pertumbuhan syarikat dan berdikari dalam pasaran terbuka yang kompetitif. Rakyat tidak mempersoalkan kalau KDEB menjual rumah mahal seperti yang berlaku di Taman Tengku Abdul Rahman di Hulu Kelang. PKPS ditubuhkan pada 2 Jun 1972. Fokus kepada pembangunan pertanian dan mempercepatkan pembangunan sosioekonomi Selangor dalam bidang pertanian. Manakala Yayasan Selangor, ditubuhkan pada 5 November 1970. Fokusnya adalah untuk pembangunan pendidikan negeri Selangor terutama di kalangan pelajar-pelajar luar bandar. Keempat-empat syarikat tersebut dalam mempunyai program masing-masing mengikut kekuatan dan kepakaran mereka dalam bidang-bidang tertentu. Dalam membuat keuntungan untuk membiayai aktiviti sosioekonomi yang telah diamanahkan kepada mereka dengan syarat tidak melenceng daripada matlamat tambahan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Soalan tambahan. Mencelah..mencelah. Adakah Sg. Burong sedar bahawa anak-anak syarikat ini telah digunakan oleh pimpinan UMNO sebagai alat untuk mereka mengaut keuntungan daripada aktiviti ini?

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS :** Itu, kena buktikanlah. Jangan buat tuduhan saja.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Saya ada bukti.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS :** Boleh lah berhujah selepas ini.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Sekeping tanah telah dijual oleh kerajaan negeri iaitu tanah PKPS, kepada syarikat milik bekas pembangkang dulu dengan harga 6.9 juta. Kemudian, syarikat tersebut menjual tanah kepada PKNS sebanyak 18 juta. Dan perkara ini dibahaskan dalam dewan ini. Jadi kita dapat bahawa anak syarikat tersebut telah menjadikan satu alat oleh pihak pimpinan UMNO untuk mengaut untung berjuta ringgit.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS** : Puan Speaker, kalau ada isu-isu yang berkaitan dengan penyelewengan kepada anak-anak syarikat itu, bolehlah dikemukakan dan dibentangkan untuk, apa orang kata, diambil tindakan oleh dewan yang mulia ini. Pada hari ini, saya berhujah bahawa PKNS yang telah diamanahkan untuk melaksanakan tanggungjawab sosioekonomi telah tersasar daripada objektif tersebut. Yang keduanya telah memberi kesan kepada pemilik-pemilik tanah di keramat dan saya nak mengingatkan kepada..

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Puan Speaker.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS** : Menteri Besar,

**TUAN SPEAKER** : Sg. Burong, Sekinchan minta mencelah.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS** : Ok, boleh.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Sebentar tadi nampak Yang Berhormat Kota Anggerik membangkitkan ada bukti mengenai penipuan anak syarikat ini dijadikan sebagai alat untuk mengaut keuntungan dan pemimpin UMNO tersebut. Setujukah Yang Berhormat Sg. Burong bahawa ini memang berlaku dan perkara ini harus diakui oleh UMNO sendiri? Sekian, terima kasih.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS** : Puan Speaker, ya, saya, pada prinsipnya segala amalan-amalan penyelewengan, sama ada rasuah, penyalahgunaan, ketidaktelusan integriti ya, dalam pelaksanaan dasar yang diamalkan kepada kerajaan ini. Ini saya, kalau ada isi-isi itu, bolehlah dikemukakan. Tidak ada masalah, dan saya menyokong, ya, kalau perlu perkara ini, kita ada SELCAT, boleh bawa kepada SELCAT. Kita boleh bawa kepada SPRM yang merupakan badan-badan yang ada di dewan ini yang bertanggungjawab sebagaimana juga saya hari ini membawa isu PKNS, supaya kalau boleh dari segi ketelusan dan integriti..

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Tuan Speaker. Minta penjelasan.

**TUAN SPEAKER** : Saya minta Rawang bagi Sg. Burong habiskan dulu.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS**: Bagilah peluang saya menjelaskan bahawa hari ini yang saya bahaskan adalah PKNS dan tidaklah perlu Sekinchan atau orang kata, gelak ketawa menyindir-nyindir ya. Kalau saya tidak ada asas, apa yang saya bawa, perkara ini saya usulkan supaya dibawa SELCAT dan diperjelaskan bagi membersihkan tentang dari segi ketelusan dan integriti tersebut. Boleh saya meneruskan..

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Minta..minta..penjelasan sikit.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Tadi saya minta penjelasan.

**TUAN SPEAKER:** Sg. Burong tak bagikan? Mereka mencelah. Rawang, jiran.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS :** Sekinchan...Sekinchan minta lagi sikit

**TUAN SPEAKER :** Rawang..Rawang..yang lain tolong duduk.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI :** Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin minta penjelasan Yang Berhormat Sg. Burong, yang bahawa Sg. Burong sebenarnya mengiktiraf peranan SELCAT yang sebelum ini dituduh oleh BN UMNO bahawa SELCAT adalah satu alat politik untuk kita menzalimi pihak pembangkang. Yang kedua, samada Sg. Burong sendiri akan mencadangkan supaya kes ini dibawa ke SELCAT untuk disiasat siasatan lanjut.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS :** Terima kasih Puan Speaker. Itu adalah pandangan kita tentang SELCAT tetapi tidak bermakna sebab SELCAT ini telah dipersetujui oleh dewan yang mulia ini. Saya sebagai Ahli Dewan, walaupun misalnya, kita tidak bersetuju tentang apa juga cadangan-cadangan yang dibawa usul kepada dewan ini tetapi apabila telah diputuskan sebagai dasar, kita sebagai Ahli-ahli Dewan, kita menghormati keputusan tersebut dan mematuhi keputusan tersebut. Oleh kerana SELCAT telah diwujudkan oleh dewan dan bertanggungjawab utk melaksanakan tugasnya, bolehlah melaksanakan tugasnya dan tanggungjawab mereka. Sama ada SELCAT itu menjalankan tugasnya hanya untuk kepentingan politik, kita akan melihat keadaan pada masa itu. Kita..

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Minta penjelasan.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS :** Sebagai ADUN pembangkang, kita melihat sama adakah SELCAT ini betul-betul ya, dia *impartial* dalam pelaksanaannya ataupun dia memihak kepada pihak..

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Tuan Speaker. Minta penjelasan.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS :** tertentu. Ok. Jadi, saya ingin teruskan ya, perbahasan saya.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Minta penjelasan.

**TUAN SPEAKER:** Kg. Tunku, Sg. Burong tak bagi, tolong duduk.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Tak bagi ya? Satu saja. Nak isu saja. Saya nak tau isu dia

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS:** Isu dia..

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Itu SELCAT..SELCAT..

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS:** Ya, ok.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Pentadbiran .

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS :** Tak, isunya, isu yang saya nak bawa ni ataupun yang kita nak isu-isu yang lain.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Isu SELCAT tu. Dengan isu pentadbiran baik.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Soalan bocor

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS:** Kalau tidak, saya cadangkan, kalau nak berbahas, tak bersetuju ke dan sebagainya..

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Bukan, bukan..ini pentadbiran

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS :** Kita buat perbahasan selepas ini. Tetapi kalau misalnya, ya, nak cuba menghalang ucapan saya ini..saya

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Tidak, tidak.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS :** Saya tak mahu..

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Tidak..tidak..Kita tidak pernah menghalang. Tak pernah menghalang..

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS :** Ok.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Saya hanya bertanya kepada Yang Berhormat daripada Sg. Burong, kalau kita sebut tentang SELCAT, sebenarnya ada satu cadangan yang sebenarnya lebih baik, saya mencadangkan sama ada Yang Berhormat setuju ke tidak? Kalau isu seperti ini, sebenarnya pun boleh dibawa dalam PAC dan Yang Berhormat kalaupun, kalau izin, mungkin akan dipilih sebagai pengurus PAC. Saya ingin bertanya mengapa Yang Berhormat tidak cuba mencadangkan isu ini dibawa ke dalam PAC, dan kalau Yang Berhormat dipilih sebagai Pengurus PAC ini, isu ini akan dapat disiasat dengan lebih lengkap, bukankah itu satu cadangan yang sangat baik.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS :** Tuan Speaker, tadi Puan Speaker ya, sekarang Tuan Speaker ya. Minta maaf, Tuan Timbalan Speaker ya. Saya tiada masalah nak bawa ke mana pun. Saya ada dua (2) perkara dekat sini yang saya bahaskan. Yang pertama, saya ingin memberitahu kepada Y.A.B. Menteri Besar dan Pengurus Besar PKPS..PKNS..bahawa apa, dasar tentang projek Jelatek ini perlu dibuat pemeriksaan semula. Yang pertama, yang kedua, kita sebagai, katanya, kerajaan yang prihatin kepada masyarakat ataupun penduduk yang terlibat situ, kita

perlu mengambil perhatian bagi menyelesaikan masalah, walau apa pun tujuan matlamat mencari keuntungan PKNS tersebut, ya. Tentang cadangan, saya sebab tadi dibangkitkan supaya benda ni dibawa kepada SELCAT, saya kata boleh, kita bawalah perkara ini kepada SELCAT untuk memastikan ketelusan dan integriti tersebut. Dan kalau cadangan ini nak bawa kepada PAC, boleh bawa PAC. PAC perkara ini dari segi peraturannya kena beritahu Y.A.B. Menteri Besar supaya dibentangkan dalam PAC. Itu tak ada masalah pada saya, tak timbul pun, ini orang kata, mengapa saya pula patut setuju atau tidak setuju kepada PAC. Ini terpulang kepada Ahli-ahli Dewan yang ada pada hari ini. Tuan Timbalan Speaker, saya ingin meneruskan perbahasan saya.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : Tuan Timbalan Speaker, saya tak nak nampak yang tersiratnya Sekinchan. Tak bagi laluan. Tak bagi laluan. Cukuplah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Yang Berhormat tak bagi laluan. Ini giliran dia.

**Y.B. TUAN Dr. ABD. RANI BIN OSMAN** : Saya nak tanya sedikit kepada Ketua Pembangkang adakah Yang Berhormat tahu bahawa yang disebutkan SELCAT tadi nak terpilih ke SELCAT ini dia tidak ada syarat. Sama juga macam PAC. Sebab semalam saya dapat tahu bahawa surat khabar hari ini keluar Yang Berhormat menyebut bahawa nak menjadi syarat PAC itu mestilah juga dilantik di peringkat Parlimen. Jadi saya rasa benda ini tidak betul. Sebenarnya tidak ada syarat untuk SELCAT dan PAC. Itu soalan saya.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : Tuan Timbalan Speaker, saya ingat, minta maaflah Meru ni memandai-mandai. Saya cakap fakta. Ini sebab saya *quote* Speaker, kenyataan Speaker yang ingin menjemput saya menjadi Pengerusi PAC tapi dalam kenyataan akhbar saya tengok dia memberi kenyataan bahawa kalau di Selangor Pengerusi PAC di federal pun ada Pengerusi PAC daripada pembangkang. Jadi saya *quote* yang ini saya tak setujulah. Mengapa kita nak kenakan syarat-syarat. Ini soal keikhlasan. Kalau kita nak lantik badan yang bebas bagi pembangkang kuasa yang sepenuhnya bagilah untuk jadi peneraju PAC. Tapi tak boleh melencongla. Kita mungkin ada nanti usul perbahasan tentang PAC nanti. Saya sedia berbahas tentang isu PAC. Tapi pada pagi ini saya akan meneruskan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Yang Berhormat Sekinchan, Yang Berhormat tidak bagi laluan.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : Tuan Timbalan Speaker, saya ingin *remind*, ikut peraturan. Kalau Tuan Speaker tak bagi kebenaran laluan, tadi dah berdiri dan kita pun tahu dan janganlah nak tunjuk lagak.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Boleh nak mencelah?.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Yang Berhormat Permatang minta laluan.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Terima kasih Sungai Burong. Saya mohon pendapat Yang Berhormat Sungai Burong fasal isu pelantikan PAC. Saya pun baca kenyataan akhbar kalau Selangor diberi kepada pembangkang, di *federal* pun minta diberi pada pembangkang. Yang Berhormat Bukit Antarabangsa ada menyebut juga isu yang lain mengenai peruntukan kalau diberi kepada wakil-wakil rakyat pembangkang di Selangor dengan syarat di *federal* pun kena bagi juga. Jadi nampaknya kedua-dua perkara ini bersyarat. Ini seolah-olah apa yang dicadangkan di sini sebab kita dalam Dewan Negeri Yang Berhormat Sungai Burong jadi biarlah apa-pun keputusannya biarlah kalau ada keikhlasan nak lantik di peringkat negeri tak ada kait-kait di peringkat *federal*. Jadi apa pendapat Yang Berhormat mengenai perkara ini.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Cuma mungkin kalau macam itu jangan rujuk banyak sangat di peringkat *federal* di peringkat pembangkang pun. Macam semalam sentuh banyak sangat fasal Ketua Pembangkang di peringkat federal.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : Itu sebab Tuan Timbalan Speaker nampak Tuan Timbalan Speaker patut menyebelahi Ketua Pembangkang. Kita kena faham. Benda itu sebenarnya tidak ada bersalah dengan...

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Tuan Timbalan Speaker adil di sini cuma saya nak ingatkan kalau kita nak fokus tentang kait mengait semua kena dua-dua adil. Itu sahaja.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : Ialah. Kalau dari segi kaitannya memang ada. Pertama sekali Ketua Pembangkang Parlimen adalah Penasihat Ekonomi Negeri Selangor. Jadi memang berkaitan dengan dewan ini. Saya sebenarnya tak nak berhujah berkenaan itu tapi bila saya tahu Puan Speaker bagi *green light* dia tahu peraturan itu. Itu sebab dia suruh saya teruskan perbahasan.

Tuan Timbalan Speaker, saya bersetuju sebenarnya dengan pendapat Permatang. Malah saya sering berkata mauduknya itu apa. Ia adalah keikhlasan. Kalau kita nak memegang sesuatu jawatan atau menawarkan satu perkara buatlah dengan ikhlas. Kalau nak bagi peruntukan di negeri Selangor kepada pembangkang bagi sajalah. Apa nak disyaratkan persekutuan mesti bagi, kita nak bagi. Ini bukan orang kata bagi ini. Ini soal kalau nak bagi peruntukan yang dirasakan kalau nak bagi peruntukan itu kita membolehkan wakil dari parti mana dalam negeri Selangor ini dapat memberikan khidmat yang terbaik kepada rakyat. Silakan. Jangan orang kata dah bagi tangan kanan tarik tangan kiri. Itu macam semalam Sekinchan cakap semalam kata nak bagi elauan khas kepada Ketua Pembangkang dan sebagainya. Kita sebenarnya perkara ini bergantung pada keikhlasan. Kalau merasakan bahawa Ketua Pembangkang itu layak dan perlu diberi kedudukan sebagai taraf EXCO dan diberikan kemudahan-kemudahan seperti itu dan ini diiktiraf oleh Kerajaan Negeri maka bolehlah. Jangan dengan syarat nanti terimalah PAC dan sebagainya.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ada permintaan laluan Yang Berhormat.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : OK.

**Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN** : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya ingin bertanya kepada Ketua Pembangkang, adakah sekiranya Ketua Pembangkang menjadi Perdana Menteri bersetuju untuk memberikan bajet tambahan kepada Ahli-ahli Parlimen pembangkang di Parlimen. Terima kasih.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : Saya tak dengar tadi dari mana ya. Fasal terlindung tadi. Ya, dari Morib.

**Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN** : Apakah sekiranya Ketua Pembangkang dilantik sebagai Perdana Menteri bersetuju untuk memberikan bajet pembangunan kepada Ahli-ahli Parlimen pembangkang di peringkat Parlimen.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : Jika Ketua Pembangkang menjadi Perdana Menteri?. Ha, ini pun ada yang mengigau dan berangan-angan. Boleh, nak mengigau atau berangan-angan dan bermimpi nak jadi Perdana Menteri itu boleh. Tapi bila lepas pilihan raya keputusan dibuat janganlah mencacau-cacau mengajak orang pergi demonstrasi jalanan, tak puas hati nak jadi juga Perdana Menteri. Ini masalahnya. Kalau Ketua Pembangkang menjadi Perdana Menteri dia nak bagi apa pun bagilah. Itu terpulang kepada dia. Soal prinsip saya tadi berkata soal apakah tindakan keputusan yang dilakukan oleh kerajaan negeri Selangor ini pada pandangan saya berdasarkan pada prinsip keikhlasan. Kalau ikhlas katakan ikhlas. Jangan dikait-kaitkan. Itu yang saya nak katakan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Yang Berhormat Sungai Burong bagi ke tidak?. Sebab ini tengah ucapan Yang Berhormat Sungai Burong.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : Tuan Timbalan Speaker, tadi saya nak tegurlah, Sekinchan ini kalau nak tanya jangan minta dengan saya fasal dia tutup speaker dia tadi. Nanti tak rekod dalam *hansard*. Saya nak benda ini rekod dalam *hansard*. Peraturan ini jadi Sekinchan bolehlah minta dengan Tuan Timbalan Speaker sebab Sekinchan ini dah lama jadi Ahli Dewan Negeri tak perlu ditegur. Saya ingin meneruskan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Yang Berhormat Sekinchan, Yang Berhormat ingin meneruskan ucapannya.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Dah tiga empat kali. Kenalah bagi sekali.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Yang Berhormat Sungai Burong nak bagi ke tak nak bagi?.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Kenalah bagi.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Saya tanya ni nak bagi ke tak nak bagi. Kalau tak bagi saya minta Sekinchan duduk.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : Itulah sebab dia tak belajar lagi peraturan dan adab-adab. Kena ikut dalam dewan ini. Jadi saya tak bagilah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Sekinchan minta duduk ya.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : Sabar Tuan Sekinchan. Lepas ini ada lagi perbahasan.

Dalam konteks PKNS, saya bersetuju PKNS terlibat secara agresif dalam pelaburan harta tanah berprofil tinggi seperti projek mega. Tetapi janganlah terlalu pentingkan dan memaksimumkan keuntungan semata-mata tanpa menghiraukan sama sekali agenda sosioekonomi rakyat. Terutama agenda pembangunan ekonomi bumiputera yang menjadi salah satu matlamat aktiviti PKNS. Ini yang rakyat marah dan tidak puas hati. Saya ingin mengingatkan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Kerajaan Negeri bahawa agenda ekonomi Bumiputera adalah agenda nasional sebagai asas pencapaian matlamat perpaduan nasional selaras dengan perkara 153 Perlembagaan Persekutuan. Perkara ini juga merupakan aku janji kelima semasa Yang Amat Berhormat Menteri Besar mengangkat sumpah jawatan Menteri Besar pada 14 Mei 2013 yang lalu untuk memelihara kedudukan istimewa orang-orang Melayu dan pada masa yang sama kepentingan sah kaum-kaum lain di Selangor. Justeru kerana itu, saya mendesak supaya Kerajaan Negeri dan PKNS menimbangkan dengan sewajarnya memorandum dari barisan bertindak dari Datum Jelatek dan meneruskan perbincangan dengan mereka untuk mencapai satu penyelesaian yang baik untuk kepentingan kedua pihak. Kalau selepas pilihan raya ini kita ingat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun telah bersetuju supaya perundingan penstrukturran air pun boleh dilaksanakan di negeri Selangor saya tak nampak kalau niat kita ikhlas untuk membantu orang yang terlibat ini Kerajaan Negeri mengadakan perundingan-perundingan tersebut.

Tuan Timbalan Speaker, bagi rumusan kepada perbahasan mengenai Datum Jelatek ini saya ingin meneruskan bahawa dalam era pasca PRU 13 adalah sangat mencabar terutama bagi negeri Selangor sebagai negeri termaju di Malaysia yang sedang melalui proses urbanisasi yang sangat pesat. Cabaran pengurusan kejayaan yang sebenarnya diasaskan oleh Barisan Nasional sejak 50 tahun yang lalu. Walaupun pemerintahan Kerajaan Selangor telah bertindak kepada Pakatan Rakyat sejak 2008 yang lalu. Kita mestilah mengakui realiti sejarah bahawa kerajaan hari ini telah mewarisi sebuah negeri yang mantap kedudukan ekonomi dan kewangannya. Rakyat berbilang kaum dan bersatu padu dan hidup harmoni kedudukan ekonomi yang stabil dan sistem pentadbiran negeri yang mantap yang perlu dijaga dengan baik serta diberi penambahbaikan dan perubahan-perubahan untuk kepentingan rakyat Selangor seperti yang diharapkan seperti titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan. Sekali lagi saya tegaskan bahawa cabaran tersebut dalam era pasca Pilihan Raya Umum ke-13 dan dekad-dekad akan datang ialah cabaran menguruskan kejayaan yang telah diasaskan

oleh kerajaan Barisan Nasional ini dapat diteruskan. Menyedari dan menginsafi bahawa kerajaan Selangor pasca Pilihan Raya ke-13 menuntut kerjasama dan dukungan semua lapisan rakyat serta jentera kerajaan dan pihak swasta dan yang paling penting kepimpinan politik dari semua pihak saya ingin memberi jaminan di dewan yang mulia ini bahawa Barisan Nasional sebagai sebuah parti pembangkang yang bertanggungjawab akan memberikan kerjasama kepada Kerajaan Selangor sekarang bagi kepentingan negeri serta meletakkan kepentingan tadbir urus yang baik dalam melaksanakan tugas dan proses membuat keputusan bagi negeri Selangor seperti yang ditekankan dalam titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Ini menjadi falsafah perjuangan kami kerana apa yang Selangor capai sekarang adalah hasil perjuangan dan pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional sejak 50 tahun yang lalu dengan kerjasama dan dukungan rakyat Selangor yang terdiri dari berbilang kaum. Sebelum mengakhiri perbahasan saya, saya ingin membangkitkan satu isu yang khusus dalam kawasan saya iaitu kebanjiran lesen-lesen kuda di pusat-pusat hiburan siber dan pusat-pusat hiburan di Tanjung Karang yang hari ini telah menimbulkan keresahan aduan kepada rakyat ataupun para ibu bapa aduan-aduan telah dikemukakan oleh agensi penguat kuasa seperti Majlis Daerah Kuala Selangor dan pihak-pihak yang berkenaan tapi malangnya dari segi keberkesanan penguatkuasaan itu sehingga sekarang masih belum dilihat berkesan. Oleh itu rakyat telah membuat aduan kepada saya dan meminta saya menyampaikan di dalam dewan yang mulia ini...

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Sungai Air Tawar dan Bukit Gasing ingin mencelah. Kejap, kejap. Sungai Burong nak bagi laluan pada yang mana?.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : Sungai Air Tawarlah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Sungai Air Tawar, ok.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK** : Tuan Speaker mengenai dengan tempat-tempat perjudian ini bukan saja di Sungai Burong, saya harap di PBT-PBT contohnya di Sungai Air Tawar pun diambil tindakan. Seperti mana yang kehendak Sungai Burong tadi, terima kasih.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, nampaknya masalah kebanjiran mesin-mesin kuda ini bukan nampaknya saja berlaku di kawasan Tanjung Karang tetapi juga di laporkan oleh sahabat saya Sungai Air Tawar dan saya rasa sudah sampai masa dan ketikanya hari ini kita muh melihat bahawa kerajaan negeri memastikan bahawa tindakan yang tegas diambil pada mereka.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN** : Tuan Speaker .....

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Yang Berhormat, ah Bukit Gasing minta laluan?

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : Saya ingat cukuplah ya. Rasanya sudah ....

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Oh, Sungai Burong tak nak bagi laluan.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : Saya pun sebenarnya dah nak ..... daripada ucapan saya ....

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL** : Seri Serdang, Seri Serdang Tuan Speaker, Seri Serdang.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Seri Serdang, Yang Berhormat Sungai Burong dia hendak teruskan ucapan dia ya.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : Ya, dengan harapan inilah Tuan Speaker saya mengakhiri ucapan saya dalam perbahasan menyokong titah ucapan Duli Yang Amat Mulia Sultan Selangor dalam dewan yang mulia ini.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Sebelum saya bagi laluan kepada yang seterusnya nak minta ingatan kepada semua Yang Berhormat-Yang Berhormat bila minta laluan cakap minta laluan ya supaya apa senang untuk saya hendak bagi kepada yang memintanya. Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Meru untuk menyampaikan ucapan.

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN** : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker kerana membenarkan Meru mengambil bahagian dalam perbahasan usul dalam menyembah ucapan terima kasih serta menjunjung kasih ke atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor di majlis perasmian Mesyuarat Ke-2 Pembukaan Persidangan Penggal Pertama Dewan di negeri Selangor Darul Ehsan yang ke-13 tahun 2013. Assalamualaikum WBK dan salam sejahtera kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat EXCO kerajaan negeri Selangor kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat ADUN Pakatan Rakyat, Yang Berhormat-Yang Berhormat ADUN Pembangkang, Ketua-ketua Jabatan, Penjawat-penjawat Awam, tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Saya tidak mahu mengambil masa yang lama kerana ingin memberi ruang kepada Y.B.-Y.B. sekalian mengambil bahagian di dalam perbahasan ini terutamanya daripada wakil rakyat daripada Pakatan Rakyat yang jauh lebih ramai, lebih profesional dan lebih muda lagi daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat dari pembangkang.

Sebelum saya pergi kepada masalah-masalah di tempat saya sendiri saya ingin membuat beberapa pencerahan yang mana ditimbulkan oleh Ketua Pembangkang tadi. Kalau Ketua Pembangkang pun tak faham banyak benda apatah lagi wakil-wakil rakyat daripada UMNO ini. Pertamanya tentang apa yang disebut sebagai Perhimpunan Aman dan sebagainya. Kita kena ingat bahawa Muhammad itu adalah Rasulullah dan daripada perkataan Rasulullah itulah datang perkataan risalah. Di dalam Bahasa Inggeris disebut dengan izin *the messenger of God* dengan *messenger of God* itulah mesej, ada mesej yang dibawa oleh Rasulullah. Dia bukan setakat Islam ini bukan setakat saya petik apa yang disebut oleh Sheikh Hamid Deeidat, *Islam is not religion mercy* dengan izin bukan, Islam itu bukan satu agama yang sempit begitu tetapi Islam

itu ialah Addin. (Bacaan Hadis) Sesungguhnya cara hidup daripada kita mula bangun sampailah di mana-mana pun kita pergi itu semua itu ada di dalam Islam. Carilah ilmu perubatan, ilmu astronomi, astrologi semuanya ada di dalam Islam itu. Sebab itu satu hadis Nabi sebut (bacaan hadis) tuan-tuan daripada orang Islam tahu kita diberitahu oleh guru-guru tafhib dan sebagainya baca ayat Al-Quran itu kalau Alif Lam Mim, Alif itu Insya-Allah ada 10 pahalanya, Lam itu 10 pahalanya dan Mim itu 10 pahalanya. Itu di luar solat, dalam solat pula dia ada lagi 25 pahala. Dalam sembahyang pula 100 pahala tetapi Nabi beritahu kita (bacaan hadis) berapa ramai Qari bukan Nas bukan manusia, Qari yang baca Al-Quran tetapi ayat Al-Quran itu laknat dia balik sebab dia setakat baca Al-Quran sahaja tapi dia tidak faham mesej yang dibawa oleh Al-Quran itu sendiri. Dan begitu juga insya-Allah kita semua akan berjumpa dengan, Insya-Allah kalau dipanjangkan umur insya-Allah saya berharap semua kita ini dapat menghadapi bulan Ramadhan Al-Mubarak, bulan yang penuh tarbiah dan sebagainya.

Itu pun Nabi sebut (bacaan hadis) berapa ramai orang yang berpuasa. Dia tidak dapat pahala apa-apa. Isi Allah Subhanahuwataala melainkan sebab dia tak faham mesej daripada yang di bawa oleh puasa itu menyebabkan dia letih saja meninggalkan makan dan minum sahaja. Sebab itu kata-kata juga daripada Imam Ghazali (bacaan hadis) maknanya kamu hendaklah jadi bulan puasa ini bulan yang penuh tarbiah, bulan yang kita minta Allah ampunkan dosa kita. Kita hendaklah jadi Rabbaniyyin maknanya luar Ramadhan pun kita jadi hebat bukan bulan Ramadhan saja kita pergi masjid. Bukan bulan Ramadhan saja kita tidak ambil rasuah, bukan bulan Ramadhan saja kita tidak beli cincin RM22 juta tetapi selepas Ramadhan pun begitu juga. Ini yang ingin disampaikan oleh sebab itu saya ingin sentuh sikitlah yang disebutkan Black 505 dan sebagainya dengan izin. Perhimpunan-perhimpunan haram apa semua, sebagai orang Islam kita tak sedar ke yang perhimpunan ini memang digalakkan oleh Islam. Kita tiap-tiap hari 5 kali, sehari semalam kita diajak berhimpun pergi ke masjid. *Haiyaallahsolah, haiyaallahfalah* ajak kita pergi ke masjid setiap hari, 5 hari 5 kali sehari

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI :** Minta mencelah ya Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN :** Ya sila.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI :** Meru bukan perhimpunan yang baring atas jalan raya yang Islam anjurkan.

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN :** Belum habis lagi. Yang kedua ialah setiap kali pada hari Jumaat setiap minggu kita dipanggil hari Jumaat supaya orang-orang kariah kampung itu boleh berkenal dan ramai yang datang hari Jumaat tak ada apa-apa pun yang itu pun jadi aman ....

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :** Tuan Speaker mohon mencelah.

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN :** Dan nanti dulu saya nak habiskan dulu ini. Dan juga setiap bulan haji setiap tahun lebih daripada 5 juta orang tak ada apa-apa pun

berlaku. Saya alhamdulillah dah 5 kali pergi haji tak ada apa-apa pun berlaku melainkan ada apa-apa provokasi. Kalau dibayangkan masa orang tawaf maka orang saie, masa berkumpul di wuqf dan sebagainya, masa itu bayangkan kalau orang baling dan sebagainya. Maka jadilah jadi provokasi tetapi tidak timbul masalah itu

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR :** Saya ingin mencelah Tuan Timbalan Speaker.

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN :** Ya, sila.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Yang Berhormat Hulu Bernam kalau nak minta mencelah kena bangun dulu ya, minta izin Speaker.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR :** Ya, ya saya minta maaf. Saya minta izin. Saya hendak bertanya kepada Meru apakah perhimpunan di Mekah ada perhimpunan ibadah? Mungkin Y.B. Meru belum tak dapat membezakan perhimpunan ibadah dengan perhimpunan politik, sila.

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN :** Itu yang saya katakan tadi ini yang tak faham ini. Dia dok ingatkan itu sahaja dia mesej, mesej sebab itu kita tengok perkara 10 apa yang disebutkan oleh Timbalan Speaker sendiri ada peruntukan tak ada masalah. Dan saya pernah pergi ke Birmingham, Jakarta, Mesir, Ireland kita nampak polis juga dengan baik tak ada masalah, tak ada masalah orang pergi buat demonstrasi semua. Dan saya pernah tengok dengan mata kepala saya sendiri macam mana orang Yahudi sendiri bila Iraq di *attack* oleh tentera British, dia orang pun buat protes, protes kepada orang-orang British ini supaya jangan *attack* Iraq dan sebagainya. Masalahnya dia kawal dengan baik tapi kalau tak dikawal dengan baik ini yang berlaku. Provokasi dan sebagainya pukullah apa semua itu tak betul, jadi sebab itu kalau siapa yang tak belajar baik pergi ke Mekah tengok 5 juta lebih orang boleh berkumpul. Kemudian tentang wanita, Islam saya nak beritahu kepada orang Islam sendiri dan juga ...

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Yang Berhormat Permatang minta laluan.

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN :** Sila.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Terima kasih, saya seronok dengar Meru hujah ini. Saya nak tanya fasal mesej apa 505 yang betul-betul yang Meru pertahankan tadi itu. Saya faham mengenai haji, sembahyang Jumaat itu perkara baik. Memang dituntut kita berjemaah itu panggilan haji, semua baik, perkara-perkara yang baik. Yang 505 ini apa baiknya saya nak tanya itu sebab yang saya faham Meru, bila dikatakan perhimpunan aman yang diadakan dalam akta kita dia ada peraturan, kena bagi 10 hari lebih awal, tempat berhimpun tempat yang dipersetujui oleh pihak polis supaya senang dikawal dan sebagainya. Tapi itu yang tak dipatuhi dan juga apa yang diperkatakan sewaktu perhimpunan itu bukan perkara-perkara yang menyakitkan hati, perkara-perkara provokasi oleh penceramah-penceramah tapi yang berlaku di 505 ini tidak mengikuti garis panduan akta perhimpunan aman yang dibenarkan oleh pihak

kerajaan. Jadi apa yang Meru nak pertahankan sangat yang 505 itu betulnya. Cuba tolong jelaskan kepada dewan.

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN** : Terima kasih Permatang. Saya nak beritahu bahawa PAS dan pilihan raya bukan pertama kali, dah banyak kali dah PAS kalah, tak ada masalah itu. Tetapi kita tak mahu kita kalah dalam keadaan kita tertipu, itu. Saya sendiri di Meru kita buat 50 laporan polis dakwat kekal dan tidak kekal, ini contoh. Macam mana ada tempat-tempat yang saya tak payah sebutlah di Selangor ini mula-mula dia kalah lepas itu tutup lampu boleh menang pula balik, sekejap ada sekejap tak ada, sekejap kalah sekejap menang. Benda-benda macam ini, sebab itu kita buat petisyen dan kita nak beritahu kita buat petisyen aman dan semua syarat-syarat yang diberitahu memang kita bagi pun, 10 hari sebelum semua tapi tak ada kerjasama itu yang saya nak sampaikan. Kemudian tentang wanita ....

**Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH** : Mohon mencelah, Bangi, Bangi.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Bangi nak minta mencelah.

**Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH** : Terima kasih Speaker, terima kasih Yang Berhormat Meru. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Meru mengenai antara sebab mengapa Black 505 dianjurkan adalah untuk menegur pemerintah yang menggunakan institusi untuk menipu rakyat. Dalam satu hadis Rasulullah SAW pernah lalu di sebuah pasar yang menjual gandum secara pukal lalu Rasulullah SAW menyingsingkan lengannya menyeluk ke dalam gandum itu. Lalu dapati hujung tangannya basah. Diangkatnya Rasulullah SWT. Mana penjual gandum ini, maka berlarilah tukang gandum itu menjual, saya Rasulullah kenapa Rasulullah, Rasulullah mengatakan mengapa kamu menjual gandum ini? Ini satu penipuan, Nabi menyebut (bacaan hadis), sesiapa yang menipu bukan daripada umat aku. Penipuan ini disaksikan oleh ulama sebagai semua aspek penipuan termasuk muamalat, perniagaan, pekerjaan dan juga politik. Sesiapa yang menipu bukan umat aku. Apakah Meru bersetuju bahawa kita bangun, bangkit 505 untuk menegur kerajaan, jangan menipu supaya kita benar-benar menjadi umat Muhammad SAW. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN** : Memang Meru bersetuju sangatlah dengan, dia macam-macam bentuk penipuan dan juga penyelewengan, Insya-Allah. Kemudian saya nak sentuh sikit tentang ....

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Mohon mencelah.

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN** : Oh sila.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Terima kasih Tuan Speaker. Yang Berhormat Meru saya ingin bertanya mohon penjelasan berkenaan dengan dakwat kekal. Ia merupakan mekanisme tambahan yang dulunya dicadangkan oleh pihak pembangkang Kerajaan Persekutuan sendiri dan ianya dilaksanakan. Ianya merupakan satu pilot projek dan kalau pilot projek mungkin ada kelemahan-

kelemahannya. Tetapi apa yang penting yang saya nak bertanya kepada Yang Berhormat Meru saya sebutkan tadi ianya mekanisme tambahan. Mekanisme utama ialah *Mykad* 12 digit *Mykad* kita itu yang dijadikan penentuan sama ada pengundi itu layak mengundi sekali atau pun ada tak bukti yang mengatakan pengundi mengundi lebih dari sekali. Itu saya nak mohon penjelasan daripada Meru yang membuat laporan banyak, laporan polis sehingga 50 laporan polis tetapi adakah laporan polis itu yang menyatakan bahawa ada pengundi yang mengundi lebih daripada sekali, terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN :** Terima kasih, 50 aduan itu dakwat kekal yang kita buat sebenarnya benda ini masih di dalam apa nama penyiasatan dan kita tahu ada lebih 50 aduan yang dibuat dan sebagainya dan saya rasa biar kita tunggu apa nama keputusan bukan itu sahaja banyak lagi yang kita kena bawa daripada JPN dan sebagainya kita bawa kepada Jawatankuasa Peguam dan sebagainya untuk SPR dan sebagai jadi saya rasa kita tunggu. Ok untuk Y.B Ahli Dewan sekalian, Islam sentiasa memberikan tumpuan yang serius tentang hak kaum wanita Islam juga memberi penghormatan yang cukup tinggi kepada golongan wanita sama ada sedar atau pun tidak banyak ayat al-Quran dan peristiwa-peristiwa yang dicatat dalam sejarah Islam yang membuktikan pengiktirafan Islam terhadap golongan wanita sejak dahulu lagi. Di dalam al-Quran terdapat 114 surah, surah yang keempat dikenali dengan surah An-Nisa apa dalam Bahasa Melayu di sebut surah wanita, cari lah Surah Al-Rijal, surah lelaki tak kan jumpa dalam Al-Quran yang mulia ini. Surah ini mengandungi 176 ayat dan ini adalah Surah Madaniah yang terpanjang selepas Surah Al-Baqarah yang mengandungi 286 ayat banyak ayat Al-Quran turun ke alam ini, yang membela kaum wanita antaranya peristiwa di mana datang seorang wanita yang bertemu dengan Rasulullah SWT dan mengadu masalah rumah tangganya tapi Nabi Muhammad tak boleh jawab sebab masa tu tak ada lagi hukum tentang masalah itu dalam keadaan wanita itu menunggu melihat wajah Rasulullah itu tiba-tiba berpeluh Nabi wanita itu bernama Qola binti Taqlaba, dalam keadaan itu tiba-tiba turun ayat Al-Quran terus turun daripada Allah *Subhanallahitaala* yang memberi penjelasan di dalam peristiwa itu dan memberi jawapan dan menyelesaikan masalah yang dikemukakan oleh Qola binti Taqlaba dengan izin, ini lah ayat pertama dalam Surah Mujadillah surah yang ke-58 di mana Allah menyebut (Hadis)-yang bermaksud sesungguhnya Allah telah mendengar perkataan seorang wanita yang memajukan aduan kepada kamu wahai Muhammad mengenai suaminya dan mengadukan hal itu kepada Allah dan Allah mendengar soal jawab kamu berdua sesungguhnya Allah maha mendengar lagi maha melihat. Rasulullah juga pernah bertanya kepada seorang pemuda dan dia bertanya kepada Rasulullah kepada siapakah aku wajib memberi ketaatan kepada ibu atau kepada ayahku, Rasulullah menjawab kepada ibumu. Lalu pemuda bertanya lagi kepada siapa Rasulullah kemudian kepada ibumu, kepada siapa Rasulullah kepada ibumu tiga kali sebut kemudian barulah dijawab kepada ayah. Tuan Speaker dan Ahli Berhormat sekalian, Meru ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada kerajaan negeri Selangor dan Pakatan Rakyat dan sekali lagi telah mencipta sejarah tanah air apabila melantik seorang Speaker dari kalangan wanita dan meletakkan empat daripada sepuluh orang EXCONya terdiri dari kalangan wanita.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI** : Meru saya ingin bertanya apakah ada mana-mana peruntukan dalam Islam memastikan supaya tiga puluh peratus ker, empat puluh peratus ke, enam puluh peratus ke wanita mesti terlibat

**Y.B. TUAN DR. ABD. RANI BIN OSMAN** : Tak ada tapi apa yang diperjuangkan selama ini kononnya wanita sebagai *decision makers* tapi tengok apa nama ini empat daripada sepuluh *more than thirty percent* EXCO daripada wanita tapi yang saya kesian lah di pihak pembangkang pun nampaknya malang sekali apabila Naib Ketua Wanita nya pun tidak diberi peluang bertanding di Kuala Kangsar sehingga terpaksa bertanding atas tiket bebas dan akhirnya dipecat keahliannya lebih malang lagi apabila daripada tiga puluh lima orang Menteri Kabinet yang dilantik sorang pun tidak dilantik di kalangan wanita UMNO tak ada

**TIMBALAN TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat, Hulu Bernam ingin mencelah

**Y.B. TUAN DR. ABD. RANI BIN OSMAN** : Sila,sila

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR** : saya nak menyatakan, tentang Naib Ketua Wanita itu, bukan tidak diberi peluang malah diberi peluang tetapi tidak mahu kerana nak kan tempat yang lebih istimewa di Parlimen jadi kena arif tentang perkara ini. Terima Kasih

**Y.B. TUAN DR. ABD. RANI BIN OSMAN** : Saya dengan *should mention her name* Datuk Kamila bukan orang baru, kami pernah duduk dekat PEMADAM bersama dia memang orang yang berkualiter, siapa yang tak kenal dia di Kuala Kangsar orang kenal. Kami pernah bersama pergi ke Philippines, ke Brunei saya bentangkan kertas kerja PEMADAM selalu *change ideas*, memang bagus Datuk Kamilia ni, tapi saya terkejut saya pun hantar SMS suruh masuk PAS jer la dan tak di bagi langsung ni, kemudian saya nak bagi tahu lagi ni

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR** : Saya nak mencelah lagi bukan tak diberi peluang

**TIMBALAN TUAN SPEAKER** : Y.B Hulu Bernam kalau nak bercakap minta izin Speaker dulu

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR** : Minta izin Speaker, sebab saya baru saya nak mencelah lagi bukan tidak diberi peluang, diberi peluang kami wanita memang memperjuangkan tetapi diberi tempat untuk DUN tidak salah siapa yang diberi peluang tidak salah kita berjuang di dalam ini bukan tempat sama ada parlimen atau DUN tetapi diberi peluang saya ingin maklumkan diberi peluang. Terima kasih Meru.

**Y.B. TUAN DR. ABD. RANI BIN OSMAN** : Sebagai Naib Ketua Wanita, dah lama pula duduk dalam tu, tak kan la apa nama diberi sebagai ADUN sahaja, insya-Allah

**TIMBALAN TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat Meru, Sri Muda pulak, Yang Berhormat Meru Sri Muda ingin bertanya

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI** : Terima kasih, Yang Berhormat Meru, saya agak terkejut sikit la nampaknya keprihatinan yang luar biasa daripada Meru kepada wanita jadi saya mohon penjelasan sebenarnya apa yang berlaku di antara calon bebas Kuala Kangsar itu dengan Meru kita Dewan ni nak tahu luar biasa nampaknya.

**Y.B. TUAN DR. ABD. RANI BIN OSMAN** : Terima kasih Seri Muda tu saya nak bagi tahu saya bersama Datuk Kamilia ni sejak saya jadi Naib Pengurus PEMADAM bersama kita punya EXCO saya nak bagi sikit lagi, jadi lebih malang saya dah bagi tahu tadi sorang pun tak ada daripada 35 orang Menteri Kabinet sorang pun tak ada dari kalangan wanita UMNO ada la tapi diambil daripada Sabah Sarawak pula ini membuktikan UMNO tidak pernah mengiktiraf apalagi menghargai pengorbanan dan perjuangan

**TIMBALAN TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat ini wanita pula ingin mencelah Taman Medan,

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Yang Berhormat Meru adakah Yang Berhormat Meru sedar bahawa pada suatu ketika Menteri Hal Ehwal Wanita adalah seorang lelaki

**Y.B. TUAN DR. ABD. RANI BIN OSMAN** : Ya, ya, ya macam kemudian kita cuba tengok dalam manifesto Pakatan Rakyat dalam PRU ke-13 yang kita bagi tahu kalau kita menang kita ada satu klaus Caruman Wanita Malaysia untuk wanita ni dibentangkan tiga perkara besar untuk kepentingan wanita yang pertama suami wajib mencarum mengikut kadar pendapatan, sepuluh ringgit hingga seratus ringgit sebulan kerana satu tabung caruman untuk isteri kemudian yang kedua wang caruman ini boleh dikeluarkan oleh isteri dalam keadaan tertentu yang cukup syarat seperti penceraian, musibah yang berlaku kemalangan, genap umur 50 tahun, dan yang ketiga Kerajaan akan menyumbang

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK** : Tuan Speaker, Sungai Air Tawar ingin mencelah

**TIMBALAN TUAN SPEAKER** : Sila

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK** : Kepada Adun Meru kenapa baru sekarang diwar-warkan kepimpinan wanita khususnya PAS tapi dulu memang tidak war-warkan aurat tetapi hari ini nampaknya dimulakan adakah muslihat politik di sebalik situ, terima Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN DR. ABD. RANI BIN OSMAN** : Di bawah titah ucapan ini saya nak bagi tahu kita boleh sentuh *anything under the sun, anything under the sun* dengan izin,

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG** : Mohon celah Tuan Speaker

**TIMBALAN TUAN SPEAKER** : Sila

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG** : Mohon celah, Y.B. Meru saya ingin dapat pandangan adakah Y.B. Meru rasa dengan pada ketika dahulu ada Menteri Hal Ehwal Wanita sebagai seorang lelaki memegang jawatan Menteri bagi Kementerian Hal Ehwal Wanita ialah satu kegagalan disebabkan parti yang lantik itu menghina wanita. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. ABD. RANI BIN OSMAN** : Ya itu satu soalan satu jawapan terus sekali

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR** : Timbalan Tuan Speaker saya ingin mencelah, boleh.

**TIMBALAN TUAN SPEAKER** : Saya nak teruskan ucapan, boleh tak beri laluan

**Y.B. TUAN DR. ABD. RANI BIN OSMAN** : Insya-Allah dan banyak kali, kita bagi laluan kepada semua dan ketiga dalam manifesto pakatan rakyat itu, kalau menang tapi kalau kita kalah kita tak buat lah. Kerajaan akan menyumbang 50 ringgit sebulan bagi setiap isteri dan akan diteruskan oleh SOCSO ini akan diuruskan oleh SOCSO, peliknya dalam manifesto Barisan Nasional saya kita ciplak lebih daripada 90 peratus manifesto Pakatan Rakyat sendiri tak dapat satu langsung untuk pelindungan kaum wanita (orak eneng) kata jawanya tak ada, tak ada. Dan yang ketiga belas dalam manifesto ini tidak ada langsung terdapat agenda memberi rasuah pun tak ada juga dalam manifesto mereka, saya nak bagi tahu bahawa tadi semalam dan juga ini hari lah pembangkang sibuk tentang apa nama hutang Talam yang kita sebenarnya ambil balik daripada Talam kita kutip balik RM350 juta kononnya dipertikaikan kenapa tidak mempertikaikan hutang MAS, *Malaysian Airlines System*, oleh Tan Sri Tajuddin Ramli, hutang skandal PKFZ RM12.5 bilion ini bukan dibuat oleh apa nama pemimpin PAS, PKR ataupun DAP tetapi pemimpin dari UMNO dan Barisan Nasional. Hutang Perwaja Steel apa nama itu semua saya tak sebut semualah, tapi yang peliknya hutang mahasiswa ini dikejar, diburu, di saman, hari ini keluar dalam Sinar Harian 400,000 orang mahasiswa-mahasiswa yang berhutang anak-anak kampung yang belajar tapi keluar tak ada peluang pekerjaan diburu, dikejar dan di saman, disenaraihitamkan dan tidak dibenarkan ke luar Negara. Tetapi apa yang berlaku Tan Sri Tajuddin Ramli dan Skandal PKFZ ada lagi ke Sementa, Sementa tak ada dia terlibat ni. Ooh tak dulu Sementa ada kat sini. Yang apa PKFZ terlibat sekali, kemudian dalam Quran Allah berkata (hadis) kalau kamu tak tahu satu perkara tanya kepada orang yang ahlinya kamu sakit gigi tak kan nak jumpa mekanik, kita kena jumpa Doktor Gigi nak jumpa tapi sekarang kita tengok laporan Ketua Audit Negara Tan Sri Ambrin Buang dia bukan Ahli PAS, PKR, DAP bukan tetapi dia mengeluarkan satu laporan kepada Audit Negara bagi tahu bahawa Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar pembelian alatan yang jauh lebih tinggi mahal harga tertinggi di pasaran ini dibuat oleh kepimpinan Barisan Nasional bertahun-tahun dan pencetak yang biasanya harga pasaran RM3,482 dibeli

dengan harga RM11,845 maknanya lebih 246 peratus lebih mahal daripada harga asal, saya nak sentuh sikit sahaja LCD TV dan DVD Player asalnya pasaran harga RM2,182 dia beli dengan harga RM16,100 naik sampai 638 peratus lebih mahal, Marine.....di pasaran harga RM1,940 dia beli dengan RM56350 maknanya 2,840 peratus lebih mahal, ha ini cuba jawab ini,

**TIMBALAN TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat Meru, Permatang nak mencelah

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Minta penjelasan Meru bagi fakta tadi saya terkejut juga tapi cuma saya nak tanya pada Meru fakta tu yang beli orang UMNO ke kakitangan Awam. Ini nak kena jelas lah sebab kadang-kadang yang beli barang itu ialah kakitangan Awam boleh jadi parti mana pun atau tak ada parti jadi kena jelaslah, Jabatan mana dan siapa yang beli ni bukan nak tuduh pada Kerajaan BN tak adil lah, tak boleh la macam tu Meru saya minta penjelasan kalau betul buktikan dan boleh bawa

**Y.B. TUAN DR. ABD. RANI BIN OSMAN** : Itu semua jelas lah, ini bukan medan untuk saya, cuba saya bagi tahu apa yang Audit Negara bagi tahu dan Ketua Audit bagi tahu dalam sepenggal kita memerintah, mengatakan Pakatan Rakyat memerintah satu pengurusan yang cukup baik jauh lebih baik sejak merdeka lagi, negeri Selangor ini di bawah

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Yang Berhormat buat tuduhan bukan penjelasan, itu tak adil tu

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Yang Berhormat Permatang nak berucap minta izin Speaker ya

**Y.B. TUAN DR. ABD. RANI BIN OSMAN** : Ini bukan tempat untuk memberi

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG** : Mohon mencelah

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Saya bantah kalau Meru buat kenyataan tapi tak dapat pertahankan fakta tu

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Kalau Permatang nak sentuh lebih lanjut dalam ucapan nanti boleh sentuh lebih lanjut

**Y.B. TUAN DR. ABD. RANI BIN OSMAN** : Ha ni dengar ni, projek SATIM Sapu Tanah Satu Malaysia 2000 hingga 2008, 24 keping tanah disapu bersih oleh Barisan Nasional, UMNO dapat 15 keping, MCA dapat 5 keping, MIC dapat 3 keping, Gerakan dapat 1 keping bagaimana mereka boleh mendapat tanah tersebut dengan harga premium sekati minimum dengan harga seringgit sahaja sekaki persegi kemudian UMNO membisu atas isu kondominium yang dibina di atas tanah milik UMNO di Kelana Jaya

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Meru, Permatang minta mencelah

**Y.B. TUAN ABDUL RANI BIN OSMAN** : Nanti dulu. Saya nak bagi tahu, tadi dia nak, dia nak *figure*. Jadi saya bagi lah ni. Tunggu, tunggu, saya tak bagi laluan. Tunggu dulu.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Bagi laluan janji.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Meru tak bagi laluan ya Permatang.

**Y.B. TUAN ABD RANI BIN OSMAN** : Kita bagi laluan, bagi. Tanah seluas 87ribu kaki persegi di Kelana Jaya, dibeli oleh UMNO Subang dengan harga seringgit sekaki persegi. Kondominium Suria Damansara, lepas ni nak pergi tengok jom, pergilah, jom. Pergi tengoklah. Suria Damansara. Bila kita sebut, saya ingat lagi sidang DUN inilah orang BN dah bagi tahu kononnya mereka nak bina dewan serba guna, untuk apa lagi, Tadika. Tadika, saya ingat lagi, tunjukkan bagi tahu, tadika. Tapi bila kita pergi dan tengok di Kelana Jaya ini, Kondominium Suria Damansara ini, 200 unit kediaman. 400 lebih ribu unit, satu unit. RM400 ribu maknanya kos saja dah berapa juta. Tapi masa ketika itu, bila dihubungi Ketua Penerangan UMNO pada ketika itu, orak eneng pulak, tak datang pula ini hari ya. Dibagi tahu Y.B. Shukor, dia kata dia tak tahu, serahkan kepada Y.B. Dato Mohd Bushro yang juga tidak dapat memberi jawapan. Suruh pula bagi kepada Dato' Seri Noh Omar, *refuse to comment. Refuse to comment* ketika itu tuan-tuan. Saya nak bagi tahu, semuanya tutup mulut. Semuanya tutup mulut. Tapi kita kena ingat Al-Quran kata esok kita mati, Allah sebut '(ayat-ayat al-Quran)...maksudnya..*Hari akhirat esok Allah kata Aku akan tutup mulut kamu semua. Dan yang bercakap adalah tangan-tangan kamu. Yang akan bercakap ialah, yang akan menjadi saksi ialah kaki-kaki kamu.* Dalam Quran tuan-tuan, saya nak bagi tahu, sayidina Lokman, bagi tahu pada anaknya...(ayat-ayat al-Quran)... *wahai anakku, sesungguhnya ketahuilah kamu, jika ada perbuatan seberat biji sawi sekalipun dan berada dalam batu yang besar ataupun di persada langit atau di bumi yang luas, nescaya diketahui oleh Allah dan pastinya akan diberi balasan setimpal oleh Allah.* Sesungguhnya Allah itu maha adil dan maha halus perhitungan-Nya tuan-tuan. Pembaziran, sebut tentang pembaziran, pembaziran tentang PKNS dan sebagainya. Tahu atau pun tidak, tahu pun buat-buat tak tahu kot, RapidKL rugi RM290 juta. Ini laporan daripada Ketua Audit Negara. IWK (Indah Water Konsortium) rugi RM888 juta, PNSB tanggung lawatan Dato' Seri Khir Toyo bersama isteri dan, pakai duit rakyat ni. Daripada 23.12.2007 hingga 1.1.2008, yang didedahkan oleh SELCAT kosnya RM646,841.00. Ha, Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Ya ya..

**Y.B. TUAN ABDUL RANI BIN OSMAN** : Bukan sikit ho.. kemudian, 17 Disember 2004 sehingga 24 Disember 2004, kosnya melibatkan RM900,812. Pergi melawat Morocco, Disneyland, Paris dan Dubai. Sebab itu dulu dia duduk sana, sekarang rakyat sendiri tolak dia tuan-tuan. Jadi saya tidak, saya bagi peluang pada yang lain insya-Allah, Meru nak bagi tahu, mengambil kesempatan di dewan ini, yang mulia ini,

mengenai jadual pengutipan sampah di Zon Meru ya. Yang tidak dipatuhi sepenuhnya dan berubah-ubah mengikut keselesaan kontraktor yang dilantik. Sepatutnya pihak MPK sudah lama wujudkan pasukan pemantau yang berkesan, yang memantau kerja-kerja pembuangan sampah. Bukan setakat menunggu aduan daripada orang kampung apabila ada longgokan sampah yang tidak dikutip hingga lebih 5 hari, barulah hendak bertindak. Meru juga mendapat maklumat ada juga kontraktor-kontraktor yang mendapat surat amaran lebih dari 6 kali pun, masih dibayar dan disambung kontrak mereka. Kalau di PBT lain, tak tahu lah, Meru difahamkan nama pemilik dan nama syarikat kontraktor berkenaan telah lama disenaraihitamkan dan ditamatkan kontraknya. Ada juga kontraktor-kontraktor yang dilantik tidak melaksanakan kerja mengikut syarat-syarat kerja yang ditenderkan. Antaranya tidak diberisihkan sampah yang bertaburan di tempat sampah yang dikutip. Jentera pemampat sampah pula melakukan pemampatan sampah di kawasan perumahan yang meninggalkan air yang cukup busuk. Begitu juga hampir keseluruhan, kontraktor-kontraktor yang diberi tender untuk menjaga kebersihan taman tidak membersihkan longkang-longkang di taman yang menyebabkan longkang-longkang menjadi sebu, air tidak mengalir

**Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH :** Mohon mencelah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Bangi minta mencelah.

**Y.B. TUAN ABDUL RANI BIN OSMAN :** Sila-sila.

**Y.B TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH :** Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih Y.B. Meru. Nampaknya Meru bercakap pasal keperluan pembersihan awam yang mungkin secara spesifik disebut di Meru tapi mungkin rakan-rakan Y.B. yang lain, mungkin membawa tajuk yang sama di PBT-PBT yang lain. Saya ingin menyebut Rasulullah SAW pernah menyebut ...(ayat-ayat al-Quran)..maksudnya jika sesuatu perkara itu diberikan kepada orang yang tidak layak, maka tunggulah bencana dan mala petaka. Apakah Meru mahu mencadangkan kepada EXCO berkenaan supaya ada beberapa Yang Dipertua atau Datuk Bandar mahu dirombak atau ditukarkan. Terima kasih.

**Y.B. TUAN ABD RANI BIN OSMAN :** Terima kasih Bangi. Kita akan sampai ke situ, insya-Allah. Tuan Timbalan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, ada juga bangunan-bangunan baru dinaikkan di Meru tanpa KM. Ataupun kebenaran merancang. Meru difahamkan sebenarnya dulu kita dengar, dengar, apa nama, ada kebenaran merancang sementara yang sebenar tidak wujud. Namun apabila aktiviti tersebut dilaporkan kepada MPK oleh Ahli Majlis dan Ketua kampung, dengan harapan ia dibendung di peringkat awal, tiada apa-apa tindakan diambil sehingga tersergam bangunan atau kilang tanpa lesen yang menimbulkan pelbagai masalah pada masyarakat setempat. Yang lebih menyedihkan apabila pimpinan tertinggi dan Pengarah-pengarah Jabatan di PBT-PBT gagal turun gagal bersama Ahli Majlis atau Wakil Rakyat untuk melihat sendiri permasalahan di peringkat .....(dengan izin)

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Tuan Speaker, boleh mencelah.

**Y.B. TUAN ABD RANI BIN OSMAN** : Saya cukup setujulah

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Y.B. Permatang, minta mencelah.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Terima kasih Meru, bagi juga akhirnya. Saya Y.B. tadi sebut mengenai kawasan Meru. Saya pun ada juga terbaca, saya sentuh pasal Meru, minta komen juga. Sebab saya ada baca di surat khabar banyak laporan saya dengar, Meru juga banyak dibanjiri dengan pusat-pusat maksiat. Ada juga di kilang-kilang dijadikan tempat maksiat dan sebagainya. Jadi saya ingat Meru patut bagi teguran juga kepada EXCO PBT ni, macam mana nak atasi masalah tu. Ok terima kasih.

**Y.B. TUAN ABD RANI BIN OSMAN** : Itu juga yang disebut oleh...., saya setuju. Di Meru pun berlaku perkara-perkara begini. Saya akan sampai, insya-Allah. Sebagai orang Islam kita bukan saja bertanggungjawab kepada masyarakat, tetapi amanah yang diberi itu akan dijawab depan Allah SWT. Jawatan dan elaun yang kita terima hakikatnya semuanya adalah sebahagian dari nikmat-nikmat Allah yang diberikan kepada kita dan pastinya akan dipersoalkan di akhirat nanti. Sebab itu nabi bagi tahu kepada kita, nabi Muhammad SAW bagi tahu kepada kita, dengan izin, *one thousand and four hundred years ago, ...(ayat-ayat hadis).. tidak sempurna keimanan seseorang hamba Allah itu, yang sengaja tidak menjalankan amanah yang diberikan kepadanya*. Meru juga ingin menyentuh tentang pendatang asing yang bermiaga secara terang-terangan di Jalan Teratai di Meru. Mereka adalah sebahagian lebih daripada 6,000 pekerja kilang yang menguasai sepenuhnya perniagaan sayuran dan makanan yang tersebut. Saya tak tahu kalau mereka sudah diberi *Mykad* dan menjadi rakyat Malaysia ke kan walau baru sampai 2 bulan di Malaysia. Sedangkan puluhan ribu lagi yang sudah tinggal lebih 50 tahun, masih dinafikan hak kewargaan mereka. Di manakah lenyapnya kuasa yang ada pada pihak MPK, Imigresen dan pihak polis untuk menangani masalah-masalah yang berpanjangan ini tanpa apa-apa tindakan yang benar-benar berkesan dan dapat dilihat dan dirasai oleh rakyat. Operasi-operasi dijalankan namun ia di mata rakyat hanyalah, namanya operasi. Buatlah seminggu sekalipun, tiap-tiap hari ke, tetapi warga-warga asing dari Bangladesh, Myanmar dan Kemboja ini masih bermaharajalela dan menjaja di Jalan Teratai dan menambahkan lagi membina gerai-gerai mereka tanpa rasa takut sedikit pun kepada Pihak Berkuasa. Meru yakin sekiranya operasi bersepadu dan tegas dan dijalankan memakan masa yang begitu lama berlarutan di Jalan Teratai ini, insya-Allah dapat diselesaikan dengan baik dan insya-Allah dapat mengembalikan keyakinan rakyat kepada

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Y.B. Meru, Y.B. Hulu Bernam minta mencelah.

**Y.B. TUAN ABD RANI BIN OSMAN** : Sila-sila.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR** : Saya ingat, ada kerajaan negeri Selangor, kerajaan Pakatan Rakyat perlu mengambil kira atas isu yang dibangkitkan oleh Meru ini mengenai pendatang asing, maka wujudkan satu undang-undang, mengurangkan

pendatang asing bekerja di kilang-kilang di negeri Selangor ini. Maka sudah tentu masalah ini dapat disempurnakan, diselesaikan. Jangan kita bercakap tetapi kita menerima, membiarkan, keadaan ini berlangsung. Terima kasih.

**Y.B. TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Y.B. Hulu Bernam, tapi isu Imigresen ni di bawah kerajaan pusat ya, bidang kuasa dia.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR** : Terima kasih, Timbalan Speaker, saya ingin mencelah. Maksud saya kilang-kilang di Selangor ini, kita tentukan. Hak kita, hak kerajaan Selangor, tentukan jangan ambil pekerja asing. Ambillah orang dalam Selangor sendiri, ramai menganggur. Itu maksud.

**Y.B. TUAN ABDUL RANI BIN OSMAN** : Itu tak boleh, itu sebenarnya kerajaan pusat. Tak boleh, itu, macam kitalah. Kita pergi ke Johor ke, pergi apa ke, tengah-tengah jalan pergi ke R&R, nak apa bu. Nak minum apa pak, yang tanya tu pula, itu tak boleh. Itu memang kuasa, itu yang kita nak ambil balik Putrajaya tu.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR** : Tuan Speaker, saya ingin bercakap lagi, mungkin

**Y.B. TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Y.B. Hulu Bernam, kalau nak berucap kena, nak mencelah dengan izin Y.B. dulu.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR** : Boleh saya mencelah, boleh. Maksud saya, kita kerajaan Selangor sendiri membuat keputusan. Itu maksud saya, jangan kita menyalahkan federal dan sebagainya. Itu mereka akan bawak tetapi kalau di sini tidak mohon, mana boleh datang. Jadi kitalah yang menentukan. Terima kasih.

**Y.B. TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Y.B. Hulu Bernam, kena rujuk jadual ke 9 Perlembagaan Malaysia, Perlembagaan Persekutuan, antara senarai kuasa kerajaan negeri dengan senarai kuasa kerajaan pusat. Jadi apa yang disentuh tadi ialah tertakluk di bawah senarai kerajaan persekutuan. Jadi kalau cakap di sini pun, kerajaan negeri tidak dapat berbuat apa tentang perkara tersebut.

**Y.B. TUAN ABDUL RANI BIN OSMAN** : Terima kasih Timbalan Speaker, saya pun nak jawab itu tadi. Baik, sebagai penutuplah. (ketawa).. saya tak sempat cakap terima kasih kepada Ketua Pembangkang, dia pun dah keluar dan juga Permatang apa yang ditimbulkan tentang apa nama mesin apa nama kuda dan sebagai. Ini pun saya tengok ramai orang-orang Melayu yang terlibat tapi kerjasama ni, saya minta sangatlah mesti ada operasi bersepadu dengan TNB nya, dengan polisnya, dengan Imigresennya, ini, JAIS apa semua. Kalau tidak, kita akan masuk, dia duk ketawa kita balik apa semua. Jadi sebagai apa nama

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR** : Timbalan Speaker, boleh saya mencelah lagi.

**Y.B. TUAN ABD RANI BIN OSMAN** : Nak tutup dah ni.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR** : Nak tutup, lepas tutup.

**Y.B. TUAN ABD RANI BIN OSMAN** : Sila, sila. Lepas tutup tak ada bersidang lagi.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR** : Tak ada lagi, Cuma bila sebut hal kuda, hal pusat hiburan, kita melihat masa zaman Barisan Nasional di Selangor lebih kurang dalam 500. Tetapi semenjak Pakatan Rakyat hampir 5000 pusat-pusat hiburan ini diwujudkan. Bukan itu sahaja, kilang arak yang kononnya dalam manifesto ingin dihapuskan, ditutup malah makin lebar. Sila jawab. Terima kasih.

**Y.B. TUAN ABD RANI BIN OSMAN** : Saya setuju. Makna saya setuju supaya apa-apa tindakan kita nak buat, *drastic action* ni, masa nilah. Satu atau dua tahun ni. Jangan tunggu-tunggu dekat nak pilihan raya, jadi kacau. Jadi masa nilah, sebab rakyat nak tengok. *Changes. We should walk our talk.* Ini yang, dengan izin. Ini yang tengok. Jadi apa nama, saya rasa setakat itulah apa yang saya sampaikan insya-Allah, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Timbalan Speaker yang telah memberi peluang kepada Meru. Dan apa nama, dengan ini saya menyokonglah apa nama tentang usul insya-Allah. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Y.B.-Y.B. sekalian, sebelum saya izinkan Y.B.-Y.B. turut serta dalam perbahasan, saya nak ingatkan memandangkan kita nak bagi peluang kepada semua, kalau boleh Y.B.-Y.B. untuk turut serta dalam perbahasan, kita selepas ini hadkan perbahasan kepada 15minit untuk setiap Y.B. yang turut serta. Saya mempersilakan Y.B. Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Terima kasih saya ucapan kepada Tuan Timbalan Speaker kerana memberi peluang kepada Taman Medan untuk mengambil bahagian dalam menjunjung kasih atas titah ucapan DYMM Sultan Selangor semasa pembukaan Mesyuarat Persidangan Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor ke 13 tahun 2013. Tuan Timbalan Speaker, Taman Medan ingin melahirkan rasa syukur ke-hadrat Ilahi kerana kerajaan Pakatan Rakyat dipilih semula oleh pengundi-pengundi di negeri Selangor. Namun peluang dan amanah ini sangat berat untuk dipikul kerana sudah tentu rakyat akan menunggu dan melihat apakah prestasi kerajaan Pakatan Rakyat kali ini akan bertambah baik ataupun status quo (dengan izin). Ucapan tahniah juga dirakamkan kerana, kepada kerajaan negeri Selangor kerana berjaya mengekalkan kemenangan walaupun setiap hari sebelum pilihan raya yang ke 13, media arus perdana sentiasa memaparkan berita-berita negatif, dan yang buruk-buruk berkaitan dengan usaha kerajaan negeri Selangor. Tetapi alhamdulillah kita telah melihat sokongan rakyat terhadap kerajaan pakatan Rakyat di negeri Selangor bertambah padu kerana kita telah berjaya menambah bilangan kerusi daripada 36 dalam pilihan raya umum ke 12 kepada 44 kerusi dalam pilihan raya umum ke 13.

Saya juga ingin mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat Subang Jaya kerana telah dilantik sebagai Speaker Dewan Negeri Selangor dan sekali lagi, negeri Selangor telah mencatat sejarah. Kalau penggal lepas kita telah

menampilkkan 40 % bilangan EXCO daripada kaum wanita. Pertama juga dalam sejarah kini kita melihat seorang Speaker Dewan daripada kaum wanita. Sesungguhnya kerajaan negeri Selangor telah membuktikan ataupun mengiktiraf peranan wanita dalam sama-sama membuat keputusan dan juga menentukan hala tuju negeri Selangor ini. Representasi wanita yang paling besar juga terdapat di negeri Selangor. Taman Medan ingin dewan ini merakamkan penghargaan kepada Ahli Yang Berhormat daripada Hulu Bernam, Kuala Kubu Baharu, Rawang, Teratai, Seri Serdang, Subang Jaya, saya sendiri dari Taman Medan, Damansara Utama, Bukit Lanjan, Kota Damansara, daripada pembangkang, Batu Tiga, Sementa, Selat Kelang dan juga Sungai Pelek. Kami kini membentuk 25% daripada Ahli-ahli Dewan di dalam, Ahli-ahli Dewan Negeri yang mewakili suara wanita di negeri Selangor.

Wanita Keadilan dan juga Pakatan Rakyat, konsisten memperjuangkan 30% suara wanita dalam peringkat membuat keputusan. Sebentar tadi kita mendengar, ya, daripada Kota Anggerik bertanya, adakah ayat Quran mengatakan perlu ada 30% dan berapa peratus perwakilan wanita. Tidak ada, sudah tentu tidak ada. Tetapi, kajian telah menunjukkan bahawa perlu *critical mass*, dengan izin sebanyak 30% untuk mendapat perhatian dan juga suara mereka didengar. Oleh itu, 30%..

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI :** Mencelah..

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Yang Berhormat Taman Medan, Kota Anggerik nak mencelah.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Silakan.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI :** Adakah Taman Medan setuju seandainya kelayakan wanita itu sampai 8%, maka kita bagi 8% kepada wanita. Kita beri pada kelayakannya.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Tidak ada halangan. Sebab, wanita yang kita ada pada hari ini di dalam dewan ini adalah wanita yang berkelayakan. Jadi kita tidak berkompromi dari segi kelayakan. Apa yang kita mahu, lebih ramai wanita yang berkelayakan diberikan peluang dan juga kedudukan untuk berada bersama-sama kaum lelaki dalam membuat keputusan.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI :** Mencelah. Speaker, apakah Taman Medan setuju bahawa bilangan wanita yang berkelayakan dalam UMNO kian menurun. Yang cerdik semua dah ikut Pakatan Rakyat.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Sudah terang lagi bersuluh, jadi saya tak perlu huraiakan lagi. Memang begitu jelas. Saya teruskan Tuan Timbalan Speaker. Selepas 2008, perwakilan wanita hanya sekitar 14.3% dan tidak mustahil, dalam pilihan raya yang akan datang, representasi wanita di negeri Selangor akan mencecah 35 hingga 40%. Jadi, jangan khuatir Kota Anggerik. Kita akan mara ke depan. Kami melihat kerusi-kerusi ini harus terus kekal untuk wanita di masa akan

datang dan kami berharap, ya, Kuala Besut juga mengekalkan calon wanita. Dan cabaran besar bagi Ahli-ahli Yang Berhormat wanita adalah memastikan suara wanita akan kedengaran kerana diskriminasi terhadap wanita masih wujud walaupun ia sudah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, Perkara 8(2) sejak 2001. Memetik kata-kata Clinton, mantan Setiausaha Negara Amerika Syarikat, *Human's Rights, Women's Rights and Women's Rights are Human Rights*, dengan izin.

Tuan Timbalan Speaker, Taman Medan ingin dewan yang mulia ini juga merakamkan satu kes diskriminasi terhadap wanita yang dilakukan oleh sebuah agensi kerajaan. Kes tersebut adalah Puan Norfadilah Ahmad Saikin. Contoh jelas menunjukkan masih wujud diskriminasi. Antara Februari dan Mac 2008, Puan Norfadilah telah memohon kepada Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Langat bagi jawatan guru sandaran tidak terlatih. Beliau telah ditawarkan jawatan ini berasaskan bulan ke bulan bermula pertengahan Januari 2009. Beliau kemudian diminta melapur diri untuk bertugas tetapi tawaran itu ditarik balik apabila beliau memaklumkan kepada Pegawai Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Langat, yang dirinya hamil. Ini, kalau seorang wanita tidak boleh mengelaknya kerana memang sudah dijadikan tuhan seorang wanita itu perlu hamil melahirkan anak tetapi apa yang berlaku, Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Langat telah menarik balik tawaran tersebut kerana sebab Norfadilah hamil. Setelah bergelut di dalam mahkamah selama 3 tahun, akhirnya keputusan mahkamah selama 3 tahun. Akhirnya keputusan mahkamah tinggi kekal bahawa wanita hamil tidak patut didiskriminasikan dalam mencari kerja berikutan keputusan kerajaan menarik balik rayuan ni. Jadi, mahkamah sudah putuskan, mahkamah tinggi sudah putuskan bahawa Puan Norfadilah patut, ya, diberikan peluang bekerja tersebut tapi Pejabat Pendidikan masih merayu untuk membatalkan keputusan tersebut. Jadi, kes ini dengan jelas menunjukkan bahawa masih berlaku diskriminasi. Oleh itu, saya, Taman Medan melihat wanita yang berada di kedudukan membuat keputusan dan juga dasar perlu mempertahankan hak golongan yang terpinggir ini. Tuan Timbalan Speaker, dengan itu Taman Medan mencadangkan beberapa penambahbaikan bagi pelan tindakan agenda memperdayakan wanita. Memberdaya ya, bukan perdaya, memberdaya.

Jadi, cadangan-cadangan yang Taman Medan ingin kemukakan adalah seperti berikut. Yang pertama, Caruman Wanita Selangor. Kalau sebentar tadi Yang Berhormat Meru menyatakan betapa bagusnya Caruman Wanita Malaysia, di peringkat seluruh Malaysia ataupun di peringkat Nasional, saya ingin, ya, mencadangkan supaya caruman tersebut dibawa dalam versi negeri Selangor sebagai Caruman Wanita Selangor. Kerana apa, kerana pengalaman wanita yang selama ini kurang dipedulikan dan tidak dihiraukan. Suara mereka tidak didengari jadi kita perlu, ya, mengiktiraf sumbangan mereka membangunkan keluarga dan insan itu sendiri, sebagai satu tugas yang berat dan besar sumbangannya kepada pembangunan negara dengan Selangor menjadi negeri yang pertama memberi pengiktirafan tersebut melalui Caruman Wanita Selangor. Jadi saya mohon, pihak kerajaan negeri Y.A.B. Menteri Besar, Dato' Menteri Besar, melihat perkara ini dengan serius kerana saya melihat agenda pemberdayaan wanita boleh, ya, ataupun mampu melaksanakannya kerana ini satu perkembangan yang baik kerana kebaikan ataupun sumbangannya diberikan terus kepada wanita tanpa melalui saluran-saluran lain, contohnya, program-program yang diadakan oleh kerajaan negeri seperti

Mimbar, Tunas dan juga Sikembar. Walaupun wanita, golongan wanita mendapat manfaat tetapi ia tidak pergi terus kepada wanita. Yang keduanya, saya cadangkan Selangor *Daycare Centre* ataupun penjagaan harian bagi wanita-wanita berkerjaya dan dimulakan di Pihak-pihak Berkuasa Tempatan, seperti mana ada beberapa PBT yang sudah wujud pusat-pusat penjagaan anak-anak ini. Sekiranya negeri Selangor ingin meningkatkan *efficiency*, dengan izin, guna tenaga bagi warga negeri Selangor, sudah tentu kita perlu melihat lebih ramai wanita bekerja. Namun, kita tidak boleh berkompromi dari segi penjagaan anak-anak yang ditinggalkan apabila wanita bekerja. Dengan itu, saya melihat kepentingan yang amat tinggi untuk mewujudkan Selangor *Daycare Centre* ini, sebagai sistem sokongan bagi menggalakkan wanita, apa tu, menghantar anak mereka ke tempat-tempat jagaan yang lebih berkualiti dan juga terjamin penjagaannya.

Yang seterusnya, yang ketiga ya, cadangan saya bagi penambahbaikan bagi memberdayakan wanita adalah memberi ruang ataupun meneliti berapakah bilangan ibu-ibu tunggal yang masih tidak memiliki tempat tinggal yang pada ketika ini hanya menyewa tempat untuk tinggal bersama-sama dengan anak-anak mereka. Kerana ini antara keluhan dan juga rintihan golongan ibu-ibu tunggal yang ditinggalkan terpaksa, ya, menanggung risau dan bimbang ketika mana mereka dihalau keluar daripada rumah yang mereka duduki.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat Taman Medan, sekadar nak ingatkan, masa ada sehingga jam 1.00 tengah hari untuk ucapan Yang Berhormat.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Saya sambung lepas..

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Itu dah lebih sikit daripada 15 minit.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Bagi peluanglah wanita pertama bercakap. (Ahli-ahli Dewan ketawa)

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Tak boleh, nanti susah saya nak jawab dengan lelaki pula nanti.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** 4 lelaki dah bercakap, dua (2) jam seorang, walau bagaimanapun,

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Minta laluan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** saya meneruskan..

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Minta laluan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** ada beberapa..

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Taman Templer minta laluan Yang Berhormat. Lelaki.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Saya tak akan bagi laluan sekiranya Tuan Timbalan Speaker tidak memberi saya masa tambahan. (Ahli-ahli Dewan ketawa)

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Setakat ini, tidak ada masa tambahan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Ada?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Tak ada.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Tak ada? Jadi saya akan teruskan. Taman Medan suka juga mencadangkan beberapa penambahbaikan bagi program-program Merakyatkan Ekonomi Selangor. Saya..Duli Yang Maha Mulia Sultan telah menyebut secara spesifik betapa baiknya Program MES ini telah memberi banyak manfaat kepada rakyat negeri Selangor. Namun, tidaklah satu perkara yang keterlaluan kalau dicadangkan beberapa penambahbaikan. Yang pertama, mengatasi kemiskinan bandar. Melalui simpanan rizab kerajaan negeri Selangor yang mencecah 2.5 bilion, tapi pada pagi ini kita dapat tahu jumlahnya sudah mencecah 2.8 bilion, Taman Medan mencadangkan sebuah program baru untuk mengekang kemiskinan bandar diperkenalkan. Cadangan tersebut adalah penyediaan makanan asasi kepada mereka yang mempunyai pendapatan isi rumah di bawah paras gaji minimum. Makanan asasi ini adalah terdiri daripada beras, gula dan minyak masak. Penyediaan makanan asasi secara bulanan ini bukan sahaja dapat membantu mengurangkan perbelanjaan dapur, ia akan juga memberi lebihan pendapatan, *disposable income*, bagi keluarga yang kurang mampu. Kalau sebelum ini, mekanisme pelaksanaan tersebut boleh diperincikan dan Taman Medan secara sukarela menawarkan diri untuk membantu kerajaan negeri memikirkan bagaimana program seumpama ini dapat dilaksanakan. Penambahbaikan yang kedua, adalah berkaitan program hadiah masuk universiti. Saya mendengar semalam, Dengkil ada membangkitkan tentang hadiah masuk universiti ini adalah terhad kepada golongan tertentu. Taman Medan ingin mencadangkan supaya program ini tidak dihadkan kepada pemohon yang ibu bapanya mempunyai gaji RM3000 dan ke bawah sahaja, tetapi, diberikan kepada semua pelajar yang berjaya masuk ke IPT kerana saya melihat contoh, ya, saya lihat negeri Selangor mampu melaksanakan kerana contoh kerajaan negeri Terengganu yang telah juga melaksanakan program yang serupa, ya, lebih awal melalui Yayasan Terengganu, mereka memberi hadiah tunai kepada semua anak-anak yang lahir di Terengganu tanpa mengira pendapatan ibu bapa pelajar.

Untuk pengetahuan Ahli Dewan juga, hadiah ke universiti yang diberikan ini, bukan sahaja diberi kepada mereka yang dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah Sarjana Muda dan Diploma, bahkan meliputi peringkat Masters dan PhD, dengan izin. Saya fikir perkara ini perlu mendapat pertimbangan kerajaan negeri kerana *reserve* pun dah bertambah maka sama-sama kita mengagihkan dan berkongsi bersama rakyat

jelata. Cadangan penambahbaikan MES yang ketiga adalah biasiswa penuh pelajar cemerlang. Di bawah MES, Taman Medan juga ingin mencadangkan program anak-anak Selangor yang cemerlang di peringkat SPM, STPM, ditanggung biasiswa penuh oleh kerajaan negeri untuk melanjutkan pelajaran di dalam dan di luar negeri.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat Taman Medan, masa sudah menunjukkan jam 1.00 tengah hari. Jadi minta, kalau boleh ayat terakhir.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Ada banyak lagi ni. Tak mengapa. Taman Medan tidak akan kecewa kerana mengikut peraturan Taman Medan akan mencadangkan beberapa perkara dalam perbahasan yang lain dan sebelum itu, suka dinyatakan di sini, tentang kelancaran pejabat-pejabat pusat khidmat di bawah Ahli-ahli Dewan negeri. Kemudahan yang diberi kepada pusat-pusat khidmat Ahli-ahli Yang Berhormat bukan sahaja perlu dipertingkatkan kerana ini penggal kedua, maka perkhidmatan yang lebih baik perlu diberikan. Namun perkhidmatan yang baik ini tidak dapat diberikan kalau sekiranya peruntukan bagi menjalankan ataupun membuka pusat khidmat ini dihalang ataupun mempunyai sekatan dari segi keadaan kewangan yang begitu terhad. Oleh itu, Taman Medan mencadangkan supaya kerajaan negeri Selangor mempertimbangkan pertambahan bilangan kakitangan bagi pusat khidmat daripada dua (2) kepada empat (4). Satu adalah..

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ok, Yang Berhormat Taman Medan, dah..

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Sikit lagi..satu adalah pegawai khas..

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ayat terakhir ya Taman Medan. Dah lebih dah ni.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Satu minit sahaja. Dan kedua adalah Pegawai Penyelidik bagi membantu Ahli-ahli Yang Berhormat untuk meneliti dasar-dasar yang boleh dilahirkan ataupun dikemukakan bagi memperbaiki pentadbiran dan juga *good governance*, dengan izin, bagi negeri, kerajaan negeri Selangor. Akhir kata, keputusan Pilihan raya Umum menunjukkan kepercayaan rakyat kepada Pakatan Rakyat, oleh itu, Pakatan Rakyat perlu berikan yang terbaik dan kerajaan negeri menyokongnya dengan memberi ruang pertambahan peruntukan bagi diagihkan kepada rakyat negeri Selangor. Dengan itu, Tuan Timbalan Speaker, Taman Medan mohon mencadangkan, sekian terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam 1.00 tengah hari. Dengan itu, saya menangguhkan dewan sehingga jam 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

( Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari )

**(Dewan disambung semula)**

**(Tuan Timbalan Speaker mempengerusikan mesyuarat)**

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Dewan disambung semula. Yang Berhormat Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Salam sejahtera dan salam ubah diucapkan kepada semua Ahli Yang Berhormat. Terima kasih kepada Tuan Timbalan Speaker kerana memberi peluang kepada Kampung Tunku untuk turut bersama menyokong usul menjunjung kasih titah ucapan Tuanku Sultan Selangor pada Jumaat yang lalu. Kampung Tunku mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada semua Ahli Yang Berhormat kerana juga menang dalam pilihan raya umum yang lalu. Kampung Tunku juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada rakyat Selangor kerana memberi kepercayaan yang menggunung tinggi kepada Pakatan Rakyat. Sememangnya kejayaan ini tidak akan berlaku tanpa usaha gigih dan mantap daripada barisan pentadbiran untuk tempoh lima tahun yang lalu. Ini juga tidak akan kesampaian tanpa sumbangan profesional barisan penjawat awam. Kalau pada masa dahulu mereka dihina, dipandang rendah malahan cadangan mereka tidak dipandang langsung. Pada zaman Pakatan Rakyat semua ini telah diperbetulkan dan mereka telah menunjukkan profesionalisme mereka yang begitu tinggi. Tahniah diucapkan kepada barisan penjawat awam di negeri Selangor.

Tuan Timbalan Speaker, satu-satunya cara untuk membala budi baik daripada pengundi adalah dengan memberi perkhidmatan yang lebih bagus dan bekerja lebih keras dalam tempoh 5 tahun yang akan datang. Kalau pada masa dahulu rakyat dapat memaafkan kesilapan kita kerana kita masih baru maka sekarang tidak ada lagi alasan untuk kita mengulangi kesilapan yang sama. Sebagai wakil rakyat kami mempunyai tanggungjawab yang berat untuk memastikan jentera kerajaan sentiasa berfungsi pada tahap optimum , oleh itu saya menggesa supaya kita mengurangkan retorik-retorik politik dan tegur-tegurlah kerajaan ini kiranya masih ada kekurangannya.

Isu pertama yang ingin Kampung Tunku bangkitkan ialah pengurusan tanah di Negeri Selangor. Kampung Tunku pernah membangkitkan perkara ini semasa membahas Rang Undang Pembekalan tahun 2013 pada tahun lalu dan pada masa itu Kampung Tunku menjurus kepada masalah kekurangan kakitangan di beberapa pejabat tanah dan daerah khususnya di Pejabat Tanah Petaling. Malangnya selepas Kampung Tunku membangkit masalah ini dalam Sidang Dewan yang lalu kami masih belum melihat apa-apa langkah yang konkret daripada pihak pentadbiran untuk mengatasi masalah ini. Sekiranya kerajaan tidak memulakan langkah untuk melatih lebih ramai kakitangan khususnya kakitangan seperti Pegawai Penempatan ataupun *Settlement Officer* di dalam pejabat tanah, Kampung Tunku khuatir masalah-masalah tanah yang

dibangkitkan oleh rakan-rakan di dewan yang mulia ini akan terus wujud pada masa-masa yang akan datang. Kita juga tidak harus lupa sebenarnya pejabat tanah banyak menangani program pembangunan bagi pihak kerajaan negeri Selangor di peringkat daerah. Bermula dengan program Merakyatkan Ekonomi Selangor sehingga ke pengendalian dan pelaksanaan projek-projek infrastruktur di bawah Geran Selangorku. Setiap satu ini sebenarnya dilakukan dengan kekuatan *staff* yang tidak banyak bertambah semenjak Pakatan Rakyat memegang kerajaan negeri. Masalah ini jelas kelihatan khususnya dalam pelaksanaan projek-projek infrastruktur di bawah Geran Selangorku, di mana pejabat tanah terpaksa bergantung kepada pegawai-pegawai ataupun daripada PBT untuk melaksanakan projek kerana pejabat tanah tidak mempunyai *staff* yang mencukupi dan tidak mempunyai *staff* yang mempunyai kemahiran kejuruteraan. Oleh itu saranan Kampung Tunku ialah kerajaan harus melakukan sesuatu untuk memastikan Pejabat Tanah mempunyai bilangan kakitangan awam yang mencukupi dan sepadan dengan tugas dan hasil yang dikutip mereka. Kampung Tunku juga mencadangkan agar setengah daerah yang terlalu besar dipecahkan kepada dua untuk memudahkan pentadbirannya. Contoh yang paling baik ialah Pejabat Tanah dan Daerah Petaling. Daerah Petaling adalah antara daerah yang termaju di negeri Selangor dengan keluasan tanah sebanyak 184 kilometer persegi dan bilangan penduduk seramai 1.8 juta orang. Daerah Petaling mempunyai penduduk yang tertinggi di negeri Selangor iaitu seramai 3,686 orang sekilo meter persegi. Pendapatan kapita Daerah Petaling juga antara yang tertinggi disebabkan oleh aktiviti kilang komersial yang aktif. Ini ditambah lagi dengan lokasinya yang strategik. Dari segi pembangunan, permohonan merancang di Daerah Petaling sudah melonjak naik sebanyak 200-400 peratus berbanding dengan 10 tahun yang lalu. Oleh itu kecekapan dalam sistem penyampaian agensi-agensi kerajaan di Daerah Petaling ini adalah sangat penting. Kini di Daerah Petaling kita mempunyai 3 buah PBT iaitu Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Majlis Bandaraya Shah Alam dan Majlis Perbandaran Subang Jaya. Bagi agensi-agensi Kerajaan Persekutuan juga di Daerah Petaling ini sudah ada yang dibahagi kepada dua. Contohnya ialah pejabat pendidikan Daerah Petaling yang telah dibahagi dua seperti Pejabat Pendidikan Daerah Petaling Utama Petaling Perdana. Oleh itu saya berpendapat sudah sampai masanya untuk kita mengkaji kemungkinan untuk memecahkan Pejabat Tanah di Daerah Petaling ini kepada dua. Saya melihat dan merujuk kembali pada apa yang dibekalkan dalam Sidang Dewan lepas, Pejabat Tanah Daerah Petaling mempunyai 217 tenaga pekerja pada tahun 2012 tapi dalam belanjawan 2013 hanya dibekalkan 204 orang pekerja sahaja. Saya rasa ini tidak mencukupi dan angka ini sebenarnya tidak jauh berbeza daripada pejabat tanah daerah yang lain . Oleh itu saya menggesa kerajaan segera melakukan sesuatu.

Tuan Timbalan Speaker, Kampung Tunku juga tertarik dengan Titah Ucapan Tuanku yang menekankan kepentingan prinsip tadbir urus yang bagus ataupun *good governance* dalam semua pelaksanaan proses tugas dan membuat keputusan. Justeru itu Kampung Tunku atas prinsip yang sama usaha kerajaan Selangor memastikan semua PBT di negeri Selangor mempertingkatkan sistem penyampaiannya. Satu perkara yang ingin Kampung Tunku sentuh ialah sistem aduan atas talian yang dikendalikan oleh setiap PBT. Walaupun kebanyakan PBT di negeri Selangor

mempunyai Portal Aduan atas talian masing-masing, Kampung Tunku mendapati kadangkala kemudahan ini tidak cekap seperti yang kita harapkan. Sering kali Kampung Tunku menerima aduan daripada rakyat bahawa aduan mereka masih tidak dikendalikan selepas sekian lama mereka membuat aduan melalui portal ini. Ramai juga yang mengadu bahawa maklum balas yang diberikan oleh sistem ini tidak tepat, sama ada aduan itu masih belum diselesaikan sedangkan rekod menunjukkan berbeza ataupun dan lain-lain. Kampung Tunku juga difahamkan terdapat juga sistem aduan atas talian yang dikendalikan oleh kerajaan negeri Selangor yang bergelar Sistem Talian Aduan Rakyat Selangor atau STARS. Kampung Tunku tidak begitu faham mengapa perlunya ada satu sistem aduan atas talian ini kerana ianya sudah wujud di setiap PBT. Oleh itu Kampung Tunku menyarankan supaya kerajaan negeri Selangor menjalankan satu audit yang menyeluruh terhadap semua sistem aduan atas talian di setiap PBT supaya angka yang dijana itu adalah benar dan sahih. Kampung Tunku juga mencadangkan supaya sistem yang berbagai-bagai ini kita cantumkan ia dan disatukan ditambah dengan ciri-ciri baru seperti membenarkan fungsi oleh pengguna-penggunanya. Ini sememangnya akan dapat melicinkan pengendalian dan juga pengurusan aduan-aduan yang dilakukan oleh orang ramai. Kerajaan negeri Selangor sebenarnya juga pernah mengarahkan ke semua anggota MMKN mengisytiharkan ke semua aset-aset mereka pada tahun 2009 atas prinsip *good governance*. Saya juga menyarankan supaya kerajaan menjadikan sebagai satu tahunan dan skop pengisytiharan harta ini diperluaskan kepada semua penjawat awam Gred 48 dan ke atas termasuk Ahli-ahli Dewan Negeri ini. Semua angka yang dibentangkan ini perlulah diaudit oleh pihak yang ketiga dan melalui internet bagi tatapan umum. Dengan cara inilah saya rasa dan saya berpendapat rakyat Selangor akan betul-betul berbangga kerana semua penjawat awam, semua pemimpin kerajaan adalah betul-betul bersih.

Tuan Timbalan Speaker, kerajaan negeri Selangor juga pada zaman Barisan Nasional menggubal Rang Undang-undang Kecil untuk menetapkan kadar *fee* baru untuk lesen perniagaan dan perindustrian di setiap PBT pada tahun 2007. Difahamkan salah satu perbezaan yang besar antara UUK Undang-undang Kecil 2007 ini dengan yang sebelumnya ialah pengiraan *fee* akan dikira berdasarkan kawasan tempat berniaga dan bukannya dikira berdasarkan jenis perniagaan. Kerajaan Selangor kemudiannya memutuskan untuk membekukan perlaksanaannya sehingga tahun 2012, apabila pada tahun 2013 ini Majlis Bandar raya cuba melaksanakannya tapi menerima aduan yang kuat daripada sesetengah peniaga kecil. Kampung Tunku terkejut apabila menerima aduan ini dan kemudiannya menjalankan satu kajian terhadap UUK ini dan pemerhatian Kampung Tunku adalah seperti berikut:-

- 1) Fee yang perlu dibayar sebuah premis industri bergantung sama ada luas tapak industri itu melebihi 500 meter persegi atau tidak dengan perkataan lain hanya terdapat dua *fee* yang berbeza iaitu sama ada keluasan tapak itu melebihi 500 meter persegi atau tidak. Ini bermakna seorang peniaga yang berniaga ke atas tapak seluas 6,000 kaki persegi akan membayar *fee* yang sama dengan seorang peniaga yang membayar seluas 10,000 kaki persegi.

2) Fee untuk premis perniagaan untuk kedai biasa sebenarnya masih mengikut jenis perniagaan dan bukan mengikut saiz tapak kecuali perniagaan stesen minyak, kedai runcit, mini market, emporium, *supermarket* baru. Untuk stesen minyak kiraan dibuat berdasarkan isi padu minyak yang dapat disimpan di dalam stesennya. Semakin banyak isi padunya semakin mahal fee nya. Walaupun begitu fee untuk kedai runcit, mini market, emporium dan *supermarket* kalau dibandingkan dengan harga market mendatangkan banyak kemusyikan contoh dalam UUK baru ini, kiraan fee untuk kedai runcit, mini market, emporium dan *supermarket* dikira berdasarkan luas tapak seperti berikut :-

- Di bawah 500 meter persegi : RM 160.00
- Antara 501 meter persegi - 1000 meter persegi : RM 360.00
- Antara 1001 meter persegi – 2000 meter persegi : RM 600.00
- dan melebihi 2001 meter persegi : RM 1,000.00

Untuk *hypermarket* kiraan fee juga dibuat berdasarkan klasifikasi yang sama iaitu kalau di bawah 500 meter persegi - RM 1,000.00, antara 501 meter persegi- 1000 meter persegi - RM 1,500.00, antara 1001 meter persegi – 2000 meter persegi - RM 600.00, saya tak pasti sama ada angka ini benar atau tidak tapi saya ambil daripada UUK, kalau melebihi 2001 meter persegi - RM 1,000.00.

Bagi Kampung Tunku sebagai seorang ... kedai runcit, mini market ialah kedai kecil-kecilan yang beroperasi di atas tapak seluas iaitu 20 kaki x 70 kaki iaitu lebih kurang keluasannya 130 meter persegi. *Supermarket* selalunya adalah premis yang beroperasi atas tapak lebih kurang dua hingga tiga saiz kedai runcit, emporium dan *supermarket* kadang kala beroperasi di premis yang melebihi 500 meter persegi dan mungkin bertingkat-tingkat. *Hypermarket* pula beroperasi di tapak lebih kurang sama dengan saiz tapak kilang jadi persoalannya ialah di mana wujudnya kedai runcit yang mempunyai kawasan sehingga melebihi 2000 meter persegi? Di mana wujudkah *hypermarket* yang keluasan kurang daripada kurang 500 meter persegi. Ini yang saya tidak pasti, walaupun begitu ada satu juga kekurangan yang ketara dalam UUK 2007 iaitu apabila peniaga menjalankan berbagai jenis perniagaan di dalam kedai untuk memperbanyak sumber pendapatan dia perlu bayar fee lesen perniagaan untuk setiap satu jenis perniagaan sehingga fee nya melonjak naik sehingga dua hingga empat kali ganda daripada fee yang perlu dibayar pada masa dahulu. Oleh itu Kampung Tunku menggesa agar kerajaan menentukan satu kadar fee yang lebih menyeluruh yang seragam dan adil untuk semua jenis perniagaan di Negeri Selangor ini. Tuan Timbalan Speaker, kerajaan ada...

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Kampung Tunku Ada dua minit lagi ya.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Ya Tuan Timbalan Speaker. Kerajaan juga harus mengambil iktibar terhadap keputusan mahkamah terhadap kes Taman Desa Kalung Mas di Balakong dan mengkaji kemungkinan mengambil tindakan mahkamah terhadap pemaju yang tidak membina mengikut spesifikasi seperti yang ditetapkan dalam

kebenaran merancang walaupun sijil kelayakan menduduk telah dikeluarkan. Ini berlaku di Majlis Perbandaran Kajang dan saya rasa maklumat terperincinya bolehlah diperolehi daripada Majlis Perbandaran Kajang. Ada satu kes di mana pemaju tidak ingin membina sesuatu mengikut spesifikasi yang telah diluluskan tetapi atas alasan bahawa CF telah dikeluarkan tetapi kes mahkamah kes ini telah di bawa keluar mahkamah dan mahkamah telah menetapkan bahawa pemaju belum membinanya. Jadi ini adalah sesuatu yang perlu dilihat oleh PBT. Kampung Tunku juga menyarankan supaya kerajaan melihat masalah kemudahan infrastruktur di kawasan-kawasan bandar kerana kebanyakan infrastruktur lama ini tidak pernah diuruskan atau kekurangan *maintenance* dalam masa 40 tahun yang lalu khususnya masalah longkang dan ianya perlu dilihat begitu serius oleh kerajaan negeri Selangor seterusnya Kampung Tunku juga ingin membawa perhatian terhadap isu perumahan mampu milik di kawasan bandar di mana saya menerima banyak aduan daripada pemuda-pemudi sukar untuk mereka memiliki rumah di kawasan bandar. Oleh itu saya mencadangkan supaya anak syarikat seperti PKNS melakukan *reverse privatizing* iaitu kerajaan menggunakan tanah ataupun syarikat-syarikat swasta bekerja sama banyak dengan mereka melalui proses *reverse privatizing* supaya PKNS boleh menggunakan tanah-tanah ini dan membina rumah-rumah mampu milik di kawasan bandar. Ini adalah sesuai sekiranya ada syarikat-syarikat pemaju itu dia mempunyai ledeng yang banyak di kawasan bandar tapi tidak ada modal kekurangan dana untuk menjalankan projek di atas tanah dia dan saya rasa ini boleh dilakukan supaya rakyat-rakyat ataupun pemuda-pemudi di kawasan bandar mempunyai peluang untuk membeli rumah mampu milik di kawasan bandar.

Kampung Tunku juga ingin menyentuh sedikit tentang pelaburan asing kerana pelaburan asing ini adalah sangat penting untuk menjana sumber ekonomi kepada kerajaan negeri Selangor tapi apa yang harus kita tumpukan ialah teknologi ataupun pelaburan asing yang berdasarkan teknologi hijau dan teknologi tinggi. Saya bercadang kepada kerajaan negeri Selangor supaya mengkhususkan beberapa bidang seperti bidang yang menghasilkan kereta *hybrid*, kereta diesel, bidang automobil, bidang yang melibatkan NGV, industri yang berasaskan tenaga solar, industri yang melibatkan bahan pakar *biodiesel* dan industri teknologi maklumat ini sebagai industri yang berteknologi tinggi dan diberi tumpuan yang khusus, diberi pasca yang khusus untuk membantu pelaburan di dalam domestik di dalam bidang ini. Ini adalah industri yang memberi import yang tinggi dan kerajaan negeri haruslah melakukan sesuatu. Antaranya yang kita boleh lakukan....

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Kampung Tunku, masa sudah tamat.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Ya, saya akhirkan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ayat terakhir

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Ayat terakhirlah. Jadi, terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Ucapan saya ini sebenarnya tidak akan lengkap kalau saya tidak menyentuh

tentang masalah atau pun penambahbaikan Dewan ini. Saya mencadangkan ayat terakhir ya Tuan Timbalan Speaker. Panjang lagi ya?

Jadi, Kampung Tunku bersetuju dengan cadangan Bukit Antarabangsa untuk memendekkan tempoh notis pemberitahu untuk mengemukakan pertanyaan-pertanyaan mulut dan bertulis. Tempoh 21 hari terlalu pendek, terlalu panjang. Dicadangkan 7 hari sahaja. Di Parlimen UK, notis pemberitahu adalah antara 3 hingga 5 hari. Di Australia, wakil rakyat boleh mengemukakan *question or notice* di mana pertanyaan-pertanyaan yang memerlukan jawapan yang teliti dan panjang boleh dibentangkan kepada Setiausaha Dewan dan Menteri perlu jawab secara elektronik dalam hari-hari yang berikutnya. Kampung Tunku juga menggesa supaya Dewan ini .....

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Kampung Tunku, berapa banyak ayat dah tu Kampung Tunku? Berapa banyak ayat dah?

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Ya, setengah minit, setengah minit. Saya akan cepat. Supaya Dewan yang mulia ini memainkan fungsi dan peranannya sebagai penyemak dan pemantau perjalanan cabang eksekutif. Kita perlu memperkuatkan sistem Jawatankuasa Pilihan Khas atau *Selected Committee* di dalam Dewan ini supaya setiap Rang Undang-undang yang dibawa oleh eksekutif ke Dewan ini, kita pantau betul-betul. Ini adalah peranan kita dalam Undang-undang Tubuh kerajaan negeri ini. Saya juga bercadang supaya masa-masa yang akan datang semua pegawai kerajaan mengemukakan jawapan untuk semua pertanyaan bertulis dan mulut yang tidak sempat dijawab dalam sidang Dewan ini. Pada masa-masa dahulu, selalunya kita terima jawapan kita beberapa minggu atau pun beberapa bulan selepas sidang Dewan. Ini saya rasa tidak boleh diterima. Ini sebenarnya adalah satu penghinaan terhadap Dewan dan saya mencadang supaya mana-mana anggota MMKN atau pegawai yang gagal melakukannya harus disiasat oleh Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan Negeri Selangor. Saya berharap ini dapat dilakukan dalam sidang Dewan yang mulia ini. Sekian sahaja, Kampung Tunku mohon mencadang menyokong.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Saya berikan kepada Yang Berhormat Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih, Tuan Speaker. *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Tuan Speaker, terima kasih kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan menjunjung kasih titah ucapan Sultan Selangor. Saya ingin menyentuh 4 perkara dalam masa 15 minit, dengan izin.

Pertama, tentang urus tadbir yang baik. Dalam muka surat 3, titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor ditekankan kepentingan dasar prinsip urus tadbir yang baik atau pun *good governance* yang termasuk sistem integriti dan akauntabiliti. Dasar *good governance* dalam sistem demokrasi yang memperkasakan akal budi dan suara rakyat menuntut agar pihak eksekutif yang cekap dan kompeten berjalan seiring dengan pihak legislatif atau perundangan yang kuat dan berkesan. Ini bermakna pihak eksekutif yang kuat perlu diimbangi dengan pihak eksekutif yang kuat juga. Bahkan

pihak eksekutif yang kuat memainkan peranan semak dan imbang. Pastinya melahirkan pihak eksekutif yang kuat, berintegriti dan berdaya maju. Seperti yang telah dihuraikan oleh Yang Berhormat Sekinchan semalam, doktrin pengasingan kuasa menuntut agar pihak eksekutif dan legislatif memainkan peranan yang terbaik dan cemerlang dalam bidang masing-masing. Dalam era Pakatan Rakyat, Dewan Negeri yang mulia ini telah memartabatkan peranannya dan beberapa reformasi telah dilaksanakan dengan jayanya. Bagi menempatkan Dewan Negeri Selangor setanding dengan amalan Demokrasi Berparlimen bertaraf dunia, saya menyokong seruan Yang Berhormat Sekinchan agar Rang Undang-undang Selesa dengan segera dibentangkan ke dalam Dewan yang mulia ini.

Mengambil pengalaman kita tentang penggubalan Enakmen Kebebasan Maklumat 2010 yang dibentangkan pada asalnya oleh pihak eksekutif. Kemudian dimurnikan dan ditambah baik dengan penubuhan sebuah Jawatankuasa Pilihan yang dinamakan Jawatankuasa Pilihan Rang Undang-undang Enakmen Kebebasan Maklumat Selangor. Saya mencadangkan sebuah Jawatankuasa Pilihan Khas ditubuhkan dalam sidang ini bagi memperinci dan memantapkan draf asal Rang Undang-undang Selesa yang telah disediakan oleh mantan Speaker beberapa tahun yang lalu. Saya berpendapat Peraturan Tetap 71 (1) hingga 71 (5) memberi kuasa kepada Dewan yang mulia ini untuk mengeluarkan perintah bagi menubuhkan Jawatankuasa Pilihan Khas Rang Undang-undang Selesa. Bahkan Peraturan Tetap 71 (3) yang tertakluk kepada Peraturan Tetap 71 (5) menegaskan Tuan Speaker yang ada pada hari ini boleh jika difikirkan perlu oleh beliau di bawah kuasa Dewan Negeri menubuhkan jawatankuasa tersebut. Jadi, cadangan saya ini boleh disegerakan. Proses memurnikan, memantapkan apa yang telah didrafkan oleh mantan Yang Berhormat Speaker yang lalu. Setelah Jawatankuasa Pilihan Khas Rang Undang-undang Selesa menghalusi seluruh aspek draf undang-undang tersebut, maka hendaklah dalam masa setahun, tidak lebih dari setahun ia disediakan untuk dibentangkan oleh pihak kerajaan, pihak eksekutif ke dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Timbalan Speaker, satu lagi ciri unggul ke arah memartabatkan peranan negeri sebagai pihak administratif adalah dengan izin, menjalankan *one to one marking*. Maksud saya *one to one marking* terhadap bidang-bidang strategik dan fokus yang sedang menjadi tumpuan pihak eksekutif. Ini bermakna, peranan semak dan imbang atau pun dengan izin, *check and balance* yang dilakukan oleh ahli-ahli Dewan yang mulia ini terhadap pihak eksekutif, pihak EXCO dan kerajaan tidak hanya lagi bersifat *generik* atau pun umum tetapi semakin bertambah spesifik. Sebagaimana pihak eksekutif mempunyai dan dapat membangunkan kemahiran serta mengumpulkan pengalaman dalam sesuatu bidang yang berorientasikan pelaksanaan. Demikian jugalah pihak administratif, ahli-ahli Dewan Negeri mempunyai dan dapat membangunkan kemahiran serta mengumpulkan pengalaman dalam sesuatu bidang yang berorientasikan semak dan imbang.

Dalam sistem Demokrasi Berparlimen bertaraf dunia, aktiviti ini disemarakkan dengan penubuhan Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan dan Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan Khas. Penubuhan jawatankuasa-jawatankuasa ini akan memberi ruang yang

lebih luas bagi ahli-ahli Yang Berhormat tanpa mengira sama ada dari pihak kerajaan mahu pun pembangkang di Dewan yang mulia ini. Bukan hanya memainkan peranan semak dan imbang secara generik, secara umum, secara jeneral dengan izin tetapi melonjakkan kualiti semak dan imbang yang lebih spesifik. Bagi tujuan itu Tuan Timbalan Speaker, dalam masa yang munasabah saya cadangkan Dewan yang mulia ini mempertimbangkan untuk menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa seiring dengan bidang-bidang fokus pihak kerajaan yang termasuk kebijakan, pendidikan, pertanian, wanita dan anak muda, seni dan budaya, hubungan antara agama dan kaum, semakan terhadap undang-undang dan hak kumpulan minoriti. Dengan itu, untuk tujuan peralihan sebelum Rang Undang-undang Selesa diluluskan, saya mencadangkan eloklah Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan dan Pentadbiran dewan ditubuhkan. Demikian juga agar program-program Merakyatkan Ekonomi Selangor, dengan izin mencapai *bottom line* nya iaitu mengangkat tahap ekonomi golongan susah di Selangor. Eloklah, Jawatankuasa Pilihan Khas bagi pembasmian kemiskinan ditubuhkan. Sebagai kerajaan yang mendukung suara rakyat, hak asasi dan dengan izin, *civil society*. Saya cadangkan pada satu masa yang sesuai nanti hendaklah ditubuhkan Jawatankuasa Pilihan Khas tentang hak asasi manusia dan hubungan dengan NGO oleh Dewan yang mulia ini. Perihal pentingnya informasi, dasar WIFI percuma, penerangan serta pelaksanaan Enakmen Kebebasan Maklumat Selangor 2010, maka eloklah bagi cadangan saya sebuah Jawatankuasa Pilihan Khas Maklumat dan Penerangan ditubuhkan.

Tuan Timbalan Speaker, isu kedua yang ingin saya timbulkan adalah tentang peranan Selangor sebagai penyumbang terbesar KDNK negara. Dalam muka surat 6, titah Baginda menegaskan bahawa sebagai negeri penyumbang terbesar kepada KDNK negara iaitu anggaran 22%, Selangor perlu memainkan peranan yang lebih agresif dalam meningkatkan pelaburan domestik dan asing masuk ke dalam negeri. Selangor mencatat jumlah pelaburan pada tahun 2012 sebanyak RM11.73 bilion. Manakala jumlah pelaburan dari tahun 2008 ke tahun 2012 adalah RM49.7 bilion. Dengan itu, Selangor menduduki kedudukan nombor satu di Malaysia dari segi jumlah pelaburan dalam tempoh masa tersebut. Jumlah pelaburan sehingga Mac 2013 sahaja, mencecah kepada RM700 juta. Apa yang saya ingin timbulkan di sini Tuan Timbalan Speaker adalah apa yang telah disentuh dan dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Antarabangsa semalam. Berkennaan dengan TPPA atau pun *Trans Pacific Partnership Agreement*. Apa yang pastinya TPPA apabila ditandatangani nanti pasti membawa impak yang besar terhadap negara dan semua negeri di dalam Persekutuan. Terutamanya Selangor yang menyumbang 22% daripada KDNK negara. Oleh itu, bagi pandangan saya adalah bercanggah dengan semangat Persekutuan dan amalan demokrasi tulen dengan impak sebesar ini. Dengan peranan negeri Selangor sebesar itu pula, Selangor langsung tidak dirujuk dan dirunding dalam mendepani TPPA. Meski pun perincian terhadap TPPA belum diperhalusi lagi dari sudut kebaikan dan kesan akan datang terhadap negara dan negeri Selangor. Kebimbangan rakyat Malaysia terhadap perjanjian ini hendaklah diredukan dengan maklumat yang secukupnya. Oleh itu, Tuan Timbalan Speaker, saya mengesyorkan agar dalam mendepani *Trans Pacific Partnership Agreement* ini, Dewan yang mulia ini hendaklah mendesak agar :-

1. Kelulusan perjanjian TPPA bukan hanya dibuat di peringkat Kabinet tetapi hendaklah dibuat melalui penelitian Parlimen atau pun melalui Jawatankuasa Khas Parlimen.
2. Seorang EXCO dengan port-folio berkaitan berserta juga dengan dua (2) orang wakil kerajaan negeri Selangor hendaklah dilibatkan secara langsung dalam perundingan TPPA yang diterajui oleh MITI.

Tuan Timbalan Speaker, perkara ketiga yang ingin saya timbulkan adalah tentang ucapan titah Tuanku di dalam muka surat 20 di mana ditegaskan agar PBT terus memberi tumpuan kepada tanggungjawab asas dengan menyediakan kemudahan jalan dan longkang yang sempurna, perbandaran yang bersih dan indah, pengurusan sampah yang cekap, pemotongan rumput dijalankan secara berjadual, lampu-lampu jalan yang sentiasa berfungsi. Menyokong penegasan di atas, saya ingin membuat tambahan bahawa PBT juga hendaklah menyediakan taman-taman permainan yang diselia dan teratur, padang-padang yang bermutu dengan rumput yang di selenggara dengan baik, pokok-pokok yang dicantas kemas mengikut jadual.

Tuan Timbalan Speaker, secara umumnya kelemahan PBT adalah sifatnya yang lambat bertindak dan kurang pro-aktif terhadap penyediaan perkara-perkara di atas terutamanya perkara kecil yang boleh dianggap runcit-runcitan. Sebagai contoh, aduan terhadap pohon-pohon yang rimbun yang perlu dicantas atau pun dahan pokok atau pun pokok yang mati atau pun besar yang membahayakan penduduk yang perlu ditebang, tiada tatacara tindakan dan piawai yang diamalkan oleh PBT. Ada kalanya tindakan diambil dalam tempoh masa dua (2), tiga (3) hari selepas aduan. Manakala ada yang mengambil masa tujuh (7) bulan hingga ke setahun selepas aduan. Apa yang paling sedih, kerap juga aduan rakyat mahu pun wakil rakyat tidak diambil tindakan langsung. Dengan itu, saya mencadangkan agar PBT :-

1. Mewujudkan dan mendokumentasikan piawaian atau pun *standard jadual kerja* penyelenggaraan yang teratur dan bersifat pro-aktif dengan sasaran aduan sifar.
2. Mewujudkan pasukan kerja dalaman jabatan dengan izin, *in house task team* bagi tujuan untuk mendapatkan sebut harga secara segera dan seterusnya menggerakkan pemantauan kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor. Seterusnya menebang dan mencantas sendiri dengan menggunakan pasukan dalaman dalam jabatan.

Tuan Timbalan Speaker, yang akhir yang saya sentuh adalah tugas meningkatkan kemudahan awam seperti membina gelanggang futsal dan sebagainya dan saya mencadangkan pertamanya kerana peruntukan dana dan aliran tunai yang tidak mencukupi di peringkat PBT. Saya mencadangkan agar perundingan dua (2) hala antara kerajaan negeri dan PBT dikenal pasti. Apakah kemudahan-kemudahan perlu dibangunkan oleh PBT dengan pembentangan projek-projek tersebut dilakukan melalui pinjaman daripada kerajaan negeri Selangor kepada PBT.

Kedua kerajaan membenarkan BOT iaitu *Bill Operate Transfer* dilaksanakan dengan sektor swasta melalui satu garis panduan yang jelas, telus dan adil. Sekian, terima kasih. Dengan ini Hulu Kelang mohon menyokong.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI :** Tuan Timbalan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih Hulu Kelang. Saya mempersilakan Y.B. Sungai Panjang.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI :** Terima kasih. *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh*, Salam Sejahtera dan tidak terlupa salam Satu Malaysia. Tuan Speaker, Sungai Panjang mohon izin untuk mengambil bahagian dalam perbahasan kertas usul menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor sempena pembukaan dewan pada 28 Jun yang dicadangkan oleh Y.B. Bukit Antarabangsa. Tuan Timbalan Speaker, ada sebegitu banyak nasihat dalam titah Tuanku terhadap prinsip tata kelola *good governance* dengan izin, yang mana ia serba sedikit akan memberi kebaikan kepada rakyat secara keseluruhannya soal integriti, soal aktiviti dan yang penting soal hormat-menghormati di antara wakil-wakil rakyat, kerajaan dan juga wakil rakyat pembangkang. Dengan itu, Sungai Panjang mohon mencadangkan agar kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada Ketua Pembangkang itu dilihat semula sebab selama 2 hari kita bersidang melawat bilik Ketua Pembangkang, saya ingat begitu banyak penambahbaikan yang boleh diadakan kalau tidak semacam Ketua Pembangkang di pihak Parlimen Malaysia saya fikir banyak juga penambahbaikan-penambahbaikan yang boleh diadakan. Apakah maknanya semua ini?. Maknanya semua ini adalah supaya akhirnya keadilan sosial kepada semua keadilan sosial kepada rakyat, keadilan sosial kepada negeri ini dapat kita lakukan dan dapat kita laksanakan. Tuan Timbalan Speaker, nampaknya undi popular menjadi suatu isu yang sangat hebat dan pada Sungai Panjang dia memupuk lebih banyak kebencian melampau, merosakkan institusi yang sedia ada tanpa menerima kenyataan yang sebenar realiti yang berlaku. Kita tidak menolak hasrat keterujaan, kita tidak menolak rasa besar hati pihak barisan Pakatan terhadap apa yang disebut sebagai undi popular. Tetapi kita sedia faham juga daripada segi Perlembagaan Persekutuan, Perkara 46, Seksyen 7, Akta Pilihan raya 1958 yang menyebut soal *first-past-the-post (FPTP)* ini adalah merekod kepada bahagian pilihan raya. Jadi pada saya segala-galanya ini berlaku hanyalah daripada kehendak tidak dapat menerima kepada kekalahan yang sedia ada, sudah kalah, kalahlah. Lain kalilah. Jadi saya nak sebutkan perkara ini, kerana apa?. Kerana saya fikir berdasarkan peruntukan undang-undang yang sedia ada, berdasarkan kemenangan yang mana pihak Pakatan telah dapat di Selangor, telah dapat di Kelantan, telah dapat di Pulau Pinang dan membentuk kerajaan dan di pihak Barisan Nasional sendiri kita menerima keputusan yang berlaku tersebut. Saya melihat kalaupun ada seekor pungguk itu merindukan bulan dan bulan itu terlalu jauh di awan dan walaupun lambang bulan itu ada di dalam Pakatan tetapi dia tidak semestinya baik dan elok kerana apa? kerana di dalam bulan itu daripada jauh mungkin nampak cantik tetapi di dekatnya mungkin berlopak-lopak dan berlubang-lubang. Tuan Timbalan Speaker,

dewan yang mulia ini merasa sangat terhibur ke atas beberapa kenyataan daripada Y.B. Sekinchan. Selama 2 hari, saya meninjau saya meneliti itu yang saya sebutkan tadi soal keharmonian dan saya sebutkan tadi soal bagaimanakah...

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB :** Minta laluan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Y.B. Sungai Panjang, Taman Templer minta laluan .

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI :** Silakan.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB :** Tuan Timbalan Speaker, minta penjelasan saya kurang jelas tentang bulan yang berlopak-lopak itu apa yang dimaksudkan apa yang dikaitkan dengan parti PAS tadi.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI :** Saya tidak kaitkan parti PAS. Saya kaitkan ada satu orang dia seperti pungguk rindukan bulan seperti ada satu orang yang nak sangat jadi Perdana Menteri tapi pungguk itu ada di sini dan bulan itu terlalu jauh. Jadi saya nak sebutkan bulan itu jauhnya kelihatan cantik tapi dekatnya mungkin keadaan berlopak-lopak dan berlubang-lubang. Tuan Timbalan Speaker berapa lama masa yang diberikan...

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN :** Minta penjelasan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sungai Panjang, Paya Jaras minta laluan.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI :** Tuan Timbalan Speaker berapa lama masa yang diberikan kepada saya.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Kita boleh ambil kira sedikit sebanyak celahan yang diberikan, tetapi kita akan tambah sedikit lagi yang umumnya 15 minit.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI :** Bagi saya habiskan fasal ini dulu, duduk dahulu. Tuan Timbalan Speaker, saya menyebut soal keadilan sosial supaya teguran-teguran yang kita buat, teguran-teguran yang kita lakukan janganlah kelihatan jauh sangat melihat kuman di seberang laut, padahal gajah di depan mata langsung kita tak nampak. Saya nak bawa fakta ini terhadap apa yang berlaku di Sekinchan terhadap penjualan Pangsapuri Damai. Bagaimana tender penjualan 24 unit kepada sebuah syarikat NKK Enterprise bersamaan dengan RM72,500 ribu seunit sedangkan harga pasarananya adalah sebanyak RM130 ribu. Persoalannya, bagaimanakah pula pembelian ini hanya diberikan tender kepada satu sahaja syarikat yang masuk dan yang lebih memelikkan saya berdasarkan penyelidikan saya, pada tanggal 20 September 2010 tender ini diumumkan, 29 September 2010 syarikat ini ditubuhkan, 4 November tender ini diberikan kepada syarikat tersebut. Itu yang saya sebutkan jangan kita terlalu sangat melihat kuman di seberang laut, padahal gajah di depan mata besar sangat pun kita tak nampak. Tuan Timbalan Speaker yang saya kasih sekalian, benar

tanah-tanah apa yang disebut oleh Sekinchan itu mahal harganya di sekitar-sekitar Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Tuan Timbalan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Y.B. Sungai Panjang, Sekinchan minta mcelah.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI :** Sekejap, sebab itu pada saya pertambahan rumah ini bersekali dengan pertambahan rumah urut kaki juga pertambahan mesin kuda di Sekinchan. Silakan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, saya nak minta penjelasan daripada Y.B. Sungai Panjang mengatakan seolah-olah ada berlaku sesuatu yang tidak kena dalam isu penjualan Pangsapuri Damai, Y.B. Sungai Panjang tadi bangkitkan di sini kononnya gajah tak nampak dan sebagainya, saya nak tanya apa penyelewengan yang berlaku, di mana bukti penyelewengan, kalau boleh bawa bukti dan perkara ini sudah dibuat ke laporan SPRM dan siasat dan sebagainya, jangan bawa sesuatu yang tak ada bukti main tuduhan saja dalam dewan yang mulia ini, minta bagi bukti. Terima kasih.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI :** Tuan Sekinchan saya sebutkan tadi ialah apa yang berlaku daripada soal penjualan. Saya tak sebut ada soal penyelewengan, saya tidak sebut soal ada salah laku daripada, cuma saya nak sebutkan kalau perkara-perkara yang berlaku itu di tempat kita sendiri, kita perhalusi kita perbetulkan barulah kita melihat apa yang berlaku di tempat luaran. Saya nak sebutkan satu perkara lagi iaitu disebut banyak kali berulang kali oleh Sekinchan dan terus menyerang UMNO, terus menyerang Barisan Nasional terhadap pemberian tanah, premium RM1.00 dan sebagainya. Di zaman Barisan Nasional premium RM1.00 juga diberikan kepada rumah ibadat seperti kuil dan juga tokong. Saya nak sebutkan dalam perkara yang sama, kalau boleh nanti diberikan penjelasan terhadap desas desus yang berlaku kononnya di Bagan Sekinchan itu premium RM1.00 di kawasan yang berhampiran itu premiumnya sekitar RM10.00, jika benar apakah asas kepada perkara ini. Tuan Timbalan Speaker, berkaitan...

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Tuan Timbalan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Y.B. Sungai Panjang..

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Tuan Timbalan Speaker. Saya nak minta penjelasan...

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI :** Saya nak teruskan sebab saya fikir saya hanya ada 15 minit sahaja lagi.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sekinchan, Sungai Panjang tidak mahu beri laluan.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI** : Sebentar lagi saya bagi. Ini berkaitan yang penting berkaitan dengan isu padi. Berterusan Sekinchan menyerang terhadap mantan Menteri padi berterusan dia terus menyerang terhadap mantan Sungai Panjang dan saya nak ingatkan di dalam satu aku sumpah Menteri Besar juga menyebut supaya memelihara hubungan antara kerajaan negeri dan juga Kerajaan Persekutuan. Dalam isu padi, Kerajaan Persekutuan punya tanggungjawab, dalam isu padi kerajaan negeri juga punya tanggungjawab. Bolehkah selesai persoalan isu padi diselesaikan melalui bantahan jalan raya. Bolehkah masalah padi ini selesai dengan cara mengangkat sepanduk dan sebagainya. Sebab itu di dalam dewan yang mulia ini kita harus fokus terhadap isu-isu yang berkaitan dengan padi. Bagaimana?. Kalau lahir apa yang terus diberikan oleh Kerajaan Persekutuan, baja tidak bagus, penyelewengan berlaku, pengurusan tidak baik mana mungkin hasil padi di Sungai Panjang adalah antara yang terbaik.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Mohon mencelah, Tuan Timbalan Speaker.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI** : Tuan Timbalan Speaker yang saya kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Sungai Panjang, Sekinchan pun dia punya hasil padi dia elok juga, dia nak mencelah.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Jadi saya nak tahu oleh kerana timbul isu padi.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Boleh ke tidak.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Minta celah lah.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI** : Kalau yang itu saya benarkan. Saya benarkan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Benarkan kena duduk dulu. Baru saya boleh..

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI** : Boleh.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Kena duduk dulu. Terima kasih Y.B. Sungai Panjang, 2 perkara yang saya minta penjelasan daripada Y.B. Sungai Panjang, satu berkenaan dengan tadi dengan tanah yang disapu oleh UMNO ya Barisan Nasional yang saya dedahkan 24 keping tanah di bawah skandal sapu tanah satu Malaysia. Singkatan dia Satim, di mana di Sungai Besar di sebelah Majlis Daerah Sabak Bernam sebelah itu ada satu tanah. Tanah itu diberikan kepada UMNO RM1.00, UMNO ini parti politik dia bagi RM1.00 dan Pakatan Rakyat kita berikan rumah ibadat, tokong, kuil dan sebagainya kepada penganut-penganut ini kepada rakyat untuk kegunaan orang ramai. Sungai Panjang kena faham untuk politik untuk kepentingan individu dengan rakyat itu perbezaan. Tak boleh sapu tanah, mana modal *authority* UMNO untuk sapu tanah

gunakan RM1.00 tak boleh kalau bagi rakyat tak apalah. Ini satu, yang kedua saya nak tanya

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI :** Tuan Timbalan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sekejap, tadi izin mencelah. Bagi dia mencelah. Kita akan tambah masa sikit jangan risau.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI :** Masa diberikan kepada saya, jadi kalau terlalu banyak memberi celahan...

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Y.B. Sungai Panjang, duduk-duduk semua duduk ya, saya bagi saya dah kata tadi kita bagi ambil kira masa itu kita akan tambah sedikit sebanyak bila kita sekiranya Y.B. beri laluan jadi kalau tadi Y.B. kata tak nak bagi laluan boleh teruskan. Tapi kalau bagi laluan kita akan tambah sedikit masa untuk Y.B. berucap. Jadi kalau Y.B. dah bagi masa tadi saya minta tunggu sehingga Sekinchan habis celahan dia. Sekiranya Sekinchan terlalu lama baru saya hentikan. Ya, Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, itu berkenaan dengan tanah, tanah kepada rakyat kepada tokong kepada kuil RM1.00 itu memang patut dan bersesuaian ini demi rakyat ya. Tapi tanah kepada UMNO, MCA, MIC RM1.00 ini sungguh memalukan. Sebab itulah saya timbulkan soal skandal sapu tanah satu Malaysia. Yang keduanya, saya ingin minta penjelasan daripada Sungai Panjang yang menjadi jurucakap bagi mantan Sungai Panjang yang dulu, mantanlah Dr. Khir Toyo dan bekas ataupun mantan Menteri Pertanian Noh Omar, sekarang dia jadi jurucakap dulu Permatang tak apa saya nak tanya persoalan padi ini kalau kerajaan negeri kita tak ada masalah, bagaimana pusat, pusat kena bagi saya *guideline* satu garis panduan yang bersesuaian supaya harga padi ini tidak terumbang ambing pada musim ini di Sekinchan terkena tempias, Sungai Panjang rakyat Sungai Panjang yang ramai semua terkena tempias harga merudum, bagaimana Y.B nak pertahankan petani di kawasan sendiri kalau harga turun, kena ada satu tindakan diam sahaja tidak bermakna boleh dapat selesaikan masalah. Terima kasih.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI :** Tuan, bagi kepada saya ke untuk meneruskan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ya, memang sekarang tengah giliran Y.B. bila dia dah duduk Y.B. boleh sambung.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI :** Saya boleh tengok merah padam Sekinchan, seronok saya. Saya nak bagi tahu daripada segi soal tanah, saya punya pandangan yang mudah memberikan kepada rakyat soal premium RM1.00 di Sungai Besar dalam konteks Sungai Besar, UMNO Bahagian, ahli kita ada 20,000. Pengundi ada 46,000 jadi saya nak sebutkan memberikan kepada rakyat adalah sebahagian daripada yang kita berikan kepada NGO-NGO lain itu yang pertama. Yang kedua, soal

saya membincangkan di peringkat awal lagi tadi soal bagaimana hubungan yang baik itu boleh dibina dan apabila semalam Sekinchan mempersoalkan tentang seolah-olah tidak ada kebaikan langsung daripada segi apa yang diberikan oleh pihak Persekutuan. Itu kerana saya bangun, saya menjelaskan soal isu tidak timbul menjadi jurucakap kepada mantan tidak timbul mantan-mantan yang lain.

Tuan Timbalan Speaker yang saya kasih sekalian, saya juga ingin menarik perhatian di Dewan yang mulia ini terhadap penguatkuasaan dan pemantauan Kerajaan Negeri. Akhir-akhir ini kadang kala kita lihat di dada-dada akhbar soal bagaimana isu pasir itu sendiri, ada laporan terhadap kecurian hampir sebanyak 300,000 dan kita boleh kalau perkara ini dibuat penambahbaikan dan saya fikir ini suatu yang sangat penting sebab selain daripada aspek gerak kerja, aspek pemantauan terhadap apa yang disebut sebagai hasil-hasil bumi Selangor itu juga boleh untuk diberikan perhatian.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Saya nak minta penjelasan lagi Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI** : Saya...

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Terpulang kepada Yang Berhormat nak beri laluan atau tidak.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI** : Saya ada sikit lagi ni

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Sikit lagi

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI:** Sebab saya tidak tahu berapa lama masa yang diberikan kepada saya. Saya nak sebutkan berkaitan dengan isu pendidikan yang pada saya isu pendidikan ini adalah sangat penting kerana masa depan negeri ini disokong oleh pengeluaran sumber manusia dan pengeluaran sumber manusia itu sebenarnya dibina, dipimpin daripada institusi pendidikan yang sedia ada. Dalam konteks negeri Selangor, saya suka bercakap berkaitan dalam konteks UNISEL.

Dalam konteks UNISEL ini saya melihat berdasarkan daripada tahun 2008 berlaku kemerosotan jumlah pelajar. 2008 - 12,273, 2009 – 11,128, 2010 – 9,993 dan kemerosotan-kemerosotan ini pada saya akhirnya boleh menyebabkan kekurangan pendapatan daripada pihak universiti itu sendiri. Dan saya membuktikan ini adalah dengan pendapatan universiti pada tahun 2009 adalah sebanyak RM93.5 juta berbanding dengan perbelanjaannya sebanyak RM106.1 juta dan UNISEL terus mencatat kerugian besar pada tahun berikutnya apabila pendapatan merosot dengan jumlah RM75.4 juta manakala perbelanjaan terus meningkat sebanyak RM113 juta berbanding dengan tahun sebelumnya. Maka jumlah kerugian bagi pada tahun 2009 iaitu sebanyak RM12.62 juta telah meningkat sebanyak RM37.63 juta pada tahun 2010. ini bermakna UNISEL mengalami kerugian sebanyak dua tahun berturut-turut.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat, ada satu minit lagi.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI** : Sayang sungguh saya dengan Sekinchan. *Epitome* ini menyusut berpunca daripada kekurangan kemasukan pelajar dan saya fikir sumber utama sebuah universiti itu adalah daripada segi jumlah pelajar. Dan kalau kita lihat di tambah dengan peningkatan kos belanja meningkat 2008 – RM40 juta, 2009 - RM44 juta, 2010 – RM49 juta dan menghairankan saya bagaimana perbelanjaan kakitangan boleh meningkat sedangkan jumlah kemasukan pelajar semakin merosot. Sebagai Wakil Rakyat muda saya cuba akur dengan masa yang diberikan tetapi ada satu perkara akhir yang sangat penting berkaitan dengan isu belia. Saya juga berasa sedikit dukacita apabila dua persoalan mulut saya, lisan saya ditolak berkaitan dengan isu belia terhadap kebolehpasaran belia Selangor dan juga terhadap padang-padang futsal yang banyaknya dibina pada zaman Barisan Nasional yang tidak diurus, di sempurna, dipantau dengan baik oleh pihak PBT. Tuan Timbalan Speaker yang saya kasihi, sekalian, dengan kata-kata tersebut Sungai Panjang menyokong untuk menjunjung kasih ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku, terima kasih.

**TIMBALAN TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat Seri Muda.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim.* Terima kasih Tuan Timbalan Speaker kerana memberikan kesempatan kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan usul menjunjung kasih ke atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Selangor yang diusulkan oleh Bukit Antarabangsa semalam. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada semua Ahli-ahli Dewan daripada pembangkang, daripada kerajaan negeri yang telah diberikan amanah oleh rakyat bagi memikul satu tanggungjawab besar dalam Dewan ini, terutama sekali ucapan tahniah ini ditujukan kepada seperti rakan-rakan tersebut kerana ia adalah merupakan sejarah baru dalam negara kita maka saya yang mewakili Sri Muda juga ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Subang Jaya kerana dipilih sebagai Speaker wanita pertama bagi negara kita. Kalau semalam Bukit Antarabangsa melihat usianya mungkin sekitar 25 tahun, kalau saya nampak macam 23 tahun setengah, lebih muda sedikit. Tahniah juga kepada Timbalan Speaker yang mewakili

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ingat dah lupa Timbalan Speaker tadi.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI** : Timbalan Speaker

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Tak lupa ya..

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI** : Tak lupa, masa kena lebih sikit. Tahniah juga kepada Tuan Timbalan Speaker kerana dipilih menjadi Timbalan Speaker, antara yang termuda dalam sejarah negara kita dan ucapan tahniah ini saya lanjutkan kepada Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Menteri Besar kerana dipilih menerajui Pakatan Rakyat negeri Selangor untuk penggal yang kedua dengan majoriti yang cukup besar yang diperolehi oleh Pakatan Rakyat. Jadi dengan mandat yang begitu besar ini, kita mengharapkan semua harapan rakyat dapat kita tunaikan secara keseluruhannya dengan tindakan yang jauh lebih efektif dan juga berkesan. Maka saya ingin

mengungkapkan satu peribahasa Melayu lama untuk kita sama-sama renungi, dayung sudah di tangan, perahu sudah di air, segala-gala yang dikehendaki sudah diperoleh, ayuh laksanakan segera harapan dan permintaan rakyat.

Tuan Timbalan Speaker, titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang tegas, yang membawa mesej yang amat jelas akan arah tujuan penggal kedua pemerintahan Pakatan Rakyat di negeri Selangor ini. Antara yang diberikan begitu jelas sekali adalah memastikan prestasi ekonomi yang terus stabil, mempertingkatkan kualiti kehidupan rakyat, memberikan perubahan kepada pembangunan desa, pemantapan modal-modal insan dan kemudahan pendidikan yang lebih bersesuaian, tahap kesihatan yang lebih baik dan berusaha menarik konsep hijau yang berteknologi tinggi. Setelah lima tahun yang mencabar kerajaan negeri Selangor terus mendapat pujian daripada Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana berjaya melaksanakan kutipan hasil negeri yang cekap. Kecekapan ini perlu ditambah baik, perlu ditambah baik pada masa hadapan dan perlu disebar luaskan terutama kepada agensi-agensi kerajaan seperti Pihak Berkuasa Tempatan yang berada di sembilan daerah di negeri Selangor. Selaras dengan titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku semasa pembukaan Sidang Dewan, maka Pihak Berkuasa Tempatan mestilah berada di atas landasan yang betul dalam melaksanakan tugas-tugas asas mereka bagi memperbaiki parit, longkang, jalan dan sebagainya. Demi kebijakan kepada rakyat, perbelanjaan infrastruktur mestilah diberikan keutamaan secara berterusan oleh ke semua agensi-agensi ini.

Tuan Timbalan Speaker, aduan-aduan tentang kualiti parit seperti yang disebutkan oleh Kampung Tunku dan juga rakan-rakan kita yang lain. Aduan tentang kualiti parit, longkang dan jalan ini kerap kali kita dengar. Aduan ketidakpuasan rakyat sebegini sering disuarakan bukan sahaja di dalam surat khabar tetapi diterima oleh ramai Ahli-ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan dan juga Wakil-wakil Rakyat. Agensi yang diamanahkan ini tidak dapat memberikan jawapan yang memuaskan hati rakyat. Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker, saya mempunyai contoh di mana Pihak Berkuasa Tempatan tidak dapat memantau kerja-kerja. Sebagai satu contoh, kerja-kerja yang dibangunkan dalam Geran Selangorku yang diberikan tanggungjawab seliaannya kepada anak syarikat kerajaan negeri Kumpulan Darul Ehsan Berhad atau KDEB. Kegagalan PBT ataupun Pihak Berkuasa Tempatan memantau projek-projek yang diberikan kepada KDEB ini adalah kerana mereka sendiri pun tidak dimaklumkan bila tarikh dan masanya KDEB ataupun kontraktor yang dilantik oleh KDEB menjalankan tugas-tugasan mereka dan ini akhirnya telah menyebabkan Pihak Berkuasa Tempatan sendiri tidak tahu wujudnya pemberian yang dilakukan oleh kontraktor yang dilantik oleh Kumpulan KDEB. Persoalan kita di sini ialah, bagaimana KDEB antara cabang pelaburan terbesar syarikat kerajaan negeri Selangor boleh melepaskan, tidak memantau kejadian-kejadian seperti ini. Kita ingin tahu asas kemahiran dan kepakaran Kumpulan Darul Ehsan tentang bidang kerja infrastruktur kerana terdapat aduan yang menyatakan hampir kebanyakan kerja-kerja yang dilakukan oleh kontraktor yang dilantik oleh Kumpulan Darul Ehsan Berhad amat tidak berkualiti. Saya ingin tunjukkan satu contoh di Persiaran Anggerik Vanila, salah satu contoh yang berada di Seksyen 31, Shah Alam. Saya mempunyai gambarnya, bagaimana jalan yang diturap dalam tempoh tidak sampai tiga minggu terkopek semula. Bila aduan dikemukakan kepada

Pihak Berkuasa Tempatan kawasan itu, iaitu Majlis Bandar Raya Shah Alam, mereka sendiri tidak tahu tetapi Pihak Berkuasa Tempatan mengambil inisiatif menghubungi semula kontraktor yang terlibat dan akhirnya turapan pemberian itu dilakukan semula semalam, dua hari yang lepas. Malangnya pada hari ini jalan yang baru diperbaiki itu menggunakan wang rakyat daripada Geran Selangorku tidak dapat digunakan kembali kerana jalan itu sudah terkopek semula. Dia bukan terkopek sedikit-sedikit teruk, permukaan jalan itu hancur. Ini salah satu contoh yang memberikan satu persepsi yang buruk kepada rakyat. Itu hanya di satu kawasan tetapi kita mendapat aduan, banyak kawasan-kawasan yang terlibat menghadapi masalah yang hampir sama kedudukannya.

Tuan Timbalan Speaker, rakyat sentiasa meletakkan harapan yang tinggi kepada Pihak Berkuasa Tempatan selaku jentera pelaksana utama memberi perkhidmatan selain daripada infrastruktur mereka juga mengharapkan pemberian perkhidmatan yang diberikan itu terus bertambah baik. Kemudahan permukaan jalan yang baik, longkang yang sempurna tidak tersumbat, perbandaran yang bersih, pengurusan sampah yang cekap, gerak kerja pemotongan seperti yang disebut oleh Kampung Tunku dan juga oleh Hulu Klang. Gerak kerja pemotongan rumput secara berjadual yang dipatuhi serta lampu-lampu jalan yang diperbaiki dari masa ke semasa. Malangnya saya kerap menerima aduan dan juga teguran daripada rakyat bahawa perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan pada hari ini agak hambar terutama daripada segi mengambil tindakan yang pantas dan berkesan. Dalam sistem aduan kerja, dalam sistem aduan gerak kerja, kerja-kerja di lapangan ini dilaporkan dalam sistem disiapkan tetapi apabila kita turun di kawasan yang terlibat, kawasan yang diadukan kerja itu hanya sekadar melepaskan batuk di tangga bukan dilakukan dalam keadaan yang sempurna dan ini menimbulkan perasaan kurang senang terutama sekali di kawasan rakyat yang membayar cukai. Saya ingin memberikan satu contoh lagi bagaimana Pihak Berkuasa Tempatan dilihat oleh rakyat tidak memberikan perkhidmatan yang baik kepada mereka. Kenapa mereka yang berada di Seksyen 27 dan 28 Shah Alam keadaan longkangnya dibiarkan akar pokok tumbuh tidak dibersihkan? Tetapi di kawasan bandar (pusat bandar Shah Alam) dijaga dengan baik. Kedudukan pokoknya dipotong (di *trim*) dengan elok, tetapi di kawasan utara dan juga selatan seperti di Sungai Buloh keadaan longkang, parit, jalan amat menyedihkan. Inilah antara perkara-perkara yang perlu diberikan perhatian oleh pihak kerajaan negeri bagi mempertingkatkan semula prestasi yang dilihat merudum oleh kebanyakan rakyat.

**Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH :** Mohon mencelah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Bangi.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI :** Silakan Bangi.

**Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH :** Terima kasih Yang Dipertua, terima kasih Seri Muda. Saya ingin mohon penjelasan daripada Sri Muda mengenai satu *standard operating procedure* yang dipegang oleh Jabatan Kerja Raya mengenai pemotongan rumput yang disebut oleh EXCO sebentar pagi tadi iaitu Jalan Protokol (1

kali sebulan), Jalan Persekutuan (1 kali dua bulan), Jalan Sekunder (1 kali enam bulan), Jalan Minor (1 kali setahun). Apakah ini sudah ketinggalan zaman berbanding dengan PBT yang memotong rumput dua kali sebulan? Terima kasih.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI** : Terima kasih Y.B. Bangi. Saya ada melakukan tinjauan di kawasan-kawasan yang diadukan oleh rakyat yang mengadu tentang permasalahan yang berlaku di kawasan mereka. Apa yang disebutkan oleh rakyat ini ialah kalau dahulu mereka melihat ramai pekerja-pekerja melakukan tugas, sekarang ini jumlah pekerja yang dilihat melakukan kerja-kerja itu semakin berkurangan. Jadi, apabila kita bertanya kepada mereka yang terlibat, mereka mengatakan bahawa harga yang diberikan tender kepada mereka pada hari ini adalah harga yang teramat rendah Dato' Menteri Besar. Jadi, kemungkinan dengan harga yang rendah maka kita mendapat perkhidmatan pun yang rendah. Kalau kita bayar dengan jumlah yang tinggi, mungkin perkhidmatan yang diberikan itu jauh lebih berkualiti.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI** : Mencelah.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI** : Jadi.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Y.B. Sri Muda, Kota Anggerik nak bertanya.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI** : Saya habiskan sekejap. Jadi, saya mencadangkan supaya pihak kerajaan negeri (bukan kita tak setuju untuk mengurangkan harga / ambil harga terendah, tetapi ia mesti mencecah satu *standard operating procedure*) mesti ada kajian yang menyeluruh, kajian yang lengkap supaya harga bagi satu-satu kawasan itu munasabah untuk mengajikan pekerja dan juga membeli peralatan-peralatan yang lebih elok. Teruskan Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI** : Y.B. Sri Muda, bukankah harga tender itu telah diisi dan dipersetujui oleh pihak kontraktor? Dan kontraktor mengakui bahawa dia sanggup menerima harga yang ditawarkan. Jadi, bila ditawarkan dengan harga itu (harga dia taruk), patut dia bertanggungjawab dengan harga tersebut. Atau perlukah kita menyemak polisi ini?

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI** : Terima kasih Kota Anggerik. Ia sebenarnya sesuai dengan soalan yang dikemukakan oleh Bangi. Saya pun turut sependapat dengan Bangi dan juga Kota Anggerik. Kita perlu melakukan kajian semula. Mungkin harga yang dikemukakan itu tidak bersesuaian lagi pada masa ini kerana kos untuk menggaji pekerja merupakan antara kos yang tertinggi dalam perkhidmatan penyelenggaraan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Minta penjelasan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Sri Muda, ada satu minit lagi ya.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Ya, saya ingin bertanya kepada Sri Muda. Apakah pendapat sekiranya untuk mengatasi masalah ini, salah satu cara yang kita boleh pertimbangkan ialah kita minta PBT untuk ambil alih keseluruhan kerja ini dan dijalankan melalui satu pasukan *in house*. Mungkin ini akan dapat mengurangkan kos. Saya ingin minta pendapat daripada Seri Muda.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI** : Saya tak dapat menjawab soalan itu. Kena serahkan kepada pihak kerajaan negeri bagi memikirkan cadangan yang dikemukakan oleh Kampung Tunku.

Y.B. Timbalan Speaker,

Izinkan saya untuk menyambung sedikit sahaja lagi. Saya ingin memetik hadis baginda Rasulullah S.A.W. yang diriwayatkan oleh Buhari dan Muslim;

*“Sesungguhnya orang yang paling berjaya ialah orang yang pada hari ini lebih baik daripada semalam, dan orang yang gagal adalah orang yang hari ini lebih teruk daripada semalam. Manakala orang yang terpedaya adalah orang yang hari ini sama dengan semalam.”*

Jadi, dah lima tahun kita memerintah negeri Selangor, kita mengharapkan kerajaan negeri tergolong dalam mereka yang lebih baik daripada semalam demi memastikan perkhidmatan kita kepada rakyat dapat dilaksanakan.

Tuan Timbalan Speaker,

Selain daripada infrastruktur seperti jalan, parit, longkang.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Dah habis masa ya Seri Muda. Boleh simpulkan.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI** : Saya nak gulung. Terima kasih. Tadi banyak gangguan-gangguan. Infrastruktur seperti parit, longkang, sampah dan sebagainya. Kita juga minta supaya kerajaan negeri memperkasakan kemudahan teknologi maklumat iaitu mempertingkatkan penggunaan Internet bagi seluruh kawasan di negeri Selangor. Dan sebagai penutup, satu perkara yang menjadi persoalan kepada ramai penduduk-penduduk di sekitar kawasan Shah Alam. Kita mempunyai satu kawasan yang dinamakan Cyberjaya. Satu kawasan yang dibangunkan untuk kemudahan ICT. Apa jadi dengan kemudahan Cyberjaya yang berada dalam kawasan negeri Selangor? Pada hari ini, rakyat mempersoalkan apakah motif dan kepentingan kerajaan negeri membantu projek-projek yang berlaku di I-City? Yang ini kita mohon kerajaan negeri dapat memperjelaskannya kerana Cyberjaya ditinggalkan berhantu, tetapi I-City diberikan segala kemudahan yang nampak daripada Klang dan juga Subang Jaya. Dan akhirnya sebagai penutup Tuan Timbalan Speaker (tadi penamat, ini dah akhir).

**TUAN TIMBALAN SPEAKER : Dah banyak akhir dah tu.**

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI :** Satu yang saya nak sebut ialah berkenaan Pusat Dialisis Rakyat yang dulunya gagal. Di kawasan DUN Seri Muda ada satu Pusat Dialisis yang tak lagi berfungsi pada hari ini dan saya mohon kerajaan negeri terutamanya EXCO Kesihatan untuk mengambil alih daripada EXCO yang lama kerana sudah tiga setengah tahun bangunan itu tidak dapat digunakan bagi kegunaan merawat dialisis. Dan saya tutup dengan satu kata-kata dengan dua rangkap pantun “penggal pertama dididik keras dan dikerah, penggal kedua rakyat mohon emas dan sifat pemurah kerajaan negeri.” Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN :** Tuan Timbalan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Y.B. Seri Andalas, lepas ini kita cari wanita ya.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM :** Terima kasih Timbalan Speaker. Lepas lima tahun pertama kali saya berucap sebelah sini ya. Tuan Yang Dipertua Speaker, saya ingin menyampaikan ucapan junjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Sultan Selangor yang telah mencemar duli merasmikan sidang di Dewan yang mulia ini. Saya tak akan sentuh tentang isu 1 Malaysia ataupun *popularity vote* dan sebagainya. Saya ingat Dewan ini lebih penting digunakan untuk apa yang kita akan buat dalam lima tahun ini sebab kita pun telah dapatkan mandat dari penduduk negeri Selangor. Dengan 2/3 mandat ini, kita ada banyak kerja di hadapan kita.

Saya nak sentuh sedikit dengan perbelanjaan dana geran Selangorku untuk pembangunan infrastruktur kawasan luar bandar dan desa. Saya berharap kerajaan negeri segera menggunakan dana ini hasil simpanan tunai yang telah diberitahu baru-baru ini bawah RM2.8 billion dibelanjakan untuk kerja menaik taraf struktur di kawasan luar bandar dan desa. Memang ada banyak aduan tentang jalan-jalan, longkang dan sebagainya di seluruh negeri Selangor. Antara sebab berlaku keadaan sedemikian ialah jalan-jalan kampung ini terletak atau melalui tanah-tanah miliki persendirian tetapi telah digunakan oleh orang ramai sejak dari generasi terdahulu lagi. Lantaran itu, berlakulah perbalahan antara pihak Pejabat Tanah dan Daerah ataupun Pihak Berkuasa Tempatan tentang siapa yang harus bertanggungjawab dalam penyelenggaraan jalan-jalan tersebut disebabkan olehkekangan penggunaan dana kerajaan negeri terhadap jalan-jalan di tanah-tanah persendirian.

Oleh itu, saya mencadang agar kerajaan negeri menghapuskan kekangan ini demi kepentingan orang ramai dan seterusnya dana tersebut dapat disalurkan bagi kerja-kerja naik taraf dan penurapan jalan-jalan dan juga untuk infrastruktur di dalam kawasan-kawasan bandar dan desa. Saya terima bahawa cadangan dari kerajaan ialah bahawa dana Selangorku (geran Selangorku) itu diturunkan dan bersatu di dalam bajet negeri tahunan dan digunakan oleh EXCO-EXCO yang berkenaan untuk digunakan di seluruh negeri Selangor.

Tuan Timbalan Speaker, saya akan mencadangkan satu sebuah enakmen baru untuk EXCO PBT dan juga kepentingan rakyat keseluruhannya. Baru-baru ini saya dapat melihat, saya ingat perkara ini langsung di seluruh kawasan-kawasan di mana-mana tempat di negeri Selangor. Saya akan mencadangkan sebuah enakmen melarang minuman keras di kawasan dan tempat-tempat awam (dengan izin) *Public Drinking Enactment* diluluskan di Dewan ini dalam masa yang cepat. Ini bertujuan memberi kuasa dari segi undang-undang kepada Pihak Berkuasa Tempatan dan pihak polis untuk menguatkuasakan undang-undang melarang orang ramai meminum minuman keras (arak, bir, alkohol) secara terbuka di kawasan-kawasan awam seperti di tapak taman permainan kanak-kanak dan kawasan rekreasi, tepi padang bola sepak dan tanah-tanah lapang serta kawasan awam yang lain.

Pejabat saya telah menerima banyak aduan dari orang ramai. Kumpulan-kumpulan yang minum minuman keras di lokasi-lokasi berkenaan hingga larut malam dan kemudian meninggalkan botol-botol kosong dan juga pecah berselerakan di tempat tersebut. Keadaan ini menyebabkan kacau ganggu kepada keharmonian dan ketenteraman penduduk setempat di kawasan berhampiran apabila mereka terdedah kepada bunyi bising dari kumpulan-kumpulan tersebut dari larut malam hingga awal pagi. Keesokan harinya pula, kanak-kanak kecil yang datang untuk bermain di taman-taman permainan itu pula akan terdedah kepada botol-botol kaca yang berselerakan dan ini mengundang kepada bahaya kecederaan.

Untuk makluman Y.B. Dewan, undang-undang melarang meminum minuman keras di kawasan awam dan terbuka ini telah dikuatkuasakan di negara-negara seperti Australia, Kanada, Finland, Hungry, Norway, Poland, Sepanyol dan Amerika Syarikat. Sebagai contoh di Australia (terutama di South Australia) melalui (dengan izin) *legal licensing act 1997* di muka surat 10, *paragraph 131* melarang minum keras atau membawa minuman keras di tempat-tempat awam seperti taman rekreasi dan pantai (dengan izin) Timbalan Speaker, saya baca dalam Bahasa Inggeris:

*"Control 131 controls of consumptions on extra legal public places. A person who's in public place, consume legal or have possessions of legal in contravention of the prohibition in post by regulation is guilty of hence, maximum penalty Australian Dollar 1,250 and expiations fee 160 Dollar Australia. (No.2) a prohibition in post for the purpose of the subsection 1, (a) to a specific public place or public places of a specified kind; (b) may be absolute or conditional and (3) may operate continuously or a specified type."*

Kita patut mengikuti contoh yang baik seperti ini dan penguat kuasa ini juga mengambil kira sekiranya ada permintaan untuk minuman-minuman keras di tempat-tempat awam dan terbuka semasa mengadakan majlis-majlis persendirian. Orang ramai hendaklah terlebih dahulu mendapatkan permit kelulusan dari PBT. Dengan penguatkuasaan enakmen ini kita dapat membendung gejala-gejala sosial yang terjadi hasil daripada minuman-minuman keras di kawasan awam tersebut. Saya juga memohon pihak kerajaan negeri melarang dan mengharamkan penjualan arak-arak, *cheap alcohol liquor* ini dengan izin yang boleh diperolehi dengan mudah dan berleluasa di banyak

kedai-kedai runcit, kedai-kedai sengsem Cina dan pasar raya di seluruh negeri. Arak-arak murah ini mempunyai kadar alkohol yang begitu tinggi dan boleh merosakkan organ dalaman dan kesihatan peminumnya yang begitu membimbangkan adalah pengambilan minum ini dilakukan oleh ramai di kalangan masyarakat India yang berpendapatan rendah. Lantaran ini menimbulkan pelbagai masalah gejala sosial dan menyebabkan berlakunya banyak kes keruntuhan dan penderaan rumah tangga dengan izin *in domestic violence* di kalangan masyarakat India yang tinggal di kawasan –kawasan bandar dan luar bandar. Ketika ini kita dapat meningkatkan jenayah yang dilakukan secara tidak langsung disebabkan pengambilan arak yang tidak terkawal ini bukan sahaja di kalangan belia, malah telah pun menurunkan masuk ke sekolah-sekolah. Aktiviti gengsterisme terutamanya di kalangan belia dan juga belia India berleluasa. Vandalisme kerosakan harta benda awam juga boleh dilihat di sana sini. Baru-baru ini rumah Menteri Belia dan Sukan pun telah diceburi jenayah bukan satu persepsi sahaja tetapi ini adalah satu realiti dan Polis kena ambil tindakan. Saya minta pihak Polis lebih prihatin terhadap jenayah yang dilakukan kerana akibatnya menyebabkan risiko kepada keselamatan orang awam. Saya juga meminta izin agensi-agensi penguatkuasa yang berkaitan turut memainkan peranan yang lebih proaktif dalam menangani masalah ini. Seperti yang saya nyatakan juga akibat daripada pengambilan *cheap hard liquor* ini adalah masalah kesihatan organ dalaman seperti kerosakan hati yang boleh menjurus kepada banyak masalah kesihatan yang lain. Ini secara tidak langsung menyebabkan peningkatan kos kesihatan serta menyebabkan prestasi tenaga kerja terjejas. Justeru satu tindakan tegas perlu kita ambil. Saya mencadangkan supaya kilang-kilang yang menghasilkan dan menjualkan *cheap liquor* ini diberi masa paling lama 3 tahun untuk meluluskan operasi mereka dan kemudiannya ditutup bagi memastikan tidak ada lagi pengeluaran dan penjualan arak murah ini kepada orang ramai. Sekiranya kilang-kilang ini dibiarkan terus beroperasi begitu jugalah gejala-gejala sosial yang berkaitan akan terus menjadi-jadi.

**Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH:** Mohon mencelah.

**TUAN SPEAKER:** Bangi.

**Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH:** Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih Sri Andalas. Ucapan ini sangat saya sokong, cuma saya ingin penjelasan sama ada ucapan Sri Andalas juga akan menyentuh 2 kilang arak yang besar di Selangor ini untuk diambil tindakan atau apa-apa peraturan sesuai untuk 2 kilang ini. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Saya jelaskan bahawa saya sentuh *really hard lequor* ini ialah *lequor* murah yang berputaran besar di kalangan orang-orang miskin. Pihak berkuasa dan agensi-agensi berkaitan juga mesti terus memantau kedai-kedai yang menjual arak ini dan meletakkan garis panduan penjualannya.

Tuan Timbalan Speaker, saya pun nak sentuh sedikit yang telah dibangkit oleh Sri Muda, Pengkaji semula sistem tender dan sebut harga di PBT.

**YB TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Minta laluan.

**TUAN SPEAKER:** Taman Templer minta laluan. Seri Andalas.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih Timbalan Speaker, saya cuma nak tanya Seri Andalas, pandangan berkenaan dengan juga isu yang hampir sama iaitu penghisapan shisha secara berleluasa di restoran-restoran yang kebanyakannya dihisap oleh anak-anak muda yang mana dikhabarkan kepada kita oleh pakar-pakar kesihatan yang mengandungi lebih daripada 100 bahan kimia yang merbahaya dan dihisap dalam tempoh 45 minit menyamai 60 batang rokok. Sekarang ini berleluasa dan menjadi bahan penarik kepada kedai-kedai restoran. Saya rasa isunya lebih kurang sama dengan yang dibawa oleh Sri Andalas. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Terima kasih Templer. Memang ada satu fatwa di Perlis yang telah dikeluarkan tentang apa tu shisha ini. Saya tak berapa arif tetapi saya ingat saya bagi peluang kepada EXCO Kesihatan untuk membuat pendedahan lah.... Ya.

Pengkaji semula sistem tender dan sebut harga di PBT. Saya mencadangkan agar kita mengkaji semula mekanisme yang dilaksanakan di banyak PBT. Pertama kali mengenai harga terendah. Memang pada dasarnya pendekatan mendapatkan harga terendah, menguntungkan kerajaan. Tetapi apa yang berlaku adalah harga terendah tersebut juga menghasilkan kualiti kerja dan produk yang terendah tidak sepadan dengan nilai terbaik dengan hormat *value for money* terhadap wang yang dibelanjakan. Apa yang terjadi ialah disebabkan amalan sistem harga terendah ini telah menyebabkan hasil kerajaan tidak memuaskan kerana dalam banyak kerja-kerja pembersihan kawasan contohnya di dalam pakej kerja ianya tidak termasuk kerja-kerja perkhidmatan dan penyelenggaraan seterusnya.

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat Seri Andalas ada satu minit lagi.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM :** Satu minit

**TUAN SPEAKER :** Ambil masa celahan.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM :** Ada 20 page ini. O.K.lah sebab itu saya minta kerajaan untuk kaji balik. Saya terima yang proses sistem tender dan sebut harga itu kita kena dapat yang terendah tetapi we kualiti tu mesti ada dan inilah aduan yang telah saya ingat ramai dari ADUN-ADUN terima di dalam kawasan, kualiti dia tidak macam dulu kalau dia kena gunakan 10 orang pekerja di dalam satu kawasan sekarang dia gunakan 5 pekerja sahaja dan itu menjatuhkan kualiti yang kita nampak. Akhir sekali satu minit Timbalan Speaker, saya kena sentuh sedikit dengan projek pencegahan dan tebatan banjir di Klang terutama sekali di DUN Seri Andalas. Saya harap kerajaan negeri segera melaksanakan projek tersebut bernilai RM5.3 juta yang telah diluluskan tahun lepas di 3 kawasan tадahan di Sungai Telok Gadong, Sungai Arau dan juga Sungai Plong di Klang. Selain dari itu saya mohon

kerajaan negeri untuk menyegerakan pembinaan sebuah kolam takungan di Taman Botanic yang dibina dengan usaha sama syarikat Harum Intisari anak syarikat kepada MMC Gamuda dan pihak Majlis Perbandaran Klang yang sepatutnya siap pada penghujung bulan Julai ini. Projek ini masih lagi belum berjalan walaupun majlis pecah tanah kolam takungan telah dirasmikan oleh Dato' Menteri Besar pada 18hb yang lepas. Kerajaan negeri hendaklah menyarankan supaya pihak Majlis Perbandaran Klang memberi keutamaan kepada projek ini supaya masalah banjir di dalam kawasan berkenaan dapat diatasi segera. Saya juga mencadang agar pihak kerajaan negeri mengambil beberapa keping tanah persendirian yang telah dikenal pasti di Batu Empat dan Taman Sentosa di dalam DUN Seri Andalas bagi pembinaan kolam-kolam tадahan. Tempat-tempat yang dikenal pasti ini adalah pertama di kawasan di Simpang Empat di hadapan KFC Taman Sentosa, Kedua di Batu Empat kawasan seluas 5 ekar berdekatan dengan Sekolah Jenis Tamil Batu Empat dan ketiga ialah kawasan seluas 5 ekar di Alam Impian.

**TUAN SPEAKER:** Ini ayat terakhir Sri Andalas.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Saya harap kerajaan akan ambil tanah ini dan kerjasama dengan Majlis Perbandaran Klang dan juga Majlis Bandaraya Shah Alam akan terus adakan kertas kerja yang akan disampaikan ke MTES untuk ambil keputusan. Dengan ini saya sekali lagi berharap kerajaan negeri akan mengambil tindakan proaktif terhadap isu-isu ini yang telah saya bangkitkan. Terima kasih saya ucapan kepada Tuan Speaker dan saya akhiri dengan sokongan saya terhadap Titah Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Sultan Selangor. Terima kasih.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Tuan Timbalan Speaker,

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Damansara Utama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Terima kasih Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada Damansara Utama untuk turut serta menyokong usul menjunjung kasih Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Selangor pada 28 Jun 2013. Salam sejahtera diucapkan kepada YB-YB EXCO, Yang Berhormat - Yang Berhormat sekalian salam reformasi dan salam ubah. Tuan Speaker, Selangor merupakan negeri yang paling kaya di Malaysia. Yang Menyumbangkan hampir 1/4 KDNK Malaysia. Kita juga mempunyai kadar penduduk yang paling ramai di Malaysia iaitu sebanyak 5.46 juta penduduk. Komposisi etnik Selangor di mana 51% Melayu, 26% China dan 13% India juga cerminkan etnik yang terdapat di Malaysia di mana Melayu, China dan India masing-masing 50%, 23% dan 7% masing-masing. Dengan itu pentadbiran Selangor sebenarnya merupakan satu projek perintis bagi Kerajaan Pakatan Rakyat dalam mempersiapkan diri untuk mentadbir di Putrajaya bagi menggantikan kerajaan minoriti di Putrajaya pada masa akan datang.

Tuan Speaker, di sini saya ingin menyentuh isu jenayah yang semakin menjadi kebimbangan kebanyakan penduduk di Damansara Utama dan seluruh Lembah Klang.

Baru-baru ini terapat banyak restoran dan kedai dirompak di Petaling Jaya tanpa mengira waktu siang atau malam. 2 hari dahulu rumah Khairy Jamaluddin, Menteri Belia dan Sukan juga dirompak. Untuk kali yang pertama kita dengar daripada Barisan Nasional bahawa masalah jenayah bukan semata-mata persepsi. Saya ingin mengetengahkan isu ini di Dewan Yang Mulia ini dengan harapan agar kerajaan negeri boleh mengambil inisiatif serta merta untuk melindungi penduduk Selangor di Lembah Klang walaupun ini keselamatan di bawah kuasa Kerajaan Persekutuan.

Tuan Speaker, secara keseluruhannya kadar nisbah Polis dengan penduduk di Selangor bersamaan dengan 1 ke 500. Nisbah ini adalah 2 kali ganda daripada piawaian antarabangsa yang disyorkan oleh Interpol iaitu nisbah standard yang bersamaan 1 ke 250. Dalam erti kata lain setiap Polis di Selangor kena jaga 2 kali ganda penduduk berbanding dengan standard antarabangsa. Kekurangan Polis yang begitu ketara ini merupakan salah satu faktor yang besar yang menyebabkan kadar jenayah berleluasa.

Tuan Speaker, ini bukan kerana negara kita tidak mempunyai anggota Polis yang mencukupi. Secara keseluruhannya kita mempunyai di Malaysia kita mempunyai jumlah anggota Polis 110,000 anggota Polis di Malaysia. Nisbah polis dengan penduduk Malaysia ialah 1 ke 270. Tetapi di Selangor nisbahnya ialah 1 ke 500. Ini jelas bahawa pembahagian Polis di Selangor adalah amat tidak adil. Namun demikian, saya mendesak kerajaan negeri agar boleh berdiri teguh dan memberi tekanan besar kepada Ketua Polis Negara serta kerajaan dalam negeri supaya lebih ramai anggota Polis dapat disalurkan ke Selangor. Sekurang-kurangnya kita kena mencapai nisbah purata negara iaitu 1 ke 270 bagi menjamin keselamatan rakyat di Selangor.

Tuan Speaker, sejak tahun 2009 peruntukan dana untuk Polis Bantuan disediakan oleh kerajaan negeri kepada PBT-PBT. Akan tetapi kesemua permohonan untuk Polis Bantuan daripada PBT telah ditolak dan dana ini sekarang disalurkan untuk Polis Komuniti. Hakikatnya rakyat Selangor terutamanya mereka yang tinggal di Lembah Kelang kami memerlukan lebih banyak polis untuk menjaga keselamatan kami. Oleh sebab itu MBPJ telah memohon polis bantuan sejak 2009 sebanyak tiga kali. Dan sampai sekarang kita tidak mendapat kelulusan.

Puan Speaker, sekarang terdapat 123 agensi pentadbiran yang menggunakan polis bantuan. GLC seperti Telekom, Tenaga dan PETRONAS serta syarikat swasta lain Astro, PLUS, Puncak Niaga dan juga tidak dikecualikan Utusan Melayu dibenarkan mempunyai polis bantuan mereka sendiri, tetapi PBT di bawah Pakatan Rakyat tidak dibenarkan. Pemaju-pemaju seperti SP Setia dan Sunway serta pusat membeli belah boleh mempunyai polis bantuan sendiri tetapi PBT di bawah Pakatan Rakyat tidak boleh. Yang paling mengecewakan ialah Majlis Bandaraya Johor Bahru dan Majlis Bandaraya Melaka di bawah pentadbiran Barisan Nasional boleh mempunyai polis bantuan sendiri PBT di negeri Pakatan Rakyat tidak boleh. Ini jelas menunjukkan *double standard* dengan izin Kerajaan Pusat dengan isu permohonan polis bantuan dan mereka memberi lebih kepentingan agenda politik daripada keselamatan rakyat.

Puan Speaker, di sini saya ingin menjemput kerajaan negeri serta YB Yang Berhormat Yang Berhormat di dewan yang mulia ini untuk menyokong petisyen yang kami akan adakan iaitu petisyen seratus ribu tandatangan untuk menuntut Ketua Polis Negara dan Kementerian Dalam Negeri untuk meluluskan permohonan polis bantuan daripada MBPJ dan semua PBT di bawah Pakatan Rakyat. Saya ingin terutamanya menjemput YB-YB. Pembangkang untuk turut serta sokong petisyen ini untuk membuktikan bahawa slogan Barisan Nasional Rakyat Di Dahulukan bukan slogan kosong. Saya harap YB-YB daripada Barisan Nasional di dewan yang mulia ini akan turut bersama menekan Kerajaan Pusat supaya mengutamakan keselamatan rakyat Selangor daripada agenda-agenda politik.

Sekarang saya ingin mengalihkan perhatian semua kepada kejadian banjir kilat yang sering memberi masalah kepada penduduk di Damansara Utama dan kawasan-kawasan lain di sekitar Selangor. Di sini saya ingin menyeru Kerajaan Selangor untuk memberi perhatian sewajarnya untuk menyelesaikan masalah banjir kilat bagi penduduk-penduduk Kampung Cempaka Jalan PJU 1. Menurut rekod dari MBPJ dalam tempoh tiga belas tahun sudah berlaku sebanyak sepuluh banjir kilat di kawasan yang sama ini. Apabila saya turun melawat mangsa banjir kilat baru-baru ini, komen-komen yang saya dapat amat mengecewakan. Mereka berkata sudah biasalah dengan keadaan macam ini. Saya berharap kerajaan negeri dan JPS Selangor boleh mengambil langkah yang berpatutan dan membuktikan kepada rakyat di Kampung Cempaka bahawa bencana yang boleh dielakkan tidak sepatutnya dianggap sebagai nasib mereka di bawah Kerajaan Pakatan Rakyat.

Puan Speaker, perluasan sungai bukan sahaja untuk mengelakkan banjir kilat. Ia juga berkait dengan keselamatan penduduk yang tinggal di bangunan-bangunan di tepi tebing sungai. Di Damansara Utama keruntuhan sebahagian tebing Sungai Pencala dan Sungai Kayu Ara telah menyebabkan kelemahan struktur bangunan di atas tebing sungai. Di sini saya ada satu gambar yang menunjukkan betapa membahayakan kehakisan tebing sungai di sini. Ini adalah bangunan di atas tebing sungai, inilah kehakisan tebing sungai. Oleh itu saya berharap kerajaan negeri dan JPS Selangor boleh sekali lagi mengambil berat tentang pengurusan tebing sungai di Damansara Utama iaitu Sungai Kayu Ara dan Sungai Penchala supaya rakyat di Damansara Utama yang tinggal berhampiran tebing sungai boleh hidup dengan aman dan selamat.

Puan Speaker, banjir kilat juga ada berkaitan dengan pengurusan perparitan. Menurut laporan saya laporan yang saya memperolehi daripada MBPJ minggu lepas, sementara kita MBPJ perlu membaiki sebanyak dua puluh peratus daripada keseluruhan panjang dua ribu tiga ratus kilometer parit setiap tahun, kita hanya mampu memperbaiki 2.5% sahaja kerana kita tidak ada peruntukan yang mencukupi. Dalam *report* yang sama menjelang akhir tahun ini hampir 800 kilometer daripada 2300 kilometer parit.

**TUAN SPEAKER:** Damansara Utama, Kg. Tunku minta mencelah.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Saya ingin bertanya kepada Y.B. Damansara Utama sama ada mungkin ke tidak Y.B. Damansara bersetuju dengan saya kalau dibenarkan kerajaan negeri menubuhkan satu tabung khas yang diturunkan kepada PBT dan kita tubuhkan kalau dulu ada *road gang* kita tubuhkan parit geng untuk selesaikan masalah ini.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Saya amat setuju, sebab, sebab ini bukan , ini bukan *problem* dengan izin yang kecil dari statistik yang saya dapati menjelang hujung tahun ini 800 kilometer daripada 2300 kilometer parit di Petaling Jaya akan berada dalam keadaan yang buruk. Itu satu pertiga parit di Petaling Jaya dan Petaling Jaya itu memang bandar raya, so statistik ini tidak mengejutkan kerana saya menerima banyak aduan mengenai struktur longkang yang runtuh, longkang yang sumbat dan lain-lain. Dengan itu saya menggesa agar kerajaan negeri dapat meningkatkan peruntukan penyelenggaraan saliran kepada MBPJ serta PBT-PBT lain yang memerlukan peruntukan tersebut. Selain daripada isu jenayah dan banjir kilat, kesesakan Bandar juga merupakan satu fenomena yang menyusahkan penduduk di Damansara Utama dan Lembah Klang. Sistem pengangkutan awam di Lembah Klang perlu di perbaiki. Walau pun ini di bawah bidang kuasa kerajaan negeri tetapi saya mencadangkan agar kerajaan negeri dapat meneliti inisiatif yang mampu di bayai oleh kerajaan negeri untuk membaiki sistem pengangkutan awam di Lembah Klang. Contohnya perkhidmatan bas mini yang menghubungkan Mising Link dengan izin di jaring dengan pengangkutan awam yang sedia ada. Jika Kerajaan Negeri ingin memulakan projek perintis pengangkutan awam saya mengalu-alukan projek perintis ini di buat di Damansara Utama, pejabat saya akan sokong seratus peratus. Keberkesanan projek perintis ini boleh dijadikan panduan untuk mendesak Kerajaan Persekutuan untuk melakukan inisiatif yang sama di kawasan-kawasan lain dengan dana persekutuan untuk memanfaatkan semua rakyat Selangor yang tinggal di Lembah Klang. Isu yang berkenaan dengan pengangkutan awam untuk penduduk di Taman Damansara Utama adalah juga kekurangan tempat letak kereta di stesen LRT khususnya saya berharap Pejabat Tanah boleh mempercepatkan permohonan TOL oleh MBPJ untuk pembinaan tempat letak kereta bertingkat di stesen LRT Kelana Jaya dan stesen LRT Taman Bahagia.

Puan Speaker, dari segi *good governance* seperti yang diharapkan dititahkan oleh Duli Yang Mulia saya ingin menyentuh sedikit atas pelaksanaan enakmen kebebasan maklumat 2010. Melalui enakmen ini seorang pegawai maklumat diberikan tugas untuk bertanggung jawab kepada setiap jabatan dan dia perlu memberi maklum balas kepada permintaan FOI. Semalam saya telah mendapat jawapan dari YB EXCO Bandar Utama bahawa 41 pegawai maklumat telah dilantik pada 5 hari bulan Mac 2013. Walau bagaimana pun pejabat saya telah menghubungi 12 PBT tetapi kami gagal menghubungi pegawai maklumat yang dipertanggungjawabkan. Sering kali pembantu saya kena tunggu lama di telefon *line* sebab kakitangan-kakitangan PBT tidak tahu siapa pegawai maklumat FOI ini. Di samping itu kami sudah memeriksa semua laman web PBT dan mendapati bahawa tidak mempunyai apa-apa maklumat berkaitan enakmen kebebasan maklumat 2010 apatah lagi cara perhubungan pegawai maklumat.

Puan Speaker, saya ingin menggesa Kerajaan Negeri supaya pegawai maklumat FOI boleh dihubungi dengan lebih senang oleh orang awam. Selain itu saya cadangkan agar kerajaan negeri boleh melakukan kempen kesedaran sekali lagi supaya orang ramai sedar akan ujudnya enakmen kebebasan maklumat ini. Enakmen ini hanya akan berkesan jika orang ramai tahu akan enakmen ini dan pegawai maklumat boleh dihubungi. Dengan itu orang awam boleh berfungsi sebagai mata dan telinga pentadbiran kerajaan Selangor, supaya kerajaan negeri boleh terus mentadbir dengan telus dan akauntabiliti.

**TUAN SPEAKER:** Damansara Utama, 30 saat lagi.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN :** Oh.... Saya perlu satu minit lagi untuk. Puan Speaker saya menyokong cadangan YB Sekinchan supaya Kerajaan Negeri pertimbangan untuk menaik taraf Ketua Pembangkang Selangor. Sebenarnya di negara-negara berdemokrasi yang matang seperti di UK dan Kanada, Ketua Pembangkang Parlimen mendapat gaji, elaun dan kebajikan yang setaraf dengan menteri-menteri. Dengan itu saya mencadangkan bahawa kerajaan negeri Selangor boleh memberi pelayanan yang sama kepada Ketua Pembangkang supaya setaraf dengan EXCO. Reformasi Parlimen bermula dari Dewan Negeri Selangor. Kita kena ubah demokrasi Malaysia. Kalau kerajaan Selangor boleh berbuat demikian dia boleh mencipta satu sejarah lagi dan membawa demokrasi Malaysia ke tahap yang lebih tinggi lagi. Puan Speaker, cadangan terakhir perbahasan Damansara Utama di dewan yang mulia ini ialah saya bercadang bahawa Kerajaan Negeri untuk menubuhkan sebuah institut penyelidikan dasar dan program negeri yang tugasnya adalah untuk mengkaji dasar-dasar dan program-program yang dilaksanakan atau bakal dilaksanakan secara sistematis dan mengikut cara kajian saintifik. Institut ini akan menilai dasar-dasar dan program-program dari semasa ke semasa berdasarkan *Key Performance Indicator* KPI dengan izin iaitu petunjuk prestasi utama yang dikira secara empirikal dan memberi cadangan dasar atau program berdasarkan fakta-fakta dan angka-angka hasil daripada analisis dan bukannya semata-matanya berdasarkan elemen politik. Saya percaya institut penyelidikan dasar dan program negeri adalah langkah pertama kerajaan negeri ke arah polisi dasar dan program yang setaraf dengan negara maju untuk menjamin kemajuan, kemakmuran dan keselamatan rakyat di negeri yang dikasih ini. Dengan ini Damansara Utama menyokong usul titah ucapan Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Selangor. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Tunggu sekejap ya, ada ADUN Pembangkang nak bahas. O.k. saya bagi ruang Dengkil.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Terima kasih Puan Speaker, *Assalamualaikum WBK*. salam sejahtera, salam satu Malaysia. Terlebih dahulu Dengkil ingin mengucapkan terima kasih dan memohon izin untuk mengambil bahagian dalam perbahasan menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor sempena pembukaan dewan yang mulia ini pada 28 Jun 2013 seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Bukit Antarabangsa.

Puan Speaker, saya ingin menyentuh berkenaan dengan alam sekitar. Alam sekitar ini adalah sumber kehidupan dan kurniaan Allah untuk kita tinggal dan hidup sempurna dari generasi lampau kini sehingga generasi seterusnya. Kerosakan yang berlaku di muka bumi adalah akibat perbuatan manusia sendiri. Manusia rakus dan melampau-lampau. Firman Allah SWT dalam surah Ar-Rum ayat 41 yang bermaksud, telah timbul pelbagai kerosakan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia. Timbulnya yang demikian kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan supaya mereka kembali insaf dan bertaubat. Justeru itu saya mengingatkan semua untuk kita menilai kembali sebarang semua perkara yang berlaku mengakibatkan soal pencemaran sama ada di darat, di air, di udara dan persekitaran kita di Selangor ini mungkin oleh sikap kita sendiri ataupun manusia-manusia lain. Jaga alam sekitar bukan semata-mata supaya tiada pencemaran agar hidup selesa sihat dan selamat. Tetapi juga menjaga sumber-sumber alam ini misalnya dengan melombong ataupun mengguna bahan-bahan galian bumi secara berhemah dan berhemat agar mampan, lestari dan sekadar keperluan.

Puan Speaker, Saya ingin mengaitkan hal menjaga sumber-sumber galian ini agar mampan dengan industri pasir kita. Bermula 2008 Selangor telah isytihar bahawa pasir sebagai hasil utama negeri, zaman Barisan Nasional dahulu pasir bukan hasil utama maka itu telah dilantik anak syarikat Kerajaan Negeri Kumpulan Semesta Sdn Bhd sebagai pengeluar pasir yang utama ataupun satu-satunya pengeluar pasir di dalam negeri Selangor ini.

Namun begitu adakah? berbaloi dengan nilai yang kita dapat berbanding dengan sumber alam yang kita keluarkan, kita dan seluruh rakyat Selangor tidak pernah lupa akan janji Y.A.B. Dato' Menteri Besar sewaktu ucapan bajet 2009, pada mesyuarat DUN untuk menghasilkan hasil pasir berjumlah RM150 juta setahun, namun datanya amat memerlukan apabila untuk sebelum cukai KSSB yang mula beroperasi September, 2008 hingga sebahagian 2012 jumlahnya hanya mencapai 50,691,667.

**TUAN SPEAKER** : *Thank you Batu Caves minta mencelah.*

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Silakan.

**Y.B. TUAN AMIRUDDIN BIN SHARI** : Terima kasih saya nak minta pandangan sedikit daripada Dengkil, pertamanya bila disebut pasir sebagai hasil utama, Dengkil perlu menyemak balik data pasir ataupun bahan galian kalau untuk rekod 2010 menyumbang kepada KDNK Negeri hanyalah 1%, 1% itu jauh daripada kadar yang utama, itu yang pertama, yang keduanya bila menyebutkan hanya menyumbangkan RM50 juta sedarkah? Dengkil sewaktu zaman pemerintahan Barisan Nasional nilai yang dapat cuma 4 juta setahun, ada RM3.8 ada RM2 juta, ha jadi RM2 juta dengan RM50 juta ni mana satu yang lebih tinggi. Dengkil, terima kasih.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF :** Minta maaf Yang Berhormat Batu Caves, minta maaf Yang Berhormat, dulu pada masa zaman Barisan Nasional memang kita tidak jadikan pasir ini sebagai hasil utama ataupun sebagai program seperti mana yang disebut oleh kerajaan negeri Selangor sekarang ini, program merakyatkan ekonomi Selangor, tetapi hari ini kita telah dapati walaupun dulu hasilnya seperti yang disebut oleh Yang Berhormat tadi hanya RM4 juta, tetapi ianya bukan merupakan program yang utama, yang saya maksudkan di sini ialah janji ..

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Ingin mencelah..

**TUAN SPEAKER :** Dengkil. Berikan atau tidak..

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF :** Silakan.

**TUAN SPEAKER :** Sekinchan. Silakan..

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima Kasih Puan Speaker, Yang Berhormat Dengkil, saya nak minta penjelasan soal pasir sebagai pendapatan utama, hasil utama, sebentar tadi Yang Berhormat Batu Caves dah cakap, dah beritahu 1% sahaja dalam KDNK maknanya itu bukan utama , itu yang satu yang kedua kenapa ketika dalam zaman Barisan Nasional hasil pasir RM4 juta, lebih kurang RM3.8 juta kenapa begitu, walaupun dia bukan hasil utama kenapa hanya RM3 juta, RM4 juta ini adakah? Yang Berhormat mengakui bahawa pada ketika itu ujudnya berbagai masalah curi pasir, sapu pasir ketua cawangannya, ketua bahagiannya semua terlibat dalam sapu pasir, untuk hasil sendiri tak masuk hasil kerajaan, sapu pasir jadi sapu sendiri. Pasir itu royltinya tak masuk ke kerajaan, sekarang zaman Pakatan Rakyat di bawah Semesta hasilnya masuk ke kerajaan, ini perbezaan kena Yang Berhormat daripada Dengkil kena akui bahawa dulu lebih teruk sekarang lebih baik. Ha ini kena akui, terima kasih.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF :** Terima kasih Sekinchan, tetapi Kerajaan Barisan Nasional tidak pernah berjanji menyatakan hasil pasir berjumlah RM150 juta bagaimana pula pendapatan ini telah pun di dalam DUN sendiri di dalam Dewan yang mulia ini, pada Julai 2011.

**TUAN SPEAKER :** Dengkil, Tanjong Sepat minta mencelah.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF :** Terima kasih, jiran saya

**Y.B. TUAN IR. HJ MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN :** Terima kasih Dengkil, Tanjong Sepat ingin bertanya dan kepastian kepada Dengkil, adakah? Dengkil bersetuju bahawa Kerajaan Selangor sekarang ini telah pun menggunakan hasil pasir itu kepada rakyat, sedangkan pada masa dahulu masa zaman BN hasil pasir itu adalah untuk kepentingan dan kekayaan individu itu sendiri, terima kasih.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF :** Terima kasih Tanjong Sepat, saya ingin menyatakan jumlah besar kalau YAB. Dato' Menteri Besar mengatakan RM150 juta,

tetapi hasil pasir RM50 juta lebih banyak rakyat yang boleh kita bantu kalau jumlah hasil yang kita dapat RM150 juta setahun, boleh saya teruskan, Puan Speaker,

**TUAN SPEAKER** : Dengkil nak benarkan atau tidak.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Saya teruskan lah..

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Pendek sahaja, pendek sahaja

**TUAN SPEAKER** : Kampung Tunku minta duduk. Dengkil tak benarkan Kampung Tunku, minta duduk

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Apa sudah jadi dengan janji pada 2008, padahal catatan penyata *hansard* Dewan pada 20 Oktober 2008 muka 44 jelas menyatakan ucapan bajet Menteri Besar seperti berikut:-

Perlu ditegaskan Kerajaan Negeri perlu menggunakan pendekatan untuk tidak menggunakan permit kepada syarikat-syarikat lain dan individu, sebaliknya memberi peluang kepada KSSB melaksanakan operasi pasir di tanah kerajaan, langkah ini juga mampu meningkatkan hasil Kerajaan berlipat-lipat ganda dijangkakan RM150 juta tahun hadapan di samping membendung aktiviti-aktiviti negatif seperti aktiviti mencuri pasir yang semakin berleluasa kini, jelas janji itu jana pendapatan RM150 juta setahun ini dalam *hansard* dalam *hansard*, kemudian

**TUAN SPEAKER** : Dengkil, Sungai Pinang.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Terima kasih Puan Speaker, ha, saya setuju dengan rakan bijaksana saya dari Dengkil yang menyatakan memetik catatan dalam *hansard* dalam penyata tapi beliau juga harus melihat penyata yang telah pun dibentangkan ke dewan ini oleh Jawatankuasa SELCAT di mana di dalam penyataan tersebut ada saksi daripada kerajaan pada masa itu pada tahun 2012 telah pun membetulkan angka tersebut, menyatakan angka tersebut ada satu angka silap, jadi saya berharap Yang Berhormat Dengkil juga melihat kepada penyata SELCAT yang telah pun mengadakan pendengaran awam mendapatkan segala gambaran yang betul dan pada masa yang sama sepanjang 2 tahun SELCAT menjalankan pendengaran awam tidak ada seorang pun saksi daripada mana-mana pihak yang tampil ke hadapan mengatakan ada bukti ada penyelewengan dalam perlombongan pasir ini, saya berharap fakta itu diambil kira.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Terima kasih ha, Yang Berhormat Sungai Pinang. Tetapi apa yang saya nyatakan di sini, walaupun telah dibentangkan di dalam SELCAT dan sebagainya tetapi pada awal rancangan menubuhkan KSSB ini, Yang Amat Berhormat Menteri Besar menyatakan, menyatakan jumlah hasil kutipan pasir ialah 150 juta setahun, kemudian ditarik balik, tak mengapaalah orang kata terlajak perahu boleh undur, terlajak kata saya serahkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Industri pasir, kesesakan alam sekitar, KSSB itu teruja untuk mengorek hasil pasir telah mengakibatkan kawah yang sangat besar di negeri Selangor dan rupa bumi negeri Selangor, negeri Selangor Darul Ehsan ini berlubang di sana sini kerana pasirnya telah dikorek antara yang berlaku sejak 5 tahun yang lalu satu lombong pasir bersaiz 3 kali padang bola sepak.

**TUAN SPEAKER** : Dengkil, Sekinchan minta mencelah.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Nanti saya habiskan dulu Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Ha, nak habis dulu..

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Sekejap saya nak habiskan dulu, saya lombong pasir 3 kali padang bola sepak ditemui di Pejabat Tanah Hulu Selangor berhampiran SKC Kampung Timah Bukit Beruntung, kemudian di kawasan saya sendiri kawasan Dengkil lombong pasir di Olak Lempit bersebelahan Paya Indah Wetlands yang besar umpama kawah gunung berapi amat mengejutkan pencinta alam. Apa status kesan alam sekitar di Wetlands sejak itu sehingga sekarang. Kemudian,

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Puan Speaker minta penjelasan

**TUAN SPEAKER** : Dengkil.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Silakan Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Terima kasih akhirnya dapat juga, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, sebenarnya kes yang dibawa oleh Yang Berhormat itu telah di bawa dan telah pun diambil tindakan oleh Pejabat Tanah dan Daerah ada tindakan yang diambil oleh kerajaan pada ketika itu, kenapa ini dibangkitkan pula, seolah-olah mencerminkan kerajaan tidak melakukan sesuatu, lagipun semua lombong yang diusahakan oleh KSSB perlu diluluskan EIA oleh Jabatan Alam Sekitar yang beribu pejabat di Putrajaya, jadi Yang Berhormat saya ingin bertanya adakah? Yang Berhormat menggunakan fakta yang benar membahas di dalam dewan ini, kalau tidak yang elok Yang Berhormat semak semula.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Terima kasih Kampung Tunku, jawapan saya selepas ini ialah kesan terhadap Alam Sekitar selepas lombong pasir dan hasil pasir telah diambil apakah yang terjadi dengan ekosistem contohnya di Olak Lempit sendiri setelah habis hasil pasir apa yang saya fahamkan

**TUAN SPEAKER** : Tunggu sekejap ya, Dengkil dan Sekinchan minta duduk dulu saya nak sambung masa. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, waktu menghampiri 4.30 petang, oleh sebab urusan Dewan ini masih panjang makan Dewan pada hari ini perlu

disambung. Saya mempersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk membawakan Usul.

**YAB DATO' MENTERI BESAR :** Puan Speaker, dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut:-

Bahwasanya Dewan yang bersidang pada hari ini, mengikut peraturan sebelas dalam peraturan tetap dewan Negeri Selangor hendaklah disambung sehingga jam 6.00 petang.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Puan Speaker saya menyokong.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk mendapat persetujuan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA.. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Usul ini dipersetujui. Dengkil boleh sambung.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Terima kasih, Puan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Dengkil, Sekinchan minta penjelasan, saya akan beri masa tambahan untuk Dengkil.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima Kasih Puan Speaker dan Terima kasih kerana diberikan peluang sekali lagi rakan saya daripada Dengkil, saya cuma nak minta penjelasan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dengkil tentang lubang, lubang pasir berlubang dan sebagainya kalau mengikut fakta yang saya dapat itu dibuat pada zaman Barisan Nasional, perlombongan itu pernah dibangkitkan dalam sidang Dewan tersebut, waktu itu pun ini adalah Barisan Nasional perlombongan ini sudah dilakukan, lubang yang dilakukan itu cukup besar, tetapi ini dibangkitkan di Dewan oleh Yang Berhormat Dengkil pula. Ini zaman Barisan Nasional, kena betulkan fakta.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF :** Terima kasih Sekinchan, berkenaan dengan lombong-lombong yang berlompang lamping ini saya ingin menyatakan di sini jawapan saya pada Sekinchan tadi ialah kesan daripada hasil daripada perlombongan pasir ini, setelah habis pasir diambil dari kawasan itu, akibat daripada kesan daripada ekosistem yang berlaku adalah saya difahamkan juga ia dijadikan pelupusan sampah dan juga kadar nilai tanah di kawasan tersebut juga menjadi rendah tak boleh nak buat apa nak buat pertanian pun asidnya tinggi, pun nak buat pembangunan apatah lagi, boleh saya teruskan lagi Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Minta, minta laluan sikit.

**TUAN SPEAKER :** Dengkil nak beri atau tidak?

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF :** Saya, saya teruskan.

**TUAN SPEAKER** : Nak teruskan.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Hah...

**TUAN SPEAKER** : Sri Muda pun minta duduk, Dengkil nak teruskan.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Silakan Sri Muda.

**TUAN SPEAKER** : Hah, Dengkil nak benarkan Sri Muda tapi tak benarkan Sekinchan. Ok Sri Muda.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SAFIEI** : Terima kasih Puan Speaker, terima kasih Dengkil. Saya dengar daripada tadi Dengkil cuba untuk jadi hero baru dalam dewan ini. Cuba untuk menuduh kerajaan negeri dengan unjuran. Ini tadi pun disebut jangkaan dan unjuran. Perkara itu sudah pun dibetulkan. Perkara ini sebenarnya cuba diambil alih tugas jadi hero Batang Kali dulu. Cuba diambil alih oleh Dengkil. Saya nak mengingatkan Dengkil sebelum saya mengemukakan soalan perbaiki dan teliti dulu apa yang dibincangkan sejak 2008 sehingga sekarang. Kalau nak kemukakan persoalan, nak kemukakan boleh bentangkan tetapi semak dulu faktanya kerana apa yang disebut ini dah berpuluh-puluh kali dibangkitkan. Dan perkara ini sudah dijawab dengan jelas oleh kerajaan negeri. Jadi Dengkil jangan jadi hero baru menggunakan isu lama. Gunakan perkara yang baru isu yang baru kerana saya nak jelaskan lombong yang berlompong-lompong yang saya pernah sebut dengan Batang Kali dulu, lombong ini dah ditinggalkan zaman pemerintahan Barisan Nasional. Kami cuma ambil alih untuk memperbaikinya. Tak perlu tunggu Dato' Menteri Besar jelaskan saya jelaskan sekarang (dewan ketawa) supaya Dengkil betul-betul faham dan tak timbul lagi kerana perkara ini dah banyak kali kita buang masa asyik pasir, pasir, pasir. Kuala Kubu yang cerita fasal pasir dulu pun sekarang dah bungkus. Batang Kali cerita fasal pasir pun hari ini ada. Itu yang dulu bukan Kuala Kubu yang sekarang, pun tak ada.

Jadi isu ini tolonglah, kita dalam dewan ini kita nak membincangkan perkara yang baik. Tanyakan tentang pelan pembangunannya, tanyakan apa jadi dengan lombong kita boleh jawab. Saya akan bagi penerangan kepada Dato' Menteri Besar melalui KSSB bagikan pelan perancangan kesan melombong yang ditinggalkan oleh zaman UMNO dan Barisan Nasional dulu. Itu yang patut kita selesaikan bukan isu yang 2008 sehingga sekarang kerana yang kita korek hari ini jauh lebih kecil daripada dulu pendapatannya jauh lebih besar daripada zaman Barisan Nasional (dewan menepuk meja).

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Terima kasih Sri Muda. Oh nampak pakar pasir pun dah marah ye. Saya sebenarnya nak mengaitkan pasir ini dengan alam sekitar untuk penambahbaikan untuk rakyat juga. Kita nak tahu, kita nak tahu Ahli-ahli Yang Berhormat ini ramai yang baru Sri Muda termasuk saya. Apa salahnya kita bangkitkan sekali lagikan, ramai hampir separuh daripada dewan ini Ahli-ahli Berhormat baru. Saya tak bagi laluan lagi saya nak teruskan.

**TUAN SPEAKER** : Dengkil nak berikan laluan Sri Muda?

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Saya nak teruskan, duduk dulu Sri Muda.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SAFIEI** : Kalau boleh baca *hansard* 2008, bacalah yang baru ini juga.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Saya teruskan.

**TUAN SPEAKER** : Baik Dengkil.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Kebimbangan kita diteruskan dengan masalah kecurian pasir. Salah satu daripada matlamat utama, matlamat utama kita menubuhkan KSSB ini bukan kita ye, kerajaan negeri menubuhkan KSSB ini ialah untuk menjaga atau pun memberikan supaya kecurian pasir ini dapat dibendung. Memang tidak dapat dinafikan pemantauan, penguatkuasaan oleh PBT dan sebagainya memang telah dapat membendung kecurian-kecurian pasir ini. Saya difahamkan sehingga awal 2012, 102 kes kena kompaun dan berjaya mengutip RM1,271,751 juta, tahniah saya nak ucapkan kepada PBT. Tolong tepuk sikit Sekinchan, kita nak ucap tahniah kepada penguatkuasaan yang telah dilakukan. Tapi kita nak perkasakan lagi sebab ada kecurian-kecurian ini berlaku lagi. Yang Berhormat Puan Speaker kecurian-kecurian pasir ini juga kita tidak nafikan menyebabkan banjir kilat seperti yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat Damansara Utama berkenaan gambar banjir kilat. Antara faktor penyumbangnya ialah disebabkan oleh kecurian pasir ini apa yang berlaku bila pencuri-pencuri pasir ini ....

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Minta penjelasan.

**TUAN SPEAKER** : Dengkil, Kampung Tunku minta mencelah.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Saya terperanjat dengan hujah daripada Yang Berhormat Dengkil kerana apa yang dibangkitkan oleh Damansara Utama ialah pasir itu, banjir kilat itu disebabkan oleh parit atau pun Sungai Kayu Ara yang tidak dikorek bukannya curi pasir.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Saya belum habis lagi Kampung Tunku. Ianya disebabkan oleh ban yang pecah, benteng yang pecah sebabkan pencuri-pencuri pasir ini dia tak kisah. Benteng yang dibina oleh kerajaan negeri mahu pun kerajaan persekutuan habis pecah dan air melimpah ruah seperti yang berlaku di kawasan saya di Kampung Dengkil hampir 1,000 orang di sekitar Bukit Changgang, Olak Lempit dan sebagainya terlibat dengan banjir kilat pada bulan 12 yang lalu.

**TUAN SPEAKER** : Dengkil, Sri Muda ingin mencelah.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Saya teruskan saya dah habis isu pasir ini isu banjir ....

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SAFIEI** : Ini masalah rakyat, fasal banjir.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Ok, ok, ok.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SAFIEI** : Terima kasih, terima kasih Dengkil. Saya tertarik dengan apa dihujahkan oleh Dengkil dan juga Damansara Utama, apa yang kita perhatikan banjir ini bukan disebabkan oleh korek pasir korek lombong semata-mata. Ia juga disebabkan oleh hujan yang terlebih lebat tetapi kita setuju ada penyelenggaraan kawasan khususnya oleh Jabatan Pengairan Dan Saliran untuk perhatian Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, ada kes-kes begini. Ya sampah yang dibuang ke dalam anak sungai yang di selenggara oleh Jabatan Pengairan dan Saliran yang menimbulkan yang menyekat laluan air yang menyebabkan banjir. Saya sokong fakta itu yang lain saya tidak sokong.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Terima kasih akhirnya Sri Muda menyokong saya juga. Salah satu punca, salah satu punca yang menyebabkan banjir itu ialah sebab ban pecah, benteng pecah jadi air melimpah, air yang lebih itu melimpah ke kawasan.

**Y.B. TUAN Ir. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN** : Minta laluan sikit.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Tuan Haslin saya habiskanlah selepas ini saya nak masuk isu jerebu.

**Y.B. TUAN Ir. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN** : Sikit, sikit, sikit saja. Saya nak tanya sikit Y.B. Dengkil ini bercakap tentang banjir adakah YB. Dengkil pernah turun semasa berlaku banjir tersebut.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Tanjung Sepat masa itu saya belum jadi wakil rakyat tapi saya turun juga (dewan ketawa). Ok itu nak menjawab soalan Tanjung Sepat. Saya beralih kepada isu jerebu. Jerebu ini isu yang tak payah celah-celah ye Sekinchan. Tuan Speaker, 10 hari yang lepas kita mengalami gejala jerebu merentasi sempadan negara kita dari Indonesia khususnya dari kawasan Riau di Pulau Sumatera. Terdapat banyak pembakaran terbuka atau kawasan terbakar berdasarkan banyak titik panas di kawasan tersebut melalui imej satelit. Pada 20, 21 Jun yang lalu Muar, Johor terjejas teruk sehingga sekolah ditutup di mana bacaan indeks pencemaran udara mencatatkan lebih 300 hingga 421 berstatus berbahaya. 23hb Jun darurat jerebu dikenakan begitu juga negara jiran Singapura yang mencatat IPU yang sama. Lokasi di pantai Negeri Selangor seperti Banting dan Pelabuhan Klang mencatatkan IPU 113 sehingga 145 berstatus tidak sihat pada 22hb Jun yang lalu.

Bagaimana pun kawasan pantai ke utara seperti Kuala Selangor mencatatkan IPU 90 berstatuskan bersederhana begitu juga kawasan tengah seperti Shah Alam mencatat

IPU 93 berstatus sederhana. Keadaan ini turun naik sehingga keseluruhannya IPU Selangor mencatat paras lebih 100 iaitu tidak sihat sehingga sekolah-sekolah di Selangor turut terpaksa ditutup pada 24hb Jun yang lalu. Justeru ....

**TUAN SPEAKER :** 1 minit lagi Dengkil.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF :** Berapa minit lagi?

**TUAN SPEAKER :** 1 minit lagi.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF :** Banyak celahan tadi Puan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Cepat 1 minit lagi Dengkil.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF :** Justeru Dengkil mohon kerajaan memaklumkan dewan ini apakah langkah jangka pendek dan jangka panjang untuk menangani masalah ini di peringkat negeri dan persekutuan. Apakah status dan setakat mana kesan jerebu ini terhadap aktiviti ekonomi, sosial dan pendidikan di Selangor. Apakah kita boleh berbincang dan mengatasi masalah ini melalui platform Indonesia, Malaysia, Thailand, *Growth Triangle*, IMTGT yang melibatkan 14 wilayah di selatan Thailand, 8 negeri di Semenanjung Malaysia termasuk Selangor dan 10 wilayah di Sumatera, Indonesia. Walau pun ia kerjasama ekonomi, namun isu jerebu juga menyentuh soal ekonomi kerana boleh menjelaskan pengangkutan udara, darat serta pejabat kerajaan dan premis perniagaan ditutup. Kemudian saya ingin menyentuh berkenaan isu tanah runtuh.

**TUAN SPEAKER :** Dengkil sudah habis masa. Taman Templer pun belum ....

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF :** Ok, ok saya buat *conclusion*.

**TUAN SPEAKER :** Hah, satu cepat.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF :** Saya ingin menyentuh juga berkenaan dengan isu alam sekitar dengan tanah mendap yang berlaku di kawasan saya iaitu isu Taman Permata, Blok 5 Taman Permata dikatakan tidak selamat disebabkan tanah mendap. Terdapat kerekahan di sana sini dan kemudian hasil siasatan daripada IKRAM dan juga JKR telah memaklumkan bahawa penduduk boleh berpindah semula ke rumah masing-masing. Namun ada di kalangan penduduk yang tidak mahu berpindah daripada 80 keluarga mungkin ada dalam 40 keluarga yang tidak berpindah berkhemah di tepi Blok 5, Taman Permata tersebut ingin meminta supaya kerajaan negeri mengadakan rumah teres untuk mereka. Saya ingin menggesa kerajaan negeri selepas ini boleh memberikan penjelasan kepada Dengkil bagaimana untuk menyelesaikan masalah ini. Yang Berhormat Speaker ...

**TUAN SPEAKER :** Dengkil, sudah habis masa Dengkil ...

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Yang Berhormat Speaker, akhirnya, akhirnya ..

**TUAN SPEAKER** : Sudah 3 kali akhirnya.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Akhirnya Puan Speaker sekejap saja lagi, ini penutup ini. Saya ingin mengingatkan kita semua khasnya kerajaan negeri untuk bersungguh-sungguh dengan penuh keinsafan. Cerita Sayidina Omar yang takut Allah jika walau pun anak kambing mati di sempadan wilayah tadbiran beliau mungkin akibat tanah runtuh dan sebagainya wajar dijadikan pedoman. Itu baru anak kambing yang mati apatah lagi kalau orang, pemerintah akan disoal dan dipertanggungjawabkan. Jangan kita menuding jari kepada orang lain. Dengan ini Dengkil memohon untuk menyokong usul menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Kota Anggerik, Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI** : Terima kasih Puan Speaker, Melayu India dan juga Cina menyokong Pakatan semuanya. Kini di sini, dulu di sana, lama-lama terasa manisnya. (dewan ketawa) Tuan Speaker, terima kasih di atas kesempatan yang diberikan kepada Kota Anggerik untuk membahaskan titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Keprihatinan Tuanku untuk mencemar Duli bagi merasmikan mesyuarat kedua Pembukaan Persidangan Penggal Pertama menunjukkan keprihatinan Tuanku terhadap kebijakan rakyat Selangor. Dalam titah Tuanku di muka surat 11, Tuanku mahu supaya kejayaan bagi melaksanakan program dan projek yang telah dirangka melalui dasar Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) ini harus diteruskan dan diperluaskan skop pelaksanaannya. Dasar ini memberikan impak dan kebaikan dalam usaha meningkatkan kebijakan rakyat. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakyat Selangor yang telah memberikan kepercayaan sekali lagi kepada Pakatan Rakyat untuk terus mentadbir Negeri Selangor untuk tempoh sepenggal lagi dan Insya-Allah akan disambung untuk 3 penggal lagi.

Suka ini menunjukkan bahawa rakyat kini menolak politik perkauman yang ditaja oleh UMNO Barisan Nasional dan rakyat mahukan sebuah kerajaan adil dan telus serta dapat menguruskan hasil negeri dengan baik serta menjaga kebijakan rakyat. Ini bermakna slogan 1Malaysia tidak relevan di negeri Selangor sehingga Ketua Pembangkang terlupa hendak ucapan selamat 1Malaysia. Tuan Speaker saya ingin membincangkan bahawa ucapan saya ini berkaitan dengan perumahan. Saya mewakili pengundi di Kota Anggerik menyokong penuh usaha Kerajaan Negeri untuk menyediakan perumahan rakyat khususnya rakyat yang berpendapatan rendah. Kita maklum sebagai contohnya saya lihat di statistik di SUK. SUK terdapat 604 kakitangan. Tetap 404, kontrak 163, Sambilan 34, Profesional 82, Kakitangan Sokongan 522. Skala gaji menunjukkan bahawa 73% pendapatan kakitangan SUK di bawah paras RM3,500.00. Kalauolah SUK ini menggambarkan keseluruhan bahawa rakyat Negeri Selangor 72% pendapatannya adalah di bawah paras RM3,200.00 oleh itu dalam

rangka dasar perumahan kita hendaklah melihat kepada keperluan 72% ini. Saya rasa untuk di kilang atau pun di bahagian perkhidmatan ia lebih rendah.

Tuan Speaker perumahan rakyat adalah keperluan yang asas dalam hierarki *need of maslow* menyebut bahawa ia adalah *basic need*. Ia sama seperti keperluan pendidikan dan kesihatan. Kalauolah Kerajaan Negeri beranggapan air adalah keperluan asas ia tidak boleh diswastakan. Sebab itulah kerajaan negeri bersungguh-sungguh untuk menstrukturkan semula industri air Selangor. Oleh sebab perumahan rakyat adalah keperluan asas kerajaan tidak boleh menyerahkan pembinaan sepenuhnya kepada pihak swasta atau anak syarikat kerajaan negeri. Lebih lagi kerana tanah adalah sumber terhad, saya menyokong usaha Kerajaan Negeri menyediakan dana RM50 juta setahun untuk pembinaan rumah rakyat. Cuma saya rasakan RM50 juta tidak cukup ia perlu ditingkatkan kepada RM100 juta dan menjadi RM500 juta untuk tempoh 5 tahun yang akan datang.

Banyak kajian-kajian menunjukkan bahawa kemurnian rumah memberi kesan kepada sosial. Antara buku ini saya baca *Housing by People* yang menunjukkan bahawa ada hubung kait di antara bentuk rumah dengan sistem sosial yang ada. Saya dapat rumah-rumah rakyat dibina ada yang sudah usang dan tidak sesuai lagi didiami. Di kawasan saya di DUN Kota Anggerik ada rumah lebih 40 tahun hanya mempunyai satu atau dua bilik sahaja. Tapi baiknya orang Melayu khususnya walau pun satu bilik anaknya empat atau pun lima orang. Jadi tidak ada pengasingan di antara anak lelaki dan perempuan. Oleh itu saya mencadangkan supaya program *urban renewal* yang disebutkan oleh EXCO Perumahan hendaklah disegerakan.

**TUAN SPEAKER :** Kota Anggerik, Sungai Panjang minta mcelah.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD. ZOHDI :** Apa kolaborasi hubungan antara bilik rumah dengan jumlah anak ini.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI :** Itu rezeki yang Allah berikan. Saya sebutkan bahawa *urban renewal* ini perlu disegerakan. Saya sudah banyak kali bincang dengan PKNS, tetapi tidak, tidak ada tindakan yang diambil hingga hari ini. Ada rumah yang saya lawati struktur reka bentuknya tidak mengambil soal cahaya atau pun angin. Oleh kerana JMB hendak jimatkan elektrik, elektrik dibuka pada 6 petang saya pergi ke rumah, lorong antara rumah sangat gelap sekali. Betul ia bukan satu kecuaian program setinggan sifar kerajaan terdahulu, tetapi kini kerajaan harus mengambil kira apakah cara kita hendak memperbaikinya. Dalam menyediakan polisi rumah-rumah mampu milik kebolehmampuan membayar balik pinjaman hendaklah diambil kira. Saya menyemak dengan bank kadar pinjaman-pinjaman yang mampu di bayar. Kalau dipinjam RM60 ribu kadar bayarannya ialah RM356.00 untuk tempoh 25 tahun. Kalau dipinjam RM80,00 kadar bayaran bulanan ialah RM474.00 untuk tempoh 25 tahun. Kalau dipinjam RM120,000 kadar bayaran bulanan ialah RM700.00 untuk tempoh 25 tahun juga. Saya mencadangkan dalam Dewan ini supaya rumah mampu milik yang dibina oleh kerajaan negeri harganya sekitar RM60,000 sahaja. Ada cadangan-cadangan *design* rumah, *evo design* yang mana ia sebuah kotak yang besar

hanya dibina satu bilik dahulu, hanya asas sahaja yang disediakan. Bila mana keluarga berkembang nanti rumah mereka akan diperbaiki. Itu, ini bagi memastikan bahawa golongan berpendapatan rendah ini dapat apa ni, ah! memiliki rumah.

Satu perkara yang ingin saya bawa di sini ialah kemudahan meletak kereta. Ada pembangunan perumahan di kawasan komersil yang tidak menyediakan lot parkir. Dalam perjanjian rumahnya ini telah berlaku di Seksyen 7 dan juga 15 di Shah Alam. Lebih malang lagi kini pihak MBSA hendak mengenakan caj parkir, caj *parking* kepada mereka. Jadi, ah! lebih malang lagi ketika dia beli rumah dijanjikan tempat *parking*. Tetapi pada akhir 2007 tapak *parking* tersebut telah pun dipindah milik. Ah! ini PKNS pindah milik kepada Syarikat Muafakat Baru Sdn. Bhd., dan kini pemilik beli rumah tak punya *lot parking*. Saya mencadangkan supaya pihak kerajaan membaiki, membetulkan polisi ini.

Satu lagi ialah saya dapati harga rumah melambung tinggi. Sampai RM400,000.00. Ini sukar untuk *young executive* untuk memiliknya. Saya mencadangkan supaya harga rumah dijual tidak melebihi RM300,000.00. Puan Speaker, polisi yang baik jika pelaksanaannya salah ia tidak bermakna. Ketika taklimat Lembaga Perumahan bersama EXCO beberapa tahun yang lepas Lembaga Perumahan memaklumkan jumlah rumah kos rendah dan sederhana di Shah Alam mencukupi. Malangnya 80% rumah-rumah tersebut disewakan kepada pelajar IPTA atau pun pekerja asing. Ini kerana rumah, rumah ini diberi kepada mereka yang telah memiliki rumah. Saya setuju dengan cadangan EXCO tadi supaya memastikan bahawa rumah-rumah ini hedaklah diberi kepada mereka yang tidak mempunyai rumah dan rumah-rumah ini tidak boleh disewakan atau pun dijual bukan lima tahun kalau boleh sepuluh tahun. Begitu juga saya mencadangkan supaya rumah-rumah ini, saya dapati ada rumah-rumah dibeli untuk tujuan pelaburan. Saya mencadangkan rumah-rumah yang berharga RM300,000.00 ke bawah ini tidak boleh dipindah milik sebelum tempoh sepuluh tahun. Lokasi rumah rakyat juga kena diambil kira. Saya setuju tadi disebut oleh EXCO, supaya dipastikan rumah-rumah ini dibina berhampiran dengan pusat-pusat komersil, tempat mereka mencari rezeki, mempunyai kemudahan infrastruktur yang lengkap seperti bas dan kereta api. Saya mengharapkan untuk pembangunan RRI yang akan datang ini supaya rumah-rumah rakyat ini dibina di kawasan yang strategik yang hampir dengan kemudahan-kemudahan pengangkutan.

Puan Speaker, dalam kesempatan ini saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pengundi-pengundi DUN Kota Anggerik yang sekali lagi memilih saya untuk mewakili mereka saya akan pastikan amanat ini tidak akan disia-siakan. Shah Alam merupakan ibu negeri, negeri Selangor dan Kota Anggerik adalah pusat bagi Shah Alam. Terdapat tiga mercu tanda di kota Shah Alam ini. Satu menara MBSA. Kedua Masjid Negeri Selangor Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan ketiga tasik Shah Alam. Oleh kerana bandar Shah Alam ini telah dibina hampir 30 tahun yang lalu, mercu tanda ini telah buruk. Alhamdulillah bagi Menara MBSA telah hampir siap diperbaiki, dan bahagian luar bangunan tetapi bagi kubah Masjid Negeri yang kini menjadi tumpuan umat Islam beribadah ia kelihatan sangat kotor, bercendawan bertompok-tompok. Pada EXCO penggal lepas telah diluluskan peruntukan RM5 juta untuk menaik taraf masjid ini tapi

malangnya hingga hari ini keadaan kubah masjid masih lagi tidak berubah. Manakala keadaan tasik Shah Alam menjadi kebanggaan ramai ini ia sangat daif sekali. Airnya kotor dan keruh, manakala di bangunan Laman Budaya agak usang, kayu-kayunya hampir reput. Bekas-bekas pembuangan sampah agak lama tidak dibaiki. Saya mengesyorkan supaya Kerajaan Negeri atau pihak MBSA memberi peruntukan khas sekurang-kurangnya RM10 juta untuk menaik taraf tasik Shah Alam dan Laman Budaya ini. Isu kebersihan di kota masih sering diperkatakan. Walau pun pada keseluruhannya ada pendekatan tahap kebersihan. Saya dapat kaedah menyapu jalan masih sangat tradisional. Pekerja menyapu jalan menggunakan penyapu atau pun *blower*. Banyak sekali saya telah cadangkan supaya kaedah mencuci ini menggunakan *road sweeper* di mana kualiti pembersihan lebih baik. Saya telah cadangkan lima tahun yang lalu tetapi MBSA masih belum ambil tindakan. Saya harapkan lepas ini MBSA menggunakan *road sweeper* untuk membersihkan jalan. Saya rasa dengan itu lebih baik.

Yang akhirnya, yang ini, saya minta, saya rasalah semua Ahli-ahli ADUN kena setuju. Yang Berhormat semua dibekalkan dengan Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Negeri Saran 1990. Saya dapat enakmen ini dibentangkan pada tahun 1990. Saya tak pasti speaker dah lahir atau pun belum. Tiga puluh tiga tahun yang lalu dan nampak tidak banyak pindaan, ada pindaan tetapi tidak ada pindaan. Ada satu isu yang dibangkitkan oleh YB Kajang ketika itu, iaitu elau menghadiri mesyuarat. Di sini dicatat RM 75, YB Kajang sebutkan bahawa elau hadir mesyuarat Ahli Majlis lebih daripada RM 75. Respons Menteri Besar ketika itu ialah supaya dinaikkan kepada 250 tetapi nampaknya tidak ada MKN yang memutuskan untuk ini. Jadi hingga hari ini masih kekal 75 ringgit. Saya rasa Menteri Besar bermurah hati untuk naikkan kepada 250 sekurang-kurangnya 350.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIE :** Puan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Ya Seri Muda, Kota Anggerik benarkan.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIE :** Terima kasih Kota Anggerik, terima kasih Puan Speaker, Saya cuma hendak nyatakan sokongan saya kepada Kota Anggerik tentang isu ini dibangkitkan. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI :** Terima kasih Sri Muda. Saya rasa bukan Sri Muda seorang setuju ah! kawan-kawan saya, sahabat-sahabat baik saya yang lain juga bersetuju. Yang kedua ialah elau harian RM50. Sewa hotel, saya buat semakan di Quality Hotel, Quality Hotel *deluxe room* paling murah RM260. Dan peruntukan yang diberikan kepada ADUN hanya RM100. Saya kasihan takut Sekinchan tidur di hotel-hotel bajet sahaja. Saya mencadangkan supaya enakmen ini disemak semula bersesuaian dengan masa dan zaman contohnya seperti elau perubatan ahli anggota Dewan. Saya cadangkan supaya ahli anggota Dewan diberi apa ni kemudahan kesihatan di hotel-hotel, di klinik-klinik swasta yang pakar bukan hospital kerajaan. Saya pernah melawat hospital kerajaan di Shah Alam, pesakitnya satu hari 800 orang Kalau ADUN pergi daftar sebagai pesakit luar masuk pukul 8 keluar pukul 4 petang. Jadi banyak masalah di kawasan ADUN tidak boleh diselesaikan. Jadi saya rasa ahli

anggota Dewan bersetuju untuk disemak semula enakmen saraan ini. Seterusnya ialah saya mencadangkan supaya Dewan ini disediakan Pegawai Penyelidik untuk membantu Ahli-ahli Yang Berhormat dalam membuat kerja-kerja penyelidikan ini. Untuk mengakhiri saya rasa saya, untuk mengakhiri saya Puan Speaker menyediakan dua rangkap pantun. Mula pantun, tutup pantun.

*Bulan Ramadhan umat Islam berpuasa,  
Menyempurnakan ibadah perintah Tuhan,  
Biar Pakatan rakyat terus berkuasa,  
Agar keadilan dapat ditegakkan.*

*Lepas puasa kita beraya,  
Bermaaf-maafan sesama insan,  
Pakatan Rakyat menang bergaya,  
Biar rakyat terus tolak Barisan.*

Dengan itu saya menyokong ucapan Duli Yang Amat Mulia Tuanku.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Puan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Terima kasih kepada Puan Speaker kerana memberi peluang kepada Rawang untuk turut serta dalam perbahasan titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Puan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Sesungguhnya sokongan terhadap Pakatan Rakyat yang meningkat dalam pilihan raya Umum Ke 13 yang membolehkan Pakatan Rakyat menguasai dua pertiga daripada jumlah kerusi Dewan Negeri Selangor telah menunjukkan rakyat Selangor menyambut baik agenda merakyatkan ekonomi yang berpaksikan prinsip ke efisien, kebertanggungjawaban dan ketelusan dalam segala urusan pentadbiran kerajaan negeri Selangor. Malahan rakyat meletak harapan yang tinggi kepada kerajaan Pakatan Rakyat negeri Selangor untuk meneruskan agenda reformasi yang menekankan dasar prinsip tadbir urus yang baik *good governance* dengan izin dalam semua proses membuat keputusan bagi negeri Selangor. Rawang juga ingin mengambil peluang ini untuk menyokong cadangan dan keputusan kerajaan negeri Selangor untuk menujuhkan Suruhanjaya Siasatan Penipuan Pilihanraya Umum yang lepas selaras dengan kuasa yang diberikan kepada kerajaan di bawah seksyen 2 (3), kurungan (d) Akta Suruhanjaya Siasatan 1950 sebab yang tipu tetap tipu, penipuan tetap penipuan, dakwat yang tidak kekal memang tidak kekal. Puan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Rawang mendukung titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang mengingatkan bahawa negeri Selangor merupakan negeri yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen. Salah satu prinsip yang amat penting dalam sistem demokrasi berparlimen adalah pengasingan kuasa antara eksekutif, legislatif dan kehakiman. Kemajuan negeri Selangor terletak bukan sahaja kepada keberkesanan pihak eksekutif tetapi juga peranan aktif Dewan Negeri Selangor yang menyemak dan periksa *check and balance* dengan izin dalam segala pentadbiran

kerajaan negeri Selangor. Dewan negeri Selangor telah menjadi peneraju dalam pemerkasaan dengan izin *empowermen* Dewan Negeri dengan penubuhan banyak jawatankuasa sekurang-kurangnya empat jawatankuasa yang telah ditubuhkan bermula pada zaman pemerintahan Pakatan Rakyat, antaranya termasuk jawatankuasa pilihan khas mengenai keupayaan kebertanggungjawaban dan ketelusan dengan izin ‘*Special Select Committee On Competent Accauntability And Transparency (SELCATt)*’ Jawatankuasa pilihan Pejabat Daerah dan Tanah (JP PADAT), jawatankuasa pilihan pihak berkuasa tempatan (JP PBT), jawatankuasa pilihan agensi badan berkanun dan anak syarikat (JP ABAS). Selain jawatankuasa-jawatankuasa yang telah ditetapkan dalam peraturan-peraturan tetap dewan. Dengan ini Rawang menyeru dan mendesak supaya enakmen dewan perkhidmatan Dewan Negeri Selangor iaitu SELESA diluluskan dalam penggal ini juga bagi memperkasakan peranan Dewan Negeri Selangor. Dengan adanya enakmen ini Dewan Negeri Selangor boleh merancangkan segala pengurusan tentang dewan termasuk guna tenaga pegawai-pegawai dan perbelanjaan dewan bagi menyokong peranan aktif yang dimainkan wakil-wakil rakyat dalam segala aktiviti dewan dan juga jawatankuasa-jawatankuasa khas yang telah ditubuhkan.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Aspek keselamatan dan ‘*security*’ memang menjadi lebih runcing dan dibimbangi oleh rakyat khasnya di Selangor ini. Saban hari kita baca dalam berita dan dimaklumkan bahawa orang awam dirompak sama ada di luar atau pun di dalam rumah. Baru-baru ini rumah Menteri Belia dan Sukan sendiri telah dirompak dan baru saya baca SMS daripada berita Sin Chew bahawa Ketua Polis Negara katakan walaupun menteri dirompak tetapi rakyat masih boleh hidup seperti biasa. Itulah sebabnya keselamatan kita amat terjaga di negara ini. Tetapi kita nampak melalui tinjauan dan kajian saya sendiri kawan-kawan kita daripada lima orang, tiga orang ada pengalaman dirompak atau keluarganya dimasuki pencuri. Insiden ini menunjukkan bahawa isu keselamatan dan jenayah bukan lagi soal persepsi seperti yang dikatakan oleh Ketua Polis Negara sebelum ini. Tetapi ini adalah satu isu yang ‘*real*’ yang perlu kita tangani di bawah ini. Oleh itu walaupun saya menyokong juga usul Damansara Utama untuk kita mendesak Kerajaan Persekutuan memberi laluan untuk Polis Bantuan menjaga keselamatan penduduk ataupun warga negeri Selangor namun saya nampak sudah lima tahun kita tunggu masih lagi tiada tindakan yang pro aktif daripada pihak Polis, tambahan lagi dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh Ketua Polis Negara hari ini. Oleh itu Rawang ingin mencadangkan supaya kerajaan negeri kita mengambil langkah lebih pro aktif dengan menubuhkan briged keselamatan sendiri yang melibatkan anggota masyarakat secara umumnya di seluruh negeri Selangor untuk menjalankan rondaan dan menjaga keselamatan khasnya di kawasan taman perumahan.

Saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan negeri supaya memperkasakan dan memperluaskan peranan jawatankuasa Bandar Selamat yang telah diwujudkan dan ada di setiap pihak berkuasa tempatan sekarang dengan menubuhkan satu tabung keselamatan khas daripada pihak kerajaan negeri Selangor pada setiap PBT yang peruntukannya sekurang-kurangnya satu juta yang menampakkan keperluan aspek

keselamatan ini adalah begitu terdesak sekali. Dana ini juga harus terbuka kepada persatuan penduduk serta NGO yang selama ini terlibat dalam aktiviti menjaga keselamatan di komuniti mereka sebagai satu pengiktirafan kepada peranan yang telah dimainkan oleh komuniti tempatan.

Puan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Menurut laporan yang diterbitkan oleh World Bank pada bulan November 2012 dalam laporan yang bertajuk *Malaysia Economic Monitor* telah menunjukkan bahawa jumlah guna tenaga wanita di Malaysia adalah hanya sebanyak 46 peratus. Peratusan ini jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan negara-negara jiran kita seperti Singapura, yang mencatatkan peratusan 60 peratus, dan Thailand 70 peratus. Banyak kajian juga telah menunjukkan bahawa dengan adanya penglibatan wanita khasnya dalam bidang pekerjaan dan guna tenaga produktiviti dan prestasi sesebuah syarikat akan meningkat dan bertambah baik. Dan kajian yang dijalankan oleh *talent corp* bersama ACCA telah menunjukkan bahawa antara faktor-faktor yang menyumbangkan kepada peratusan penglibatan guna tenaga yang rendah dalam kalangan wanita adalah disebabkan polisi-polis dan persekitaran syarikat serta korporat yang tidak mesra wanita termasuklah dari segi penyediaan sistem sokongan kepada wanita yang telah berumah tangga. Dengan itu Rawang ingin mencadangkan supaya kerajaan negeri Selangor memberi insentif kepada syarikat-syarikat yang menyediakan nurseri di tempat kerja mereka kepada warga kerja mereka melalui potongan cukai pintu dan cukai tanah yang sememangnya ini berada dalam kuasa kerajaan negeri Selangor ini bagi kita menggalakkan supaya pihak majikan dan sesebuah syarikat itu lebih peka dan menyediakan semua sistem sokongan yang patutnya menggalakkan lebih ramai lagi wanita melibatkan diri dalam bidang pekerjaan ini.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Pada 27 Jun 2013, satu kes yang signifikan terhadap perjuangan diskriminasi gender di Malaysia telah kita tunjukkan dalam Mahkamah Rayuan Putrajaya telah menolak permohonan Kerajaan Malaysia untuk membatalkan keputusan Mahkamah Tinggi Shah Alam dua tahun lalu yang memutuskan wanita mengandung juga berhak mendapat tawaran sebagai guru sandaran. Keputusan ini juga bererti Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Pelajaran Malaysia jelas melakukan diskriminasi gender terhadap Puan Nor Fadillah Ahmad Sadikin yang tinggal di Kajang yang pada ketika itu pelantikan dibuat semasa puan tersebut atau Puan Nor Fadillah sedang hamil tiga bulan.

Tahniah dan syabas saya ucapan kepada Y.B. Batu Tiga selaku EXCO Port Folio Wanita mewakili pihak kerajaan negeri Selangor yang selama ini memberi sokongan penuh kepada Puan Nor Fadhillah dari Kajang sepanjang perjuangan selama ini. Akhirnya perjuangan ini berhasil dengan yang mana Kerajaan Persekutuan telah menarik balik kes ini di mahkamah. Saya ingin mencadangkan, kita tidak mahu melihat kes diskriminasi seperti ini juga berlaku dalam Negeri Selangor. Saya mencadangkan bahawa pelan Selangorku dikaji semula dan seterusnya sejumlah peruntukan

digunakan untuk menubuhkan tabung kesaksamaan gender dengan izin ‘one gender equality fund’ bagi memberi pengiktirafan kepada mereka yang memperjuangkan diskriminasi gender baik lelaki maupun perempuan. Untuk peringatan, ahli-ahli dewan yang saya hormati sekalian, diskriminasi gender bukan sahaja berlaku terhadap wanita tetapi kita tahu sekarang juga ada diskriminasi yang dilakukan terhadap lelaki juga. Jadi ‘fund’ ini adalah terbuka kepada semua pihak yang memperjuangkan diskriminasi gender serta menganjurkan program-program yang mempromosikan kesaksamaan gender. Akhir sekali lagi Rawang juga ingin mengetahui status terkini tentang pihak berkuasa tempatan yang mana telah menubuhkan jawatankuasa teknikal kemudahan orang kelainan upaya bagi merancang dasar di setiap PBT dan juga projek pembangunan untuk mewujudkan suasana persekitaran yang bebas kekangan atau pun ‘free barrier’ dengan izin dan senang di akses oleh golongan kelainan upaya. Cadangan Rawang adalah supaya setiap PBT membuat laporan audit kemudahan OKU selepas ini yang sememangnya yang telah saya cadangkan sebelum ini tetapi nampaknya tiada ‘follow up’ dengan izin daripada pihak kerajaan negeri Selangor bagi mengenal pasti sejauh manakah perancangan perbandaran adalah mesra OKU dan cadangan pembaikan yang perlu dilaksanakan. Kerajaan negeri Selangor juga harus memberi latihan dan mewujudkan sistem sokongan bagi membolehkan ahli jawatankuasa dalam jawatankuasa teknikal OKU ini supaya sentiasa peka terhadap perkembangan terkini tentang keperluan dan polisi untuk golongan OKU. Sekurang-kurangnya Rawang ingin mencadangkan bahawa tapak letak kereta yang ada untuk OKU untuk di Negeri Selangor ini selama ini kita binalah bumbung untuk mereka. Sebab kita tahu golongan OKU ini memang mengambil masa yang lebih panjang kalau berbanding dengan orang biasa seperti kita semasa mereka letak kereta dan seterusnya pergi ke destinasi atau tempat yang hendak dituju oleh mereka. Akhir sekali Rawang juga ingin mencadangkan supaya pihak Kerajaan Selangor tubuhkan satu lagi tabung bakat anak Selangor. Hampir 45 peratus daripada jumlah penduduk Selangor adalah terdiri daripada golongan belia yang berumur 18 hingga 40 tahun. Mereka adalah golongan antara golongan antara golongan yang paling besar di negeri Selangor dan banyak bakat yang kita boleh dapat daripada golongan-golongan anak muda ini. Dengan adanya tabung ini banyak program yang boleh dilaksanakan termasuk cadangan adakan ‘youth parliament’ untuk orang-orang muda ini bersidang seperti kita ahli-ahli Yang Berhormat sekalian juga supaya mereka boleh kemukakan polisi dan program yang boleh menggalakkan anak-anak muda dalam pembangunan negeri kita termasuk dari aspek sukan, pimpinan sosial, muzik dan sebagainya. Akhir sekali Rawang menyokong usul titah cuapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Jeram.

**Y.B. DATO' AMIRUDDIN BIN SETRO:** Terima kasih Puan Speaker. Tahniah juga kepada Tuan Speaker memecah tradisi sebagai wanita yang pertama diamanahkan sebagai Speaker dalam dewan yang ada dalam negara kita hari ini. Ini juga menepati definisi BN Selangor yang mana kita juga meletakkan lebih 30 peratus calon yang lalu malangnya rezeki belum menjadi Cuma dua dapat melekat di DUN dan satu di Parlimen yang kita naikan sebagai Timbalan Menteri. Salam sejahtera salam satu Malaysia

kepada Tuan Speaker dan rakan-rakan siding dewan pada petang ini. Jeram juga nak ambil bahagian dalam perbahasan untuk usul menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor sempena pembukaan dewan yang mulia ini pada 28 Jun yang lalu.

Tuan Speaker dan rakan-rakan sekalian,

Infrastruktur dan kemudahan awam adalah pra syarat penting untuk menjamin kualiti hidup rakyat Selangor yang baik. Ini adalah faktor asas bukan sahaja untuk kesihatan hidup malah memacu pembangunan sosial ekonomi negara hingga ke puncak kejayaan. Kemudahan ini meliputi antaranya jalan raya, lebuh raya, jambatan, lapangan terbang, pelabuhan, bangunan kemudahan elektrik, air dan juga yang terkini telekomunikasi atau ICT. Justeru itu hanya orang yang tidak bersyukur seperti kacang lupukan kulit yang mengatakan prasarana sudah tidak penting pada sekarang ini. Lalu memomokkan rakyat pentingkan ketelusan, integriti dan amanah, seolah-olah yang infra kemudahan asas itu terus ada untuk selama-lamanya. Benar kita semua perlukan prinsip-prinsip moral, akauntabiliti, dan sikap kebertanggungjawaban. Namun infra kemudahan awam, adalah kemudahan asas yang perlu diadakan jika tidak cukup perlu dibaiki, jika rosak oleh kerajaan yang bertanggungjawab.

Tuan Speaker,

Itu semua tanggungjawab yang kerajaan kena lakukan dan kerajaan Barisan Nasional cukup prihatin soal mengadakan kemudahan-kemudahan ini dan menjunjung juga soal integriti dan kebertanggungjawaban di samping memberikan bantuan kebajikan seperti perlaksanaan bantuan rakyat satu Malaysia kepada semua warga Malaysia yang berkelayakan.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Minta celah Puan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Jeram, Teratai minta mencelah.

**Y.B. DATO' AMIRUDDIN BIN SETRO:** Tak sampai satu minit, nantilah dua minit. Hakikatnya pula sekarang kemudahan-kemudahan awam beta mega pula bukanlah murah dan persekutuan sendiri apatah kerajaan negeri tidak mampu untuk melaksanakan projek-projek infra. Pilihannya sama ada kerajaan terpaksa potong bajet perkhidmatan yang lain atau terbitkan bon kerajaan atau buat pinjaman dari dana-dana luar untuk membayai projek-projek infra itu sendiri. Bukan senang dan murah bagi rakyat yang kurang faham malah lebih teruk lagi dikelirukan oleh pihak pembangkang. Maka itu juga wujud konsep di mana kita panggil dengan izin *built, operate, transfer (BOT)* syarikat swasta bina dulu kemudahan tersebut dan mengenakan caj sebelum diambil alih oleh pihak kerajaan, atau konsep penswastaan yang seperti mana membina lebuh raya yang sangat tinggi kosnya. Rakyat kena tanggung kos bina dan selenggara iaitu kita kenakan kadar tol pengguna jalan berkenaan. Kita akui itu ada kelemahannya namun itulah yang terbaik yang BN lakukan untuk kepentingan rakyat keseluruhannya. Saya juga tertarik dengan konsep baru kerajaan PAS Kelantan iaitu

projek dibiayai terus oleh kerajaan maka wujudlah Lebuh raya Rakyat Kota Bharu – Kuala Krai sepanjang 73 kilometer yang dianggarkan bernilai kira-kira RM1.8 bilion ke RM2 bilion. Sehingga Mei 2013 dikatakan sebanyak RM2.6 juta derma telah berjaya dikutip oleh kerajaan Kelantan. Kita belum tahu lagi bagaimana alkitab kejayaan projek ini kerana pada saya secara logiknya setelah sekian lama anggaran keperluan sebanyak RM2 bilion hari ini baru dapat dikutip RM2.6 juta ia adalah perkara yang sukar dilaksanakan dalam kadar segera demi untuk....

**TUAN SPEAKER :** Jeram, Bangi minta untuk mencelah.

**Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH :** Terima kasih Puan Speaker. Terima kasih Jeram. Apakah Jeram faham bahawa dalam negeri Selangor ini ada dua pihak berkuasa yang menguruskan infra pertama Negeri Selangor itu sendiri dan kedua adalah Persekutuan. Dan ada banyak kawasan Persekutuan yang tidak di selenggara dengan baik. Sebagai contoh Lebuh raya LEKAS yang dibina di Kajang dan dijanjikan terowong yang mahu diberikan kepada penduduk oleh Menteri Kerja Raya dahulu Dato' Seri Samy Vellu yang menjanjikan ada laluan pintas, lorong kepada penduduk sekitar, tak dibuat sampai sekarang. Kemudian pilihan raya lalu calon Barisan Nasional Parlimen Serdang menjanjikan akan mengadakan laluan yang sama tapi sampai sekarang belum dibuat. Ini adalah satu tidak tepati janji yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan yang sepatutnya melaksanakan tanggungjawabnya tetapi tidak dibuat dan terpaksa negeri lain yang tidak mendapat bantuan yang sama seperti Kelantan terpaksa mencari jalan untuk menyelesaikan masalah rakyat kerana Persekutuan gagal melaksanakan tanggungjawab atas keperluan rakyat. Terima kasih.

**Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO :** Terima kasih Bangi. Itulah saya minta dengar dulu penjelasan yang saya sebutkan tadi. Ada urutan selepas ini berkaitan dengan apa yang saya sebut. Kalau masuk separuh jalan tak sampai dia punya *umpphh* tu. Itu masalahnya mencelah. Jadi Puan Speaker dan rakan-rakan sekalian, kita sedia maklum yang mana pada realitinya ini pada pihak yang menyatakan politik lama lebih pentingkan pembangunan untuk tarik perhatian rakyat. Sekarang ini politik baru yang utamakan integriti dan kebertanggungjawaban yang rata-rata orang bandar, muda, profesional dan terpelajar. Hakikatnya mereka juga yang menjerit macam Bangi sebut tadilah kalau infra dan kemudahan awam tidak mencukupi atau rosak untuk diguna pakai oleh rakyat. Hakikatnya semua infrastruktur dan kemudahan awam perlukan kos dan ada harga tiada yang percuma mampu diberikan oleh kerajaan, mana-mana pun kerajaan manusia di dunia kecuali kerajaan Allah sahaja yang maha berkuasa. Puan Speaker dan tuan-tuan sekalian, infra yang tidak kurang pentingnya adalah pengangkutan dan perhubungan jalan raya. Namun begitu Ketua Audit Negara bagi penyata kewangan.

**TUAN SPEAKER :** Jeram, Sekinchan minta mencelah.

**Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO :** Saya rasa kejap lagilah. Kejap lagi. Dia dah masuk bahasa ibunda saya jadi saya kena joinlah. Infrastruktur yang tidak kurang pentingnya ataupun pengangkutan dan perhubungan jalan raya namun begitu laporan Ketua Audit Negara bagi Penyata Kewangan kerajaan negeri dan

Pengurusan Kewangan Jabatan / Agensi Negeri Selangor tahun 2011 mendedahkan ketidakcekapan Kerajaan Negeri dalam membelanjakan atau menguruskan wang amanah penyelenggaraan jalan menurut MARRIS atau dengan izin *Malaysia Road Registration Information System* atau Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia. Ini jelas apabila peruntukan tahunan diberi tidak habis diguna pakai oleh pihak kerajaan bagi menyelenggara jalan negeri sepanjang 16,013 kilometer. Bagi tahun 2011, terimaan dari kerajaan Persekutuan ialah sebanyak RM375.9 juta dan hanya dibelanjakan sebanyak RM218.51 juta iaitu ada lebihan di mana jumlah dalam peratus adalah sebanyak 58.1%. Jika diambil kira baki tahun 2010 yang dibawa ke hadapan kerana peruntukan tidak habis dibelanjakan adalah sebanyak RM162 juta maka jumlah terkumpul peruntukan MARRIS Selangor bagi tahun 2011 ialah sebanyak RM538.36 juta mengambil kira RM375.9 juta dicampurkan dengan RM162.46 juta itulah jumlah lebihan yang tidak diguna pakai oleh kerajaan negeri. Maka dengan itu kerajaan negeri secara keseluruhannya hanya berbelanja sebanyak 40.6% dari keseluruhan jumlah peruntukan MARRIS yang terkumpul sehingga tahun 2011.

Puan Speaker dan rakan-rakan dewan, saya beranggapan ketidakcekapan membelanjakan peruntukan MARRIS ini menunjukkan kerajaan negeri perlu memperkuatkan lagi gerak kerja jentera kakitangan khususnya para pencipta keputusan-keputusan dasar di peringkat negeri. Saya percaya pendapat yang dikongsi bersama tadi oleh rakan-rakan saya daripada Andalas, Sri Muda, Kota Anggerik yang mana faktor infra masih perlu dikemaskinikan oleh kerajaan negeri dalam erti kata yang sebenar-benarnya. Puan Speaker dan rakan-rakan sekalian, kalau bercakap dari segi pengamatan berdasarkan pengamatan sejak Kerajaan Pakatan Rakyat jalan-jalan di Selangor masih perlu dipertingkatkan lagi. Kita sedar sama ada kawasan yang diwakili oleh Barisan Nasional atau pembangkang atau Pakatan Rakyat di negeri Selangor dengan izin memang kita akui memang infra untuk rakyat adalah nadi untuk kehidupan itu sendiri. Itu makanya apabila Kerajaan Negeri mengisyiharkan...

**TUAN SPEAKER :** Jeram, Sekinchan minta mencelah.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih pada rakanku daripada Jeram, rakan yang bijaksana cuma saya nak minta penjelasan tadi Yang Berhormat kata infra ni keperluan utama ini saya pun sokong sebagai keperluan utama tapi pada masa yang sama kerajaan negeri berusaha untuk menaik taraf infra untuk kepentingan rakyat di negeri Selangor bagaimana dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat daripada Bangi tadi jalan-jalan di bawah pengendalian penyeliaan Persekutuan seperti jalan Persekutuan 5 daripada Sabak Bernam ke Kapar dan sebagainya sepatutnya itu semua dalam keadaan tidak dibaiki dan dinaiktarafkan bagaimana dengan tanggungjawab Kerajaan Pusat dalam konteks ini. Kalau kita nak menyalahkan kerajaan negeri dalam masa yang sama Kerajaan Pusat kena membantu juga dalam konteks ini. Kalau tidak wakil dari Yang Berhormat Jeram ini sebagai sebahagian daripada wakil Kerajaan Persekutuan ini juga ada tanggungjawab dan inisiatif untuk membantu rakyat negeri Selangor. Setuju atau tidak?. Terima kasih.

**Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO** : Terima kasih Sekinchan. Seperti yang saya sebut tadi ini adalah dasar *win win situation*. Tanggungjawab kita bersama. Tidak ada mana-mana kerajaan manusia pun yang mampu membuat semua atas batang tubuh mereka sendiri. Dan saya juga sebut tadi lebihan yang saya sebut tadi sepatutnya boleh diguna pakai dengan baik untuk menambah baik apa yang kita fikir masih ada kekurangannya bagi pihak Kerajaan Negeri. Dan bercakap mengenai Kerajaan Persekutuan jika tuan bersetuju dengan saya, saya juga boleh memecut kereta dekat 120 kilometer satu jam daripada Sekinchan ke Shah Alam bilamana jalan Persekutuan daripada Klang ke Sekinchan saya fikir jauh lebih baik kalau dibandingkan dengan sebelum tahun 2008 yang lalu dari segi kemudahan dan saya fikir itu terbukti daya keprihatinan kerajaan Barisan Nasional kepada kita di sepanjang Jalan Pantai Barat menghala ke Selatan dan Utara Selangor itu sendiri. Jadi Puan Speaker, apabila kerajaan negeri mengisyiharkan simpanan tunai rizab negeri meningkat sehingga lebih RM2 bilion maka Dato' Menteri Besar diisyiharkan oleh Penasihat Ekonomi Selangor sebagai Menteri Besar yang cekap, kenyataan ini jelas terbukti akan dapat kita perakui seandainya masalah ini dapat dibantu bersama diguna pakai kebijaksanaan ini untuk kemudahan rakyat Selangor juga secara keseluruhannya. Ini kerana kita hairan kenapa peruntukan tidak dibelanjakan dengan baik. Mungkin tidak 100% tapi dalam 80% ke 90% kerana dana yang diberi berdasarkan rekod panjang dan kategori jalan yang wujud. Kata kita cekap mengurus dan berbelanja maka sewajarnya kita buktikan, kita praktikkan dan rakyatlah yang sepatutnya menikmati daripada kecekapan pentadbiran kerajaan negeri Selangor ini. Puan Speaker, atas ketidakcekapan ini menguruskan peruntukan seperti MARRIS dan mungkin juga ketidakcekapan menguruskan belanja pembangunan negeri yang lain maka tidak hairanlah mungkin simpanan kerajaan negeri dapat dipertingkatkan seperti disebutkan sebentar tadi.

Berikutnya Puan Speaker dan rakan-rakan, saya juga melihat dalam manifesto Pakatan Selangor PRU 12 ini ada disebutkan soal untuk menyediakan kemudahan infra dan utiliti. Iaitu yang pertama menyediakan premis perniagaan yang cukup. Yang kedua, galakkan belia bermiaga dengan sewa minimum atau hanya membayar utiliti air dan air untuk dua tahun pertama dan yang ketiga membuka pusat-pusat sukan mini dan rekreasi bagi para belia. Ini ditambah lagi dengan usaha mahu membangunkan semula Sungai Klang dengan kos berbilion ringgit. Seperti dijangka kerajaan belum berkemampuan ia dibiayai oleh pihak swasta melalui *private partnership* ataupun *private financing initiative (PFI)* di mana syarikat dilantik membiayai kos pembiayaan sungai dan sebagai balasan mereka boleh memajukan cadangan pembangunan. Namun sampai hari ini tahun 2013 belum ada sebarang perkembangan atau manfaat projek ini kepada rakyat khususnya rakyat Klang dalam negeri Selangor. Ketika kita sangsi kejayaan penyediaan infra dan inisiatif kemudahan itu disebut situasi semakin pelik misalnya kemudahan sukan dan rekreasi yang mahu dimusnahkan sebenarnya berlaku pada padang Kompleks Sukan PKNS di Seksyen 7, Kelana Jaya. Dan diganti dengan projek komersial bernilai RM1.6 bilion. Alasannya adalah itu hak PKNS kerana dalam Rancangan Tempatan Petaling Jaya (RTPJ) kawasan tersebut di bawah zon komersial. Ketika nak tambah bina infra adakah wajar infra sedia ada kita musnahkan.

**TUAN SPEAKER** : Jeram, Sekinchan minta mencelah.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Yang Berhormat Puan Speaker, Yang Berhormat daripada Jeram sebentar tadi saya dengar Yang Berhormat Jeram sebut tentang padang di Seksyen 7 di Petaling Jaya berkenaan dengan pembangunan dan sebagainya oleh PKNS. Perkara ini sudah dibawa dalam penyiasatan pendengaran awam oleh SELCAT pada satu ketika dulu dan telah dibuat laporan dan telah dibentangkan. Perkara ini sepatutnya tidak lagi diungkitkan dalam dewan yang mulia ini. Ini tidak perlulah kitar semula. Ini bukan surat khabar lama. Dah selesai. Tak payah kitar semula. Terima kasih.

**Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO :** Terima kasih sahabat saya Sekinchan. Paragraf saya yang berikutnya ialah rumusan SELCAT mengesahkan ada kelemahan di Jabatan Perancangan Pembangunan MPPJ sehingga bagaimana zon tanah tersebut bertukar dari zon rekreasi tanah lapang ke zon komersial dan perniagaan. Ini tidak diketahui, tiada siapa menjadi saksi sehingga saya anggapnya sebagai satu misteri. PKNS sendiri tidak peka dengan pendapat-pendapat awam yang dikemukakan. SELCAT merumuskan bahawa zon tanah PKNS itu adalah sah sebagai zon rekreasi dan juga tanah lapang. Apakah implikasi perkembangan semasa projek tersebut. Mengapa MPPJ atau PKNS begitu cuai demi kepentingan kemudahan sukan untuk rakyat. Dan kini Puan Speaker dan rakan-rakan Ahli Dewan datang pula manifesto PRU ke 13 Pakatan Selangor iaitu yang pertama membina jambatan ketiga Klang bernilai RM300 juta. Yang kedua membina terminal pengangkutan bersepadu di Shah Alam. Yang ketiga menyediakan pengangkutan percuma dan mesra pengguna termasuk di Shah Alam, Petaling Jaya, Subang Jaya, Klang dan juga Kajang. Dan yang berikutnya menyediakan lorong basikal di kawasan perumahan baru yang terpilih. Saya nak berkongsi pandangan bukan mudah nak....

**TUAN SPEAKER :** Jeram saya bagi 2 minit lagi.

**Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO :** 2 minit lagi?. Bukan 3 minit?. Saya mengingatkan bukan mudah nak membina infra yang besar-besar ini misalnya pengangkutan percuma bas di bandar-bandar besar. Siapa nak biaya atau ia percuma. Sedangkan semua perkara ada kos. Kita tahu kos pembelian bas, gaji pekerja, penyelenggaraan bas, bahan api yang tinggi dan banyak lagi potensi perbelanjaan. Perkhidmatan Rapid KL pun nak kena naik tambang. Macam mana?.

**TUAN SPEAKER :** Jeram, Teratai minta mencelah.

**Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO :** Kalau saya dapat 1 minit lagi saya bagi dia. Boleh?.

**TUAN SPEAKER :** Tak boleh.

**Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO :** Kalau tak boleh minta maaf. Saya juga mengingatkan kerajaan negeri ini harus ditepati yang mana kita percaya BN meletakkan janji-janji pilihan raya atau manifesto sebagai sebuah aku janji. Bukan janji

bermimpi untuk berseronok-seronok. Maka kita tunggulah sama-sama dan kita lihat perkembangan janji manifesto Pakatan Rakyat dalam Negeri Selangor ini.

Tuan-tuan dan puan-puan, Puan Speaker sekalian, PAS dalam Pakatan mahu dirikan kerajaan Islam dan jadikan Al-Quran sebagai perlombagaan. Kita mula dengan menasihati rakan-rakan dalam Pakatan dulu untuk tunai janji dalam manifesto sedangkan ada Pakatan pembangkang pemimpin pembangkang yang kata manifesto bukan satu janji. Nak nasihat pun tak selesai nak laksanakan hudud pula macam mana. Sama-samalah kita fikir perkara ini. Justeru itu saya mengingatkan diri saya sendiri dan semua rakan-rakan dewan yang mana semua orang sedia maklum Hadis daripada Abu Hurairah bahawa bagaimana Rasulullah SAW bersabda tanda orang yang munafik itu ada tiga. Iaitu jikalau dia berkata dia berdusta. Jikalau dia berjanji dia tidak tepati. Dan jika diberi amanah dia akan mengkhianati.

Ini merupakan riwayat Abu Bukhari dan juga Muslim.

Itu makanya tuan puan Speaker sekalian, sebelum saya akhiri ucapan saya, saya juga nak berkongsi dua perkara yang saya fikir untuk kebaikan kita bersama. Saya bersetuju, saya menyokong Damansara Utama tadi, yang mencadangkan menyarankan, didesak juga oleh Rawang untuk membentuk polis bantuan dalam negeri Selangor untuk faktor keselamatan rakyat. Kami menyokong untuk perkara yang baik. Namun kita kena fikir kos penyelenggaraan polis bantuan dan juga etika anggota keselamatan. Kerana kita khuatir setakat hari ini, longkang-longkang, PBT pun tak boleh selenggara. Ini nak selenggara nyawa ni. Dengan senjata api dan sebagainya. Sama-sama kita fikir kalau ada langkah-langkah *contingency* yang baik kita akan sokong untuk niat yang baik. Untuk rakan saya, Meru, tapi tak ada pula di sini. Saya nak berkongsi satu muhasabah diri. Kalau bagaimana saya pelik, bila Meru mengambil contoh daripada Ahmadinejad, pemimpin Syiah yang mengatakan, sebagaimana contoh beliau tadi. Setahu saya, Ahmadinejad adalah pemimpin Syiah Iran. Sedangkan kita sedia maklum, kalau bercakap tentang demonstrasi jalanan, dalam sejarah Islam terbukti, Khalifah Umar terbunuh gara-gara demonstrasi jalanan oleh Abdullah Saaba, iaitu yang mencetuskan atau pencipta Syiah pada ketika itu. Jadi, tuan-tuan puan sekalian, sama-samalah kita bertanggungjawab dengan apa yang kita cakap, apa yang kita buat, sesungguhnya kita sebut tadi.....

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI :** Puan Speaker.

**Y.B. DATO' AMIRUDDIN BIN SETRO :** Tiada yang orang munafik itu, yang saya sebut tadi, kalau kita.....

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI :** Nak minta penjelasan Jeram kejap.

**Y.B. DATO' AMIRUDDIN BIN SETRO :** Saya dah nak gulung dah.

**TUAN SPEAKER :** Ayat terakhir, Jeram.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Ini Jeram baru pun tak bagi peluang.

**TUAN SPEAKER** : Ayat terakhir daripada Jeram.

**Y.B. DATO' AMIRUDDIN BIN SETRO** : Ayat terakhir, dia kata, bukan saya tak bagi.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Ok lah, tak apa, tak apa.

**Y.B. DATO' AMIRUDDIN BIN SETRO** : Jadi itulah Tuan Speaker, realitinya, ayat terakhir saya, contohilah Saidina Umar, seorang pemimpin yang bertanggungjawab dan takutkan Allah sehingga jika ada seekor kambing yang mati antara sempadan pemerintahannya, Saidina Umar akan berasa susah hati. Mungkin ia mati kerana terjatuh akibat jalan-jalan yang tidak diselenggara dan sebagainya. Dengan itu Tuan Speaker, Jeram mohon menyokong dan juga mendukung usul titah menjunjung kasih ucapan Tuanku Sultan Selangor pada hari yang semalam. Itu saja.

**TUAN SPEAKER** : Kuala Kubu Bharu.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG** : Terima kasih Puan Speaker. Yang Berhormat - Yang Berhormat, pegawai-pegawai kerajaan, salam sejahtera. Kuala Kubu Bharu mohon turut serta dalam perbahasan menjunjung kasih ke atas titah ucapan Duli Yang Maha Sultan Selangor. Selaras dengan titah ucapan Duli Yang Maha Sultan Selangor yang menekankan kepentingan dasar prinsip tadbir urus yang baik, dengan izin, *good governance*, dalam semua pelaksanaan tugas dan proses membuat keputusan bagi negeri Selangor. Kerajaan negeri Selangor telah mengamalkan tadbir urus yang baik, integriti dan akauntabiliti sejak 2008. Amalan ini telah mendapat sambutan yang baik di kalangan rakyat negeri Selangor dan mereka yakin amalan ini akan diteruskan lagi. Itulah antara sebabnya Pakatan Rakyat menang 44 kerusi Dewan Negeri Selangor berbanding dengan 36 kerusi Dewan Selangor pada tahun 2008.

Puan Speaker, kemenangan besar Pakatan Rakyat semasa PRU ke 13 di negeri Selangor adalah hasil usaha gigih semua pihak untuk meningkatkan keyakinan rakyat terhadap keupayaan kerajaan negeri melaksanakan dasar yang telah diamanahkan. Usaha gigih mereka tidak akan sia-sia sekiranya kerajaan negeri dapat menunaikan segala janji-janji PRU ke 13. Kuala Kubu Bharu yakin kerajaan negeri akan menunaikan janji-janji PRU ke 13. Akan tetapi, masa itu emas. Kerajaan negeri perlu melaksanakan janji tersebut secepat mungkin, untuk memberikan manfaat yang berbaloi kepada rakyat Selangor. Orang ramai mula menanya, bilakah program-program yang ditawarkan di dalam manifesto pakatan Rakyat Selangor yang bertemakan meneruskan kecemerlangan. Untuk kebaikan golongan rakyat yang memerlukan pembelaan dan bantuan dilaksanakan. Kelewatan pelaksanaan janji-janji tersebut, akan menjadikan kredibiliti kerajaan negeri.

Puan Speaker, kemenangan kerajaan pakatan rakyat dalam PRU ke 13, bukan sahaja mencerminkan kejayaan kerajaan negeri, dalam melaksanakan janji-janjinya. Ia juga mencerminkan dedikasi semua pihak yang terlibat. Antaranya, satu, kakitangan

kerajaan negeri Selangor yang turut bertungkus-lumus bekerjasama dengan pihak kerajaan dan Ahli Dewan Negeri - Ahli Dewan Negeri di pelbagai kawasan untuk sama-sama membina sebuah kerajaan negara, negeri baru yang bersih, jujur dan berdaya saing. Ahli-ahli Majlis PBT, yang sudi berkhidmat dan berkorban masa demi kebajikan dan hak rakyat Selangor. Pihak NGO yang menyambut baik seruan kerajaan negeri Selangor dan memberikan nasihat serta sumbangan mereka sama ada dalam segi perundingan, penyertaan dalam jawatankuasa-jawatankuasa berkenaan dan sebagainya. Di samping meraikan kemenangan penggal kedua kerajaan Pakatan Rakyat di Selangor, jangan pula kita lupakan pengorbanan seorang kakitangan kerajaan negeri, berdedikasi yang malangnya tidak lagi bersama kita hari ini. Pada bulan Julai ini, saudara Teoh Beng Hock telah meninggalkan kita dengan penuh tanda tanya. Saudara Beng Hock, yang merupakan pembantu khas EXCO Negeri Selangor telah dijumpai mati, pada 15 Julai 2009, di ibu pejabat SPRM Selangor, setelah hadir ke pejabat berkenaan membantu proses siasatan SPRM. Hingga ke hari ini, kematian beliau masih belum mendapat jawapan konkret oleh kerajaan Barisan Nasional. Sebaliknya beliau telah di fitnah sebagai membunuh diri. Kita tahu, saudara Beng Hock, tidak membunuh diri. Sebaliknya beliau telah dianiayai dan dibunuh dengan kejam sekali oleh pembunuh yang sampai sekarang masih belum diberkas dan dihukum. Kematiannya adalah disebabkan oleh penganiayaan politik kerajaan Barisan Nasional, yang telah mempergunakan jentera kerajaan demi kepentingan politik mereka iaitu dalam cubaan menjatuhkan kerajaan negeri Selangor PR, pada masa itu. Tahun ini adalah ulang tahun keempat kematian saudara Beng Hock. Seperti tahun-tahun yang lepas, satu upacara peringatan telah dirancang oleh DAP pada 14 Julai jam 8.30 pagi, di Taman Peringatan Nirwana.....

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Speaker, boleh....

**TUAN SPEAKER :** Kuala Kubu Bharu, Permatang minta mencelah.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Terima kasih, Kuala Kubu Bharu. Saya, dalam isu yang Kuala Kubu Bharu sebut mengenai kematian Teoh Beng Hock, Kuala Kubu ada lihat tak, bahawa satu Suruhanjaya Diraja sudah ditubuhkan, dan sudah menjalankan siasatan penuh, terperinci, termasuk memanggil semua saksi, di kedua-dua belah pihak, termasuk pakar-pakar perubatan. Dan satu *finding*, satu keputusan telah dibuat, mengenai perkara tersebut, kenapa Yang Berhormat masih tak boleh terima pendapat ataupun keputusan yang datangnya daripada Suruhanjaya Diraja. Yang Berhormat kena semak dulu siasatan itu, sebelum buat tuduhan kepada pihak-pihak yang lain, polis, SPRM dan sebagainya. Suruhanjaya ini memang jelas. Dah membuktikan apa sebab dan punca kematian individu yang dimaksudkan. Yang Berhormat jangan buat tuduhan yang tidak tepat, di dalam Dewan ini.

**Y.B PUAN LEE KEE HIONG :** Terima kasih, saya tak nampak kawasan itu, tak apa. Terima kasih, Permatang. Ya, memang ada Suruhanjaya tersebut, tapi pegawai-pegawai yang di, ada apa-apa pegawai SPRM yang kena ambil tindakan, yang

di sebut dalam Suruhanjaya itu. Tidak, tiada tindakan yang diambil. Itu sebab, kita hari ini kena adakan lagi majlis peringatan untuk Teoh Beng Hock.

Saya teruskan, mana tadi ni. Mari kita sama-sama menghadiri berkenaan. Ahli-Ahli Yang Berhormat di Dewan ini dan warga Malaysia yang prihatin, dijemput untuk menunjukkan sokongan kepada keluarga mendiang saudara Beng Hock, serta sebagai isyarat kuat kepada orang-orang yang telah menyebabkan kematian saudara Beng Hock, bahawa kita tidak akan lupakan peristiwa dan kita tidak akan mengizinkan kerajaan Barisan Nasional terlepas daripada tanggungjawab mereka yang mengakibatkan kematian sia-sia seorang pemuda yang bernama Teoh Beng Hock.

Puan Speaker, titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor juga menyentuh dengan pembangunan, berkembang ke daerah-daerah luar bandar, supaya anak-anak muda tidak perlu lagi mencari pekerjaan di bandar. Kebanyakan anak-anak muda meninggalkan kampung mereka dan berhijrah ke bandar kerana kekurangan peluang pekerjaan di kawasan luar bandar. Kuala Kubu Bharu amat berharap, program pembangunan desa telah menjadi tumpuan kerajaan negeri pada penggal kali ini, bukan sahaja akan meningkatkan pendapatan per kapita penduduk kampung seperti mana dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar semalam. Ia juga akan menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan bagi anak-anak muda di kawasan luar bandar.

Puan Speaker, kawasan luar bandar juga terdapat banyak destinasi pelancongan yang berdaya saing, yang masih lagi perlu di naik taraf infrastrukturnya dan dibangunkan. Sebagai contoh pusat pelancongan dan rekreasi yang terdapat di Hulu Selangor, antaranya ialah Sungai Ike, Kalumpang, Air Terjun, Semangkuk, Santuari Ikan Kelah, Sungai Cheling, Rumah Rehat (*Rest House*) Seri Berkat Bukit Fraser, Kawasan Rekreasi Sungai Kekongkong Batang Kali, Air Terjun Sungai Sendat Hulu Yam, Taman Milenium Kuala Kubu Baharu, *Rest House* Kuala Kubu Baharu, Hutan Lipur Pelajaran Sungai Kekongkong, Kolam Air Panas Hulu Tamu, Batang Kali, Air Terjun Serendah, Kolam Air Panas Kerling, Tapak Sukan Rasa, Kalumpang. Malah banyak lagi pusat pelancongan dan rekreasi yang boleh diterokai di Daerah Hulu Selangor, dan ia boleh memberi peluang kepada anak-anak muda mendapat pekerjaan dan membuka peluang-peluang perniagaan serta menaikkan ekonomi penduduk di sini. Taburan penduduk Hulu Selangor sehingga 2010 ialah 164,387 orang di mana 64,619 orang adalah daripada golongan muda. Dengan terlaksananya program pembangunan desa, saya yakin dan percaya anak-anak muda akan dibela dan peluang pekerjaan akan lebih terjamin dengan aktiviti-aktiviti rekreasi dan pelancongan. Antara program pembangunan desa yang boleh dibuat adalah semua tempat-tempat rekreasi pelancongan perlu dibekalkan dengan kemudahan asas seperti jalan masuk bertar, lampu tandas, surau dan tempat persalinan serta gerai perniagaan yang sesuai, agar pengguna lebih selesa dan selamat. Hari ini di dalam surat khabar Sinar Harian, di ruangan Hulu Selangor, muka surat 44, yang bertajuk “Kolam Air Panas terpinggir” yang terletak di belakang Maktab Polis Kuala Kubu Bharu, Taman Sinar Harapan, perlu diambil tindakan sewajarnya dan diberi kemudahan asas jalan masuk untuk mudah di kunjungi oleh orang ramai. Akhir sekali, Kuala Kubu Baharu ingin menarik perhatian

pihak kerajaan negeri, agar lebih banyak peruntukan disalurkan kepada Hulu Selangor untuk pembangunan desa dan Kuala Kubu Baharu menawar diri sedia membantu kerana Kuala Kubu Bharu, terletak di dalam daerah Hulu Selangor bagi menjayakan program ini. Kuala Kubu Bharu berharap pihak kerajaan negeri akan mengambil berat penawaran ini demi kesejahteraan hidup penduduk serta membuka peluang pekerjaan dan perniagaan di Selangor. Sekian, Kuala Kubu Bharu menyokong titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

**PUAN SPEAKER** : Batu Caves, saya bagi Bukit Gasing dulu, kerana sudah banyak kali bangun. Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN** : Terima kasih Puan Speaker, kerana memberi peluang kepada Bukit Gasing untuk mengambil bahagian dalam ucapan terima kasih serta menjunjung kasih kepada ucapan Sultan Selangor. Puan Speaker, Bukit Gasing mengambil perhatian yang serius terhadap pembangunan bandar yang teratur. Pembangunan bandar ini sepatutnya meningkatkan kualiti hidup rakyat-rakyat di negeri Selangor khususnya di kawasan Petaling Jaya di mana saya menjadi Wakil Rakyat dan bukan sebaliknya menurunkan kualiti hidup. Kerajaan perlu meneliti setiap permohonan dan terutamanya yang saya ingin bangkitkan di Dewan yang mulia pada hari ini ialah permohonan tukar syarat tanah. Setiap permohonan tukar syarat tanah terutama daripada industri kepada komersial perlulah konsisten (dengan izin), dengan rancangan tempatan Majlis Perbandaran. Setiap permohonan tukar zon, tempatan perlulah diteliti dengan sempurna dengan perbincangan yang secukupnya dengan rakyat kerana perancangan pembangunan bandar ini amatlah penting dalam menjelaskan atau menaikkan kualiti hidup penduduk-penduduk dan rakyat negeri Selangor.

Bukit Gasing ingin bertanya apakah mekanisme supaya memastikan Pihak Berkuasa Tempatan tidak meluluskan pembangunan-pembangunan yang bercanggah dengan kerajaan tempatan. Apakah mekanisme-mekanisme untuk memastikan bahawa *flow roadshow* yang diluluskan tidak melebihi yang dibenarkan di dalam perancangan kerajaan tempatan. Bukit Gasing juga ingin bertanya adakah Seksyen 38 (2) Akta Perancangan Bandar Dan Desa dan Akta 172 adalah dirancang untuk digunakan untuk menambah baik proses pembangunan semula di kawasan bandar. Contohnya kawasan industri seperti Seksyen 13 Petaling Jaya dan USJ 1 Subang Jaya.

Bukit Gasing juga ingin bertanya kepada kerajaan negeri Selangor adakah kawalan akan dilakukan terhadap pangsapuri perkhidmatan atau (dengan izin) *service department* yang sekarang giat dibangunkan kawasan komersial di serata di negeri Selangor. Pembangunan pangsapuri perkhidmatan ini adalah di kawasan komersial perancangan untuk sekolah, dewan aktiviti sukan, kawasan lapang dan sebagainya. Tetapi perancangan, tetapi pembangunan pangsapuri perkhidmatan ini akan menjelaskan pertumbuhan penduduk yang akan meningkat akan lebih pesat yang *initially* (dengan izin) dalam rancangan tempatan.

Isu kedua yang Bukit Gasing ingin bawa pada hari ini ialah penambahbaikan perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan. Bukit Gasing ingin membawa beberapa

contoh untuk isu-isu yang penting dibangkitkan oleh penduduk, aduan penduduk. Isu kebersihan. Di mana isu kebersihan, isu sampah longgok, longkang, isu kebersihan padang, isu kebersihan tong sampah-tong sampah awam di kawasan padang, di kawasan komersial dan sebagainya. Perlu dibersihkan dengan sempurna. Kita ingin menuju ke arah bandar raya bertaraf kelas pertama dan bukan sahaja bandaraya biasa. Jadi saya harap Kerajaan Negeri boleh mengambil bahagian isu kebersihan bukan sahaja cukup 95% sampah diangkat tetapi 100% perlu dibersihkan serta-merta setiap hari.

Ingin juga dibangkitkan isu kualiti jalan raya. Setiap tahun kita ada peruntukan MARRIS yang disalurkan kepada JKR dan juga PBT-PBT untuk membuat penyelenggaraan jalan raya di negeri Selangor di bawah pemerintahan kerajaan negeri. Bukit Gasing berharap penyelenggaraan ini akan dilakukan dengan bukan sahaja menampal jalan tetapi merangka satu pelan tindakan yang sempurna bagi memastikan semua jalan raya di dalam kualiti yang baik dan tidak perlu sampai kerosakan di tahap melampau baru dibaiki. Penjadualan berkala perlu dilakukan mungkin setiap 5 tahun atau 7 tahun, 10 tahun. Mungkin pakar-pakar kerajaan negeri boleh menasihatkan. Tetapi yang penting, jadual berkala itu penting dilaksanakan kepada orang awam. Juga penting S.O.P. ataupun spesifikasi kerja perlu dipantau dengan lebih baik.

Bukit Gasing ingin juga membangkitkan tentang penguatkuasaan PBT yang perlu lebih konsisten contohnya terhadap utiliti pengorekan jalan kerja-kerja yang tidak menampal dengan sempurna. Isu-isu penguatkuasaan yang lain, seperti iklan haram juga perlu dilakukan dengan konsisten dengan satu pelan strategik bukan dengan cara *one of* (dengan izin) untuk mengadakan sidang akhbar. Kita perlu ada satu pelan strategik supaya mengatasi perkara ini (dengan izin).

Bukit Gasing juga ingin bertanya pada hari ini. Bagaimana penyiasatan-penyiasatan kerajaan negeri terhadap isu yang dibangkitkan dengan tanah pajakan Petaling Jaya lama. Didakwa tanah pajakan pada hari ini di *lease hold* sepatutnya tanah jenis *free hold*. Memandangkan ada bukti-bukti yang menunjukkan bahawa sebelum pembangunan bandar ini, sebelum pembangunan kawasan kediaman-kediaman ini adalah kawasan ladang. Kawasan itu adalah ladang jenis *free hold* dan mengapa menjadi *free hold* selepas ladang-ladang itu ditukar dijadikan kawasan perumahan.

Seterusnya, Bukit Gasing juga ingin membangkitkan isu peluang kepada pemilik-pemilik di *hold* adakah mereka diberi satu peluang untuk membayar satu premium jenis tanah kepada jenis *free hold*, ini adalah satu permintaan yang kuat untuk kerajaan negeri Selangor amatlah prihatin. Kerajaan negeri Selangor tidak berhasrat untuk merampas balik tanah atau mengambil balik tanah tempoh pajakan, Kerajaan Negeri memberi satu skim yang sangat bagus untuk melanjutkan pajakan tanah ini. Dengan ini saya harap kerajaan negeri Selangor boleh pergi melangkah satu ke hadapan daripada skim pajakan skim lanjutan yang ada untuk memberi peluang kepada penduduk-penduduk dan rakyat negeri Selangor untuk melanjut, menukar hak milik pajakan kepada hak milik kekal.

Bukit Gasing juga ingin mengemukakan isu kemiskinan bandar yang menjadi semakin serius di kawasan bandar-bandar kami. Ini mungkin penghijrahan dari luar bandar ke bandar ataupun suasana kepesatan ekonomi yang mungkin tidak tumbuh seperti biasa berpuluh-puluh tahun yang lepas. Gaji yang tidak naik cukup pantas seperti kos sara hidup. Kerajaan perlu prihatin untuk mencari cara-cara penyelesaian masalah-masalah yang dihadapi terutamanya masalah perumahan di mana kawasan bandar tidak mempunyai rumah mampu milik dan peluang perniagaan dan peluang pekerjaan yang mencukupi pada mereka. Saya harap kerajaan boleh meneliti membekalkan pembangunan, pembangunan semula ke kawasan bandar untuk mengekalkan rumah mampu milik yang secukupnya untuk penduduk yang miskin bandar.

Bukit Gasing juga ingin membawa isu pembangunan. Pembangunan yang berlaku di Kuala Lumpur tetapi menjelaskan penduduk di Petaling Jaya. Penduduk yang di maksudkan ini ialah pembangunan di Bukit Gasing bukan DUN Bukit Gasing tetapi bukitnya di Petaling yang mana terdapat di mana terdapat pembangunan yang berlaku di bahagian Kuala Lumpur. Pembangunan-pembangunan ini bawa risiko dan kacau ganggu seperti tanah runtuh dan apabila hujan lebat, lumpur mengalir daripada bahagian Kuala Lumpur ke Petaling Jaya. Dan ini menyebabkan kacau ganggu kepada rumah-rumah dan rakyat di Petaling Jaya. Bukit Gasing berharap kepada kerajaan negeri Selangor dapat mempertahankan kepentingan penduduk Petaling Jaya ini dengan menyuarakan apa yang perlu kepada Kerajaan Persekutuan atau Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk mempertahankan kepentingan penduduk-penduduk Petaling Jaya.

Seterusnya, saya ingin membangkitkan isu ketulusan pentadbiran. Saya sangat gembira menjadi Ahli Dewan Negeri daripada Pakatan Rakyat yang adalah dewan yang pertama melaksanakan *freedom asia air* (dengan izin). Tapi hari ini saya mencadangkan untuk penggal kedua kerajaan Pakatan Rakyat di Selangor membuat satu langkah ke hadapan yang lebih besar untuk meningkatkan ketulusan pentadbiran. Cadangan saya ialah selain bajet Kerajaan Negeri dan kerajaan PBT diletakkan di laman web masing-masing. Saya ingin mencadangkan setiap perincian perbelanjaan ini juga dimaklumkan untuk orang awam melihat dan mengkajinya. Contohnya perincian membaiki jalan raya, berapa juta diperuntukkan? Bagaimana digunakan? Berapa projek yang telah dilaksanakan? Di mana projek-projek ini dilaksanakan? Berapa kos tiap projek ini dilaksanakan? Saya yakin ketulusan ini akan disambut baik oleh rakyat di negeri Selangor.

Bukit Gasing juga memberi perhatian yang serius terhadap rumah ibadat dibina tanpa izin. Bukit Gasing ingin bertanya adakah sebarang bincian yang telah dilakukan terhadap rumah ibadat yang dibina tanpa izin. Jika ada bincian tersebut, saya diharap dapat diberikan kepada semua Yang Berhormat - Yang Berhormat dalam dewan yang mulia ini.

Bukit Gasing ingin tanya pada kerajaan pada hari ini. Apakah polisi Kerajaan Negeri kepada struktur-struktur dan rumah-rumah ibadat masih dalam pembinaan tanpa izin. Adakah tindakan akan diambil, atau telah diambil pada hari ini. Dan bagi yang telah

siap dibina, bagaimana pula untuk membuat pemutihan. Adakah satu jawatankuasa tetap diadakan. Bukit Gasing ingin mencadangkan satu jawatankuasa tertentu yang fokus ditubuhkan khusus untuk melihat isu ini. Bukan sahaja ada berpuluh-puluh tetapi beratus-ratus rumah ibadat seluruh negeri Selangor yang didirikan tanpa pemilikan tanah atau tanpa kelulusan dari PBT. Tetapi saya berharap kerajaan negeri akan prihatin dan tidak mengambil keputusan yang tidak tergesa-gesa kerana rumah ibadat ini ia wujud untuk kepentingan rakyat. Ini adalah satu perkara yang sensitif. Kita tidak seharusnya tergesa-gesa untuk membuat apa-apa pencerobohan di mana-mana rumah ibadat ini walaupun dibina tanpa izin. Tapi kita perlu serius untuk menangani isu ini.

Puan Speaker, isu seterusnya yang hendak dibangkitkan oleh saya ialah untuk *by law-by law* (dengan izin) atau undang-undang kecil Pihak Berkuasa Tempatan. Terdapat banyak usaha untuk menyeragamkan undang-undang kecil Pihak Berkuasa Tempatan ada kebaikan penyeragaman ini bagi kemudahan rakyat Selangor untuk memudahkan rakyat di negeri Selangor membuat urusan dengan Pihak Berkuasa Tempatan. Tetapi dengan arah kerajaan negeri Selangor yang hendak membuat pilihan raya dengan Kerajaan Tempatan, saya ingin tanya dasar kerajaan negeri Selangor, adakah kita masih lagi meneruskan usaha untuk membuat penyeragaman undang-undang kecil ini ataupun kita akan membiarkan PBT menentukan undang-undang kecil yang sesuai sendiri selaras dengan ahli-ahli majlis Pihak Berkuasa Tempatan yang dipilih oleh rakyat. Saya rasa adalah lebih baik jika kita memberi peluang kepada Ahli-ahli majlis yang dilantik bukan oleh kerajaan tetapi oleh rakyat sendiri untuk membuat keputusan-keputusan terdapat dasar-dasar dan polisi yang akan dibangkitkan.

**TUAN SPEAKER :** 2 minit lagi Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Saya akan bangkitkan dua isu lagi sebelum tamat pada hari ini. Isunya ialah Pejabat Tanah dan permohonan-permohonan T.O.L. yang saya ingin bangkitkan pada hari ini ialah bukan sahaja orang awam yang menghadapi kesukaran untuk berurusan dengan Pejabat Tanah tetapi malah Pihak Berkuasa Tempatan juga menghadapi masalah urusan dalam dengan Pejabat Tanah untuk isu T.O.L. Saya harap kita boleh mengusahakan untuk menambah baik sistem untuk penggunaan permohonan T.O.L. untuk kerajaan tempatan boleh dipercepatkan dan boleh disempurnakan. Dua kes ini terjadi *park and ride*(dengan izin) yang hendak dibina oleh Majlis Perbandaran, Majlis Bandaraya Petaling Jaya di stesen LRT yang menghadapi masalah.

Yang keduanya, isu-isu *billboard* diluluskan oleh PBT masih lagi ada yang belum dapat T.O.L. daripada Pejabat Tanah. Diharapkan pihak berkuasa negeri boleh ambil serius isu-isu ini. Dan terakhir yang saya ingin bangkitkan pada hari ini. Ini mungkin isu terakhir terhadap sebelum dewan ditangguhkan pada hari ini. Isu tanah bagi sekolah iaitu Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan juga Sekolah Agama Rakyat. Saya ingin bertanya pada dewan yang mulia ini berapa lama lagi di sekolah tidak menyempurnakan isu-isu tanah mereka dan masih lagi belum lagi tanah yang di gazet atau tanah yang dimiliki yang diberikan apa yang diberikan oleh

kerajaan negeri Selangor untuk menyelesaikan masalah ini. Dan saya harap, masalah ini dapat diselesaikan secepat mungkin kerana telah berlanjutan lama. Sekian, Terima kasih, Bukit Gasing mohon mencadang.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian jam sudah pun 6.00 petang. Maka dewan ditangguhkan pada sehingga hari esok 3.7.2013 jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

( Dewan ditangguhkan jam 6.00 petang )